



SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA



Merealisasikan **VISI** Kami
Realizing Our VISION

LAPORAN TAHUNAN
ANNUAL REPORT

2012

PERNYATAAN VISI SSM

“ Menjadi Pendaftar dan Organisasi Kawal Selia Korporat Bertaraf Dunia Yang Memenuhi Keperluan Perniagaan Menerusi Pendaftaran, Maklumat, Kawal Selia Dan Khidmat Nasihat Yang Berkesan ”

TERAS STRATEGIK

1. Menggalakkan dan mendorong tadbir urus yang baik untuk mewujudkan persekitaran perniagaan yang lebih kondusif.
2. Menyampaikan produk dan perkhidmatan yang inovatif untuk memenuhi keperluan pihak berkepentingan.
3. Menyediakan perkhidmatan yang bermutu tinggi menerusi kecemerlangan operasi.
4. Menjana sinergi menerusi kerjasama strategik.
5. Berkembang menjadi organisasi berasaskan pengetahuan untuk membentuk pemikiran yang kompetitif.
6. Memupuk budaya berprestasi tinggi menerusi pembangunan keupayaan dan kemampuan.
7. Mengoptimumkan ICT untuk meningkatkan kecekapan, keberkesanan dan ketangkasan perusahaan.

NILAI-NILAI KORPORAT



Kerja Berpasukan



Integriti



Peningkatan pengetahuan dan kemahiran berterusan



Pencapaian Hasil



Berorientasi pelanggan




KONSEP KULIT


Kulit Laporan Tahunan SSM 2012 menggambarkan kesan grafik logo SSM dengan megah terbentuk dalam persekitaran Menara SSM di KL Sentral.

Imej logo disepadankan bersama bangunan-bangunan yang menandakan terdapat kepelbagaian perniagaan di Negara ini. Ini menunjukkan usaha berterusan SSM dalam mencapai visi untuk menjadi pendaftar dan organisasi kawal selia korporat bertaraf dunia yang memenuhi keperluan perniagaan menerusi pendaftaran, maklumat, kawal selia dan khidmat nasihat.

KANDUNGAN

04	Perutusan YB Menteri	08	Prakata Pengerusi	12	Ulasan Tahunan Ketua Pegawai Eksekutif	19	Anggota Suruhanjaya Syarikat Malaysia
25	Pengurusan Eksekutif	31	Tinjauan Ekonomi Dan Analisa Statistik Utama SSM 2012	41	Laporan Pengurusan	42	Laporan Penyampaian Perkhidmatan
51	Laporan Inisiatif Penguatkuasaan Dan Program Latihan	75	Laporan Inisiatif Pembaharuan Undang-undang	76	Laporan Penglibatan Dan Kerjasama Pihak Berkepentingan	89	Penyataan Kawalan Dalam
						93	Penyataan Kewangan





PERSPEKTIF SSM

PERUTUSAN YB MENTERI

PRAKATA PENERUSI

ULASAN TAHUNAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF



PERUTUSAN YB MENTERI

Malaysia terus kecapai kemajuan yang kukuh dalam mewujudkan persekitaran perniagaan yang kondusif dan boleh dipercayai. Menurut Bank Dunia melalui laporan *Doing Business 2013* yang diterbitkan pada Oktober 2012 telah meletakkan Malaysia sebagai ekonomi paling mesra perniagaan ke-12 di kalangan 185 negara di dunia untuk menjalankan perniagaan, meningkat enam (6) kedudukan dari tahun sebelumnya... Pencapaian yang membanggakan ini adalah hasil daripada dasar pro-perniagaan Malaysia yang disokong oleh pelbagai agensi termasuk SSM untuk meningkatkan daya saing negara.

Tahun 2012 merupakan ulang tahun kesepuluh SSM sejak ia mula beroperasi pada tahun 2002. Sedekad yang lalu, SSM telah meraih pelbagai pengiktirafan sama ada domestik dan antarabangsa sebagai fasilitator ke arah menjadikan Malaysia berdaya saing dan sebagai salah satu destinasi menjalankan perniagaan yang terbaik di dunia. Saya amat gembira bahawa sepanjang tahun kewangan, SSM terus membina asas yang kukuh dalam memainkan peranan fasilitatif dengan melaksanakan pelbagai inisiatif untuk mencapai visinya menjadi pendaftar korporat bertaraf antarabangsa dan pengawal selia yang memenuhi keperluan perniagaan.

Malaysia terus kecapai kemajuan yang kukuh dalam mewujudkan persekitaran perniagaan yang kondusif dan boleh dipercayai. Menurut laporan Bank Dunia melalui *Doing Business 2013* yang diterbitkan pada Oktober 2012 telah meletakkan Malaysia sebagai ekonomi paling mesra perniagaan ke-12 di kalangan 185 negara di dunia untuk menjalankan perniagaan, meningkat enam (6) kedudukan dari tahun sebelumnya. Sementara itu, menurut *World Competitive Yearbook 2012* yang dikeluarkan oleh *Institute for Management Development*, Malaysia melonjak ke kedudukan 14 daripada kedudukan 16 pada tahun 2011 dari segi persaingan global. Pencapaian yang membanggakan ini adalah hasil daripada dasar pro-perniagaan Malaysia yang disokong oleh pelbagai agensi termasuk SSM untuk meningkatkan daya saing negara.

Pada tahun lalu, ekonomi kita telah menunjukkan prestasi yang baik. Ekonomi Malaysia berkembang sebanyak 5.6% pada tahun 2012 berbanding dengan 5.1% pada tahun sebelumnya, meskipun

persekitaran ekonomi dunia yang sukar dan tidak menentu. Prestasi positif ini tidak akan tercapai tanpa sokongan padu yang diberikan oleh rakyat di negara ini, termasuk SSM, untuk memastikan bahawa ekonomi domestik dapat terus berkembang di tengah-tengah keadaan ekonomi luar yang tidak memberangsangkan.

SSM pada tahun lalu telah berjaya memainkan peranan memudahkan proses pendaftaran syarikat dan perniagaan. Sebanyak 45,441 syarikat telah didaftarkan berbanding dengan 45,455 tahun lepas meskipun persekitaran ekonomi global yang mencabar. Ini merupakan satu bukti kepada asas-asas ekonomi Malaysia yang kukuh dan daya tahan pertumbuhan ekonomi negara.

Pendaftaran perniagaan meningkat sebanyak 14% kepada 324,761 dari 284,598 pada tahun sebelumnya. Pengenalan insentif bagi pendaftaran sebanyak RM50 sekali untuk tempoh lima (5) tahun untuk perniagaan baharu dan pembaharuan yang diperkenalkan oleh SSM pada 27 Mei 2012 bukan sahaja telah berjaya dalam menyokong keusahawanan merujuk rekod jumlah pendaftaran baharu, malah inisiatif ini juga adalah selaras dengan usaha Kerajaan untuk mengurangkan kos menjalankan perniagaan terutama di kalangan penjaja dan peniaga kecil.

Saya amat bangga bahawa SSM berterusan memastikan ia kekal relevan dan selaras dengan perubahan persekitaran perniagaan melalui penglibatan yang kerap dengan pihak-pihak berkepentingan untuk mendapatkan maklum balas membina mengenai undang-undang dan sistem operasi melalui penganjuran dua (2) Forum

45,441
SYARIKAT BAHARU

324,761
PENDAFTARAN PERNIAGAAN BAHARU

RM50 PAKEJ INSENTIF
BAYARAN PENDAFTARAN BAHARU DAN PEMBAHARUAN PENDAFTARAN PERNIAGAAN

5.6%
EKONOMI BERKEMBANG PADA TAHUN 2012

Rundingan Amalan Korporat (CPCF) dan Dialog Tahunan dengan pihak-pihak berkepentingan di Kuching, Sarawak; Kota Kinabalu, Sabah dan Kuala Lumpur. Maklum balas yang diterima dari setiap sesi pertemuan ini membolehkan SSM menyediakan inisiatif-inisiatif serta meningkatkan perkhidmatan demi memenuhi keperluan pihak-pihak berkepentingan.

Saya juga amat kagum dengan penyertaan secara aktif SSM dalam dua (2) acara pada tahun 2012 yang dirasmikan dan dianjurkan oleh Kementerian saya, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) untuk mendekati masyarakat di Pagoh, Johor dan Bera,



90% KADAR PEMATUHAN

Pahang. Selain daripada SSM, sambutan hangat masyarakat dalam kedua-dua acara ini telah berjaya mempromosikan peranan, perkhidmatan dan fungsi agensi-agensi lain di bawah KPDNKK. Selain itu organisasi yang turut mengambil bahagian dalam program ini adalah seperti Perbadanan Harta Inteltek Malaysia (MyIPO), Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Bank Kerjasama Rakyat Malaysia, Perbadanan Nasional Berhad (PNB) dan Maktab Koperasi Malaysia (MKM).

Sebahagian daripada usaha yang berterusan SSM dalam menggalakkan amalan tadbir urus korporat yang baik dan menambah pengetahuan kepada pihak-pihak berkepentingan, Akademi Latihan SSM (COMTRAC), terus memainkan peranan penting dalam menjalankan program-program latihan di seluruh negara sepanjang tahun. Selain daripada penyusunan semula modul latihan sedia ada yang menjadi kontemporari dengan senario terkini korporat kepada para pengarah, program latihan peringkat tinggi yang dikenali sebagai CDTP Premier telah diperkenalkan bagi pengarah korporat berprofil tinggi seperti KPE, KPO dan kakitangan pengurusan utama dalam syarikat-syarikat multinasional, tersenarai, awam dan GLC.

Inisiatif latihan dan pendidikan yang dijalankan ditambah dengan usaha penguatkuasaan berkesan yang dilaksanakan pada tahun-tahun sebelumnya telah berjaya menyemai rasa tanggungjawab masyarakat korporat untuk menjalankan tugas

PERUTUSAN YB MENTERI

mereka, selaras dengan keperluan undang-undang. Ini dapat dilihat melalui kadar pematuhan yang tinggi iaitu sebanyak 90% yang dicapai hasil daripada serahsimpan penyata tahunan pada tahun 2012 dan 2011.

Selain itu pada tahun 2012, Pekeliling Amalan Terbaik Perniagaan (BBPC) SSM yang ketiga bertajuk "*Achieving Corporate Integrity*" telah dilancarkan, merupakan sesuatu yang luar biasa kerana ia adalah selaras dengan aspirasi kerajaan untuk memerangi rasuah. Penerbitan BBPC adalah hasil daripada usaha sama Ahli Meja Bulat Integriti Korporat yang terdiri daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Bursa Malaysia, Institut Integriti Malaysia, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Transparency International Malaysia, Unit Pemantauan dan Penyelarasan NKRA Rasuah dan Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU) NKRA Rasuah.

Elemen yang paling penting BBPC ialah Ikrar Integriti Korporat yang membolehkan perniagaan dan syarikat-syarikat untuk secara *unilateral* mengisytiharkan komitmen mereka terhadap integriti korporat ke arah mewujudkan persekitaran perniagaan yang dipercayai bebas daripada rasuah.

Dua (2) Siri Seminar Tanggungjawab Korporat (CRSS) turut diadakan di Kota Kinabalu dan Johor Bahru pada tahun 2012 bertujuan mempromosikan tadbir urus korporat yang baik serta mewujudkan kesedaran mengenai tanggungjawab korporat di kalangan perusahaan kecil dan sederhana.

Di peringkat antarabangsa, SSM terus memainkan peranan yang penting secara aktif dalam menghadiri persidangan antarabangsa dan menerima pelawat-

pelawat dari pejabat pendaftar korporat asing. Saya juga gembira melihat SSM berkongsi kejayaan dengan pendaftar korporat asing semasa lawatan mereka ke SSM melalui pelbagai inisiatif. Ini termasuk wakil-wakil dari Capital Market Authority (CMA) Kenya; Securities and Exchange Commission of Pakistan (SECP), Companies and Intellectual Properties Commission of South Africa (CIPC) serta misi lawatan dari Timor Leste yang terdiri daripada kerajaan Timor-Leste dan International Financial Centre (IFC).

Tahun ini turut menyaksikan Akta Perkongsian Liabiliti Terhadap 2012 (PLT) telah diluluskan. Selain daripada menjadi wahana alternatif untuk menjalankan perniagaan di Malaysia, PLT memberi pelabur kelebihan liabiliti terhadap yang sama dengan syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat dan privasi perkongsian konvensional di mana akaun mereka tidak akan difailkan kepada Pendaftar. Oleh itu, PLT akan membantu menggalakkan usahawan di negara ini dengan lebih ramai usahawan bercita-cita tinggi dan muda dijangka mengambil kesempatan ini untuk melibatkan diri mereka dalam perniagaan.

Saya yakin dengan komitmen dan sokongan berterusan yang tidak berbelah bahagi daripada warga kerjanya, SSM akan terus menikmati pencapaian yang baik pada tahun 2013 dan tahun-tahun mendatang ke arah mencapai aspirasi menjadikan Malaysia destinasi yang paling sesuai untuk menjalankan perniagaan bagi komuniti perniagaan dunia.

DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB

Menteri Perdagangan Dalam Negeri,
Koperasi dan Kepenggunaan
1 Ogos 2013



PRAKATA PENGERUSI

SSM telah melampaui fungsi berkanunnya dalam mewujudkan persekitaran perniagaan yang kondusif untuk negara. Ia secara konsisten telah melaksanakan Pelan Hala Tuju Strategik yang berjaya membuka jalan bagi pelaksanaan inisiatif memudah menjalankan perniagaan di Malaysia. Pelaksanaan pelbagai projek di bawah Pelan Hala Tuju Strategik Pertama (2004-2009) dan diikuti oleh pelaksanaan inisiatif dalam bidang utama berdasarkan Pelan Hala Tuju Strategik Kedua (2010-2014) sesungguhnya telah mencatatkan hala tuju yang jelas untuk SSM bukan sahaja untuk melaksanakan fungsinya di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001, tetapi juga memainkan peranan menyokong agenda nasional dalam menghadapi membantu perniagaan menempuhi cabaran hari esok.

Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) telah melangkah jauh sejak ia ditubuhkan pada 16 April 2002. Sempena ulang tahun ke-10 SSM, pelbagai kemajuan dan pencapaian yang diperolehi oleh organisasi ini dalam memenuhi fungsinya sebagai pendaftar dan pengawal selia korporat adalah amat ketara. Komitmen untuk sentiasa memperbaiki perkhidmatan, berinovasi dan usaha pembangunan yang konsisten telah menjadi asas perjalanan SSM ke arah mewujudkan persekitaran yang menyokong perniagaan di Malaysia.

Sebagai contoh, beberapa usaha sedang giat dijalankan untuk mewujudkan rangka kerja yang moden, teguh malah praktikal bagi undang-undang korporat baharu, rekayasa proses dalaman perniagaan, melaksanakan sistem teras SSM baharu bagi meningkatkan perkhidmatan elektronik atau dalam talian yang sedia ada, memperkenalkan format XBRL revolusi baru pelaporan bagi penyata kewangan dan pembangunan produk baharu yang mana, selaras dengan keperluan masyarakat korporat. Anggota-anggota Suruhanjaya akan terus memantau pelaksanaan semua strategi utama serta dengan ketabahan dan komitmen kakitangan SSM, kami yakin untuk mencapai visi untuk menjadi pendaftar korporat kelas dunia dan pengawalselia



yang memenuhi keperluan perniagaan menerusi pendaftaran berkesan, maklumat, peraturan dan nasihat.

Selain daripada melaksanakan pelan hala tuju strategik, SSM juga telah melaksanakan inisiatif-inisiatif pada 2012 dalam menjana minat di kalangan usahawan dan peniaga kecil untuk mendaftarkan perniagaan mereka. Pengenalan insentif dalam bentuk pengurangan dan pengecualian pendaftaran fi perniagaan bagi peniaga kecil dan masyarakat orang kurang upaya sepanjang tahun ini harus dipuji kerana ia menjana impak yang sangat positif ke atas ekonomi secara keseluruhan. Melalui peningkatan pendaftaran perniagaan baharu ia telah mewujudkan kesan berganda ke arah merangsang aktiviti perniagaan dalam negara serta menyumbang ke arah menghitung aktiviti perniagaan sebenar dan sumbangan kepada negara, apatah lagi manfaat tanpa had diperoleh melalui pendaftaran perniagaan yang tidak berdaftar.

Usaha-usaha dalam mendaftarkan perniagaan yang tidak berdaftar mesti dimanfaatkan dalam menyokong dan memudahkan perniagaan kecil yang tidak berdaftar ke arah menjadikan entiti perniagaan

secara formal dan mencapai peningkatan kredibiliti untuk perniagaan mereka serta membuka jalan untuk mendapatkan dana baru sehingga membuka jalan ke pasaran baru. Langkah sedemikian akan membuka satu dimensi baru untuk usahawan perniagaan dalam memasarkan produk dan perkhidmatan mereka.

Pada tahun lalu, SSM juga telah memperkenalkan banyak saluran penyampaian baharu melalui pembukaan pejabat SSM di Pusat Transformasi Bandar Melaka (UTC) dan UTC Kuala Lumpur, masing-masing pada bulan Jun dan September 2012 bagi menyokong hasrat Kerajaan untuk menyediakan pusat kemudahan pelbagai perkhidmatan untuk masyarakat awam bandar. UTC merupakan projek di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan 6 (NBOS6) yang menempatkan pelbagai agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan, institusi perbankan dan kewangan, kemudahan kesihatan dan perubatan, pusat pendidikan, keselamatan dan perkhidmatan keselamatan, bantuan kebajikan, pusat-pusat perunding usahawan serta ruang perniagaan untuk memenuhi keperluan masyarakat bandar. Walaupun kebanyakan perkhidmatan ini boleh didapati di bandar-bandar, UTC telah menyediakan semua ini di bawah satu bumbung.



PRAKATA PENGERUSI

SSM sentiasa menyokong usaha bagi merealisasikan agenda nasional dan memainkan peranan ke arah memastikan Malaysia mencapai kejayaan di peringkat antarabangsa bagi kemudahan menjalankan perniagaan. Kita menyaksikan kedudukan Malaysia telah meningkat secara kumulatif dalam beberapa kajian antarabangsa seperti kaji selidik yang dijalankan oleh Kumpulan Bank Dunia dan *International Finance Corporation* dalam Laporan *Doing Business 2013* dan *World Competitiveness Yearbook 2012* oleh *Institute for Management Development's* (IMD). Peningkatan kukuh Malaysia dalam kedudukan menunjukkan negara berkembang ke arah sebuah negara maju sememangnya tepat. Melangkah ke hadapan, SSM perlu meneruskan usaha bagi memastikan kedudukan Malaysia meningkat khususnya dalam petunjuk memulakan perniagaan Laporan *Doing Business* Bank Dunia. Saya percaya bahawa selain daripada meningkatkan kedudukan kita dalam pelbagai petunjuk antarabangsa, yang lebih penting kita perlu berusaha lebih memenuhi jangkaan pelanggan dan pihak-pihak berkepentingan.

SSM akan terus menghadapi cabaran masa hadapan serta bagi pihak Anggota-anggota Suruhanjaya Syarikat Malaysia, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua anggota jawatankuasa Suruhanjaya Syarikat Malaysia, pihak-pihak berkepentingan dan semua warga kerja kami atas sokongan berterusan, dedikasi dan sumbangan kepada kejayaan tahun ini. Bersama-sama kita memainkan peranan serta berusaha dengan gigih dan memandang ke hadapan dengan penuh keyakinan untuk prestasi SSM yang lebih baik demi melonjak Malaysia ke tahap yang lebih tinggi pada tahun-tahun akan datang.

DATO' SARIPUDDIN BIN KASIM

Pengerusi

Suruhanjaya Syarikat Malaysia

20 Jun 2013



SEM
SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
COMMISSION OF MALAYSIA COMPANIES



ULASAN TAHUNAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Tahun 2012 menyaksikan SSM melaksanakan inisiatif menawarkan Pakej Insentif Pendaftaran Perniagaan dan Pembaharuan Perniagaan bagi tempoh 1 Jun 2012 hingga 31 Disember 2012. SSM mencatatkan peningkatan jumlah pendaftaran perniagaan baharu sebanyak 324,761 (peningkatan sebanyak 14%) dan 793,123 transaksi pembaharuan pendaftaran perniagaan (peningkatan 33.8%) berbanding tahun 2011.

Tahun 2012 menyaksikan ekonomi Malaysia mencatatkan pertumbuhan memberangsangkan pada kadar 5.6% walaupun keadaan ekonomi global adalah sederhana. Prestasi ekonomi Malaysia telah didorong oleh permintaan domestik yang kukuh disokong oleh pertumbuhan memberangsangkan dalam perbelanjaan domestik yang telah didorong oleh keyakinan pengguna domestik, kadar inflasi yang rendah, aktiviti pelaburan awam dan swasta yang mantap dengan memudahkan pembiayaan dan dasar kewangan.

Dalam tempoh tersebut, SSM amat berbangga dapat memainkan peranan dalam membantu pertumbuhan ekonomi negara dengan menawarkan persekitaran perniagaan yang dinamik dan kondusif melalui penyampaian perkhidmatan perniagaan yang responsif, berkualiti serta disokong oleh perundangan yang memudahkan komuniti korporat.

Pada tahun 2012, sebanyak 45,441 syarikat dipertingkatkan dan 324,761 perniagaan didaftarkan oleh SSM. Pertambahan entiti perniagaan ke dalam eko-sistem perniagaan akan mengukuhkan ekonomi domestik Malaysia.

Memandangkan peningkatan perbelanjaan modal merupakan salah satu faktor pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi, namun, ia perlu disokong dengan perbelanjaan pengguna yang mampan serta diperkukuhkan melalui aktiviti pelaburan daripada sektor awam dan swasta. Perbelanjaan pengguna dijangka mencatat pertumbuhan yang kukuh dan disokong oleh peningkatan pendapatan isi rumah. Mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan untuk pasaran pekerjaan secara tidak langsung akan membantu meningkatkan kuasa membeli serta merangsang pertumbuhan ekonomi. Di samping itu, ia akan mewujudkan ruang ekonomi untuk perniagaan dan industri yang memperolehi penambahan

permintaan barangan dan perkhidmatan yang membawa ke arah prospek pertumbuhan yang lebih baik.

Antara sorotan inisiatif strategik SSM pada tahun 2012 adalah seperti berikut:

Untuk meningkatkan tahap perkhidmatan, SSM telah menubuhkan pejabat pusat perniagaan di Pusat Transformasi Bandar Melaka dan Kuala Lumpur, masing-masing pada bulan Jun dan September 2012. Ini adalah projek di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan 6 (NBOS6) yang tujuannya untuk meningkatkan penglibatan pelanggan secara langsung sebagai sebahagian dari pusat perkhidmatan pelbagai kemudahan yang disediakan oleh kerajaan dan sektor swasta bagi orang awam bandar. Pusat-pusat ini dibuka tujuh (7) hari seminggu dan perkhidmatan kaunter akan beroperasi setiap hari dari 8.30 pagi sehingga 4.30 petang manakala kaunter maklumat akan beroperasi dari 8.30 pagi sehingga 10.00 malam kecuali ditutup pada cuti umum. Antara perkhidmatan yang disediakan adalah:

- (a) Pendaftaran perniagaan, pembaharuan, penamatan dan pendaftaran perubahan maklumat perniagaan;
- (b) Pendaftaran syarikat, kelulusan nama syarikat, pemerbadanan syarikat baharu, penukaran status syarikat, perubahan nama syarikat dan serahsimpan dokumen berkanun;
- (c) Maklumat syarikat dan perniagaan, salinan dokumen syarikat dan perniagaan (dengan atau tanpa sijil) dan surat penamatan perniagaan;
- (d) Pemerbadanan Syarikat Berhad Menurut Jaminan (SBMJ); dan
- (e) Permohonan Kelulusan Menteri.

Tahun 2012 menyaksikan SSM untuk pertama kalinya menawarkan Pakej Insentif Pendaftaran Perniagaan Baharu dan Pembaharuan Perniagaan yang didaftarkan atau diperbaharui dalam tempoh 1 Jun 2012 sehingga 31 Disember 2012. Perniagaan yang berdaftar atau diperbaharui dalam tempoh tersebut akan diberikan kadar insentif khas dengan diskaun daripada fi yang dikenakan. Tawaran pakej insentif SSM ini merupakan sebahagian daripada Rancangan Malaysia Kesepuluh oleh kerajaan dalam usaha untuk meningkatkan dan membantu perniagaan kecil, penaja dan peniaga kecil. Pakej ini direka untuk semua usahawan perniagaan kecil dan insentif yang dinikmati adalah seperti berikut:

- (a) Bayaran pendaftaran perniagaan dan pembaharuan pendaftaran perniagaan untuk tempoh lima (5) tahun sebanyak RM50 berbanding fi semasa sebanyak RM300 bagi perkongsian dan RM150 bagi pemilikan tunggal untuk tempoh lima (5) tahun; dan
- (b) Diskaun sebanyak 50% akan diberikan kepada pemilik tunggal dan perkongsian untuk semua pendaftaran lewat perniagaan dan lewat membaharui pendaftaran perniagaan mengikut Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 (APP).

14%
PENINGKATAN PENDAFTARAN
PERNIAGAAN BAHARU

33.8%
PENINGKATAN PEMBAHARUAN
PERNIAGAAN



Jumlah pendaftaran baharu yang dicatatkan untuk tempoh dari 1 Jun hingga 31 Disember 2012 adalah 190,790 berbanding 162,306 pada tahun 2011 manakala terdapat sebanyak 511,565 transaksi pembaharuan berbanding 320,064 dalam tempoh yang sama pada tahun 2011. Hasilnya, SSM mencatatkan jumlah pendaftaran perniagaan baharu dan pembaharuan yang membanggakan pada tahun 2012 dengan 324,761 dan 793,123, masing-masing bagi perniagaan yang berdaftar dan diperbaharui, menunjukkan peningkatan sebanyak 14% pada pendaftaran perniagaan baharu dan 33.8% bagi pembaharuan perniagaan berbanding tahun 2011. Ini menunjukkan bahawa Pakej Insentif yang ditawarkan oleh SSM untuk membantu dalam pengurangan kos menjalankan perniagaan telah memberikan impak yang positif kepada perniagaan kecil.

SSM telah menambahbaik sistem pendaftaran untuk menampung peningkatan yang dilakukan untuk melicinkan dan menambahbaik proses pendaftaran. Sehubungan itu, lain-lain penambahbaikan dilaksanakan secara holistik bagi memastikan SSM mampu mengekalkan data terkini dalam pendaftaran. Semua penambahbaikan yang dilakukan dapat mengurangkan waktu menunggu orang awam dan kesilapan semasa proses pendaftaran.

Bagi mengurangkan kos menjalankan perniagaan dan bagi membantu Malaysia berada di kedudukan 10 tangga teratas daripada kedudukan semasa iaitu 12 dalam kaji selidik "*Ease of Doing Business*", SSM telah melaksanakan beberapa cadangan masa depan iaitu pengurangan fi pemerbadanan untuk modal dibenarkan sehingga RM400,000 dan mewajibkan penggunaan sistem MyCoID diperingkat pemerbadanan syarikat.

Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 (PLT) telah selesai digubal dan ini mencerminkan salah satu

usaha SSM untuk mengurangkan kos menjalankan perniagaan di Malaysia. Akta PLT telah diluluskan oleh Parlimen pada 21 Disember 2011 dan kemudiannya diwartakan pada 9 Februari 2012, ia dijangka dilaksanakan dalam suku tahunan pertama 2013. Ia merupakan wahana perniagaan baharu yang merupakan gabungan antara syarikat dan perkongsian konvensional selain menawarkan keistimewaan status liabiliti terhad yang dinikmati oleh pemegang saham syarikat yang diberikan kepada rakan-rakan kongsi daripada PLT tetapi dengan manfaat yang mempunyai fleksibiliti perkongsian konvensional dalam menguruskan perniagaan melalui perkongsian.

Perniagaan yang ditubuhkan sebagai perkongsian liabiliti terhad adalah sebuah badan korporat yang mempunyai entiti undang-undang yang berasingan daripada rakan-rakan kongsi dan kewujudannya bercirikan kekal dengan kapasiti tanpa had. PLT juga akan membantu untuk merapatkan jurang dalam kerangka perundangan korporat semasa dan menyediakan satu bentuk perniagaan alternatif bagi melengkapkan pilihan tradisional mekanisme perniagaan. Ia juga akan menyediakan fleksibiliti dan kebebasan kepada pihak yang berkepentingan untuk memilih model perniagaan yang paling sesuai dengan keperluan perniagaan masing-masing.

Tambahan juga, semakin berterusan SSM terhadap Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 dan Akta Syarikat 1965 (AS) adalah pada peringkat terakhir penyiapan di mana perubahan yang dibuat akan meningkatkan reputasi SSM sebagai pengawal selia korporat yang dinamik dan sektor korporat akan mendapat manfaat daripada prosedur menjalankan perniagaan dan undang-undang korporat yang dipermudahkan.

SSM juga telah memperkenalkan semula tempoh moratorium bagi pembatalan nama syarikat-syarikat

ULASAN TAHUNAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

yang tidak aktif dari 1 Julai 2012 sehingga 31 Disember 2012 untuk membantu pengarah dan pemegang saham untuk membatalkan nama syarikat tidak aktif. Dalam tempoh tersebut, SSM melonggarkan syarat-syarat untuk membatalkan syarikat di bawah seksyen 308(1) AS untuk menggalakkan dan memudahkan permohonan membatalkan nama syarikat daripada daftar untuk syarikat-syarikat tidak aktif. Sebagai panduan kepada pemohon, SSM telah mengeluarkan garis panduan yang bertajuk “*Guidelines For The Application To Strike-Off A Name Of A Defunct Company Under Section 308(1) Of The Companies Act 1965 During Moratorium Period (1 July – 31 December 2012)*” di mana garis panduan ini memaklumkan mengenai prosedur dan keperluan untuk permohonan bagi mengeluarkan nama-nama syarikat yang tidak berfungsi di bawah seksyen 308(1) AS dalam tempoh moratorium.

Terdapat sebanyak 13,879 permohonan yang diterima dalam tempoh moratorium berbanding 15,686 permohonan yang diterima pada tahun 2011 dan jumlah syarikat dorman yang dibatalkan nama pada tahun 2012 adalah sebanyak 14,215. Ini menyumbang kepada peningkatan keseluruhan integriti pangkalan data SSM untuk memastikan bahawa maklumat korporat yang ada adalah relevan, tepat, sah, boleh dipercayai, lengkap dan terkini. Ia juga akan membantu usaha kerajaan ke arah mengurangkan kos penutupan syarikat di Malaysia.

Antara sebahagian usaha berterusan dalam menambahbaik penyampaian maklumat korporat, SSM telah memulakan satu projek membangunkan sistem pelaporan kewangan syarikat berdigital berdasarkan format *eXtensible Business Reporting Language* (XBRL). XBRL adalah format pelaporan yang berasaskan piawaian global untuk pertukaran maklumat perniagaan. Pada tahun lepas, SSM telah memulakan inisiatif membangunkan Taxonomy XBRL SSM berdasarkan piawaian perakaunan *The*

International Financial Reporting Standards (IFRS) dan *The Malaysian Financial Reporting Standards* (MFRS), *Private Entity Reporting Standards* (PERS) dan syarat-syarat yang berkaitan di bawah AS dan cadangan Rang Undang-Undang Syarikat.

1.463 JUTA

TRANSAKSI PERKHIDMATAN DALAM TALIAN E-INFO

Melalui XBRL, masa dan kos untuk mendapatkan maklumat dapat dikurangkan. XBRL dijangka akan menambahbaik laporan kewangan korporat Malaysia, di mana penyata kewangan perlu disediakan mengikut piawaian perakaunan yang diiktiraf di peringkat antarabangsa akan diterjemahkan ke dalam sistem XBRL itu.

SSM merancang untuk melaksanakan format XBRL laporan kewangan secara sukarela pada tahun 2014 dan akan diwajibkan pada masa akan datang yang ditentukan oleh Pendaftar.

Pada tahun 2012, SSM mengadakan “Program Jalinan Kasih: Kesedaran Keusahawanan Bersama OKU” di mana Pakej Insentif bagi Orang Kelainan Upaya (OKU) telah dilancarkan. Dalam pakej ini, fi yang dikenakan bagi pendaftaran dan pembaharuan perniagaan telah dikecualikan kepada OKU.

Insentif yang diberikan kepada OKU adalah untuk menggalakkan masyarakat kelainan upaya untuk menceburi bidang perniagaan dan juga menggalakkan mereka untuk memperbaharui lesen perniagaan mereka yang sedia ada. Dalam tempoh dari 23 Oktober 2012 hingga 31 Disember 2012, terdapat 604 transaksi bernilai RM31,910 yang dinikmati oleh OKU dan pakej insentif ini telah berkuatkuasa bermula pada 23 Oktober 2012.



Berkaitan pengawal-seliaan skim kepentingan, SSM telah meningkatkan aktiviti-aktiviti kesedaran mengenai keperluan untuk pendaftaran skim kepentingan dengan SSM. Pada bulan Mac 2012, SSM telah menerbitkan ruang-ruang iklan dalam beberapa akhbar untuk memberi amaran kepada para pelabur mengenai risiko melabur dalam skim kepentingan serta khususnya skim haram dan tidak berdaftar. Orang awam dan pelabur telah diingatkan supaya berhati-hati dengan skim yang menjanjikan pulangan segera yang tidak realistik. Juga, sentiasa berhati-hati dan menilai risiko setiap kali mereka melabur dalam mana-mana pelaburan termasuk skim kepentingan. SSM telah menerbitkan saluran untuk membuat aduan mengenai skim tidak berdaftar atau yang menyalahi undang-undang di Malaysia.

Selain daripada mendidik dan mewujudkan kesedaran mengenai skim kepentingan haram, SSM mempromosi pendaftaran Skim Kepentingan pada tahun 2012 dan hasil daripada kempen kesedaran itu, penyertaan dan kerjasama dengan agensi-agensi dan pihak berkepentingan yang luar biasa dengan pendaftaran syarikat sebanyak 15 skim baharu berbanding dengan enam (6) skim baharu yang didaftarkan pada tahun 2011.

Pada tahun 2012, perkhidmatan dalam talian e-Info SSM telah mencatatkan 1,462,783 transaksi yang terdiri daripada 474,688 transaksi yang berhubung dengan maklumat perniagaan dan 988,095 transaksi maklumat syarikat dengan perolehan

sebanyak RM14.6 juta. Kunjungan antarabangsa ke laman sesawang e-Info telah meningkat kepada 77,195 yang merupakan peningkatan sebanyak 3% berbanding tahun 2011. Walau bagaimanapun, terdapat penurunan sebanyak 9% untuk transaksi e-Lodgement kepada 123,204 transaksi yang dilakukan pada tahun 2012 (2011: 135,682 transaksi).

Pada 29 Mei 2012, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) telah melancarkan Malaysia Express Sistem Francais (MyFEX) di mana MyFEX merupakan sistem dalam talian untuk pendaftaran francais di Malaysia. MyFEX telah mewujudkan satu sistem yang mampu menghubungkan sistem e-Info SSM yang berasaskan laman sesawang bagi data-data elektronik syarikat dan perniagaan. SSM telah menyediakan satu saluran baru untuk pembelian secara langsung maklumat digital dan pada masa yang sama, memudahkan urusan niaga pendaftaran francais yang berjaya dalam talian dengan KPDNKK.

Peranan yang dimainkan oleh Bank Simpanan Nasional (BSN) sebagai agen SSM bagi pembaharuan pendaftaran perniagaan sangat memberangsangkan. Terdapat peningkatan pendapatan yang besar sehingga lima (5) kali ganda berbanding 2011, hasil yang diperolehi melalui BSN berjumlah RM3.2 juta pada tahun 2012. Ini menunjukkan bahawa kemudahan yang disediakan sebagai saluran untuk pembaharuan pendaftaran perniagaan telah diterima baik oleh usahawan perniagaan.

Hasil kerja keras dan usaha gigih oleh warga kerja SSM telah diberi pengiktirafan. Pada tahun ini, SSM telah dianugerahkan:

- (a) Taraf 4 bintang untuk Kecemerlangan dalam Pengurusan Kewangan dari Jabatan Audit Negara.

ULASAN TAHUNAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

- (b) Taraf 5 bintang untuk Penilaian Laman Web dan Portal Kerajaan Malaysia.
- (c) Pensijilan Amalan 5S oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia melalui pengurusan 5S dalam membantu mengurangkan pembaziran dan mengoptimumkan produktiviti melalui mengekalkan tempat kerja yang teratur dan menggunakan isyarat visual untuk mencapai keputusan yang lebih konsisten operasi.



Pencapaian ini dapat dicapai kesan daripada komitmen, kerjasama dan dedikasi semua warga kerja SSM dalam kerja seharian mereka. Walaupun idea-idea inovatif wujud untuk mengurangkan proses pentadbiran, masih ada ruang untuk penambahbaikan sejajar dengan Pelan Hala Tuju Strategik II (SDP II) dengan visi yang jelas untuk menjadikan SSM sebuah institusi korporat bertaraf dunia, pembekal maklumat korporat dan penguatkuasaan tadbir urus korporat.

Pada tahun 2012, SSM Kedah dan SSM Pahang telah berpindah ke pejabat baharu yang lebih kondusif dan selesa manakala SSM Pulau Pinang telah menjalani pengubahsuaian bagi menampung penambahan permintaan terhadap perkhidmatan.

Kaunter SSM di ibu pejabat juga telah diubahsui untuk menyediakan persekitaran yang lebih baik dan keselesaan bagi pelanggan dan warga kerja SSM. Pada tahun 2013, SSM merancang untuk memindahkan pejabat SSM Kelantan. Selaras perkembangan SSM, harapan pelanggan dan pihak-pihak berkepentingan menjadi lebih tinggi dari semasa ke semasa terutamanya dari pihak kerajaan dan pihak berkepentingan korporat. Oleh itu pihak-pihak berkepentingan ini mengharapkan warga kerja SSM lebih komited, cekap dan berkesan.

Seperti pada tahun sebelumnya sejak penubuhan pusat latihan SSM pada tahun 2007, Akademi Latihan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (COMTRAC) telah menjalankan latihan mengenai topik-topik yang meluas seperti yang ditunjukkan dalam laporan ini. Yang paling ketara adalah Persidangan Kebangsaan SSM 2012 dengan tema '*Managing Corporate Governance, Creating Value, Transforming Economy*' yang telah menekankan pelbagai isu-isu tadbir urus korporat yang telah menarik lebih daripada 305 peserta.



Merujuk kepada jumlah keseluruhan syarikat yang diperbadankan adalah melebihi 1 juta manakala perniagaan yang didaftarkan adalah melebihi 4 juta.



ULASAN TAHUNAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Angka tersebut jelas menunjukkan kepentingan fungsi kawalselia dan aktiviti pemantauan SSM terhadap komuniti perniagaan.

Tambahan juga, SSM telah berjaya menganjurkan beberapa program khas sepanjang tahun 2012 yang mempunyai kesan secara tidak langsung meningkatkan tahap kesedaran orang ramai terhadap fungsi selaku pendaftar korporat dan perniagaan dan mengukuhkan kedudukan SSM sebagai peneraju amalan tadbir urus korporat di Malaysia.

SSM secara konsisten menanda aras dirinya pada tahap tertinggi sepertimana yang dicapai oleh Pendaftar Korporat bertaraf dunia. Selain itu, piawaian ini juga dilanjutkan untuk meningkatkan pengawasan dan tindakan penguatkuasaan melalui kajian proses dan sistem dalaman yang sedia ada. Selaras dengan falsafah penguatkuasaan seimbang (*balance enforcement approach*), SSM telah memilih pendekatan penguatkuasaan yang lebih mesra perniagaan dengan mewujudkan kesedaran, menyediakan latihan dan pendidikan untuk menggalakkan pematuhan secara sukarela berterusan daripada komuniti korporat dan perniagaan.

Selaras dengan inisiatif semakan semula undang-undang, pengurusan SSM merancang untuk melaksanakan program transformasi dengan menubuhkan sebuah seksyen yang baharu dikenali sebagai Seksyen Transformasi Pengurusan. Seksyen ini bertanggungjawab untuk menyemak dan mengkaji semula semua proses kerja dalaman SSM, prosedur dan akan mencadangkan proses kerja baru yang lebih cekap dan berinovatif.

Semua program transformasi hanya boleh dilaksanakan dengan jayanya melalui dedikasi dan komitmen daripada pegawai dan warga kerja. Sokongan dan penglibatan mereka adalah penting selain daripada sokongan pasukan pengurusan SSM yang jitu agar sifat-sifat positif seperti akauntabiliti dan bertanggungjawab dapat dicapai.

Saya ingin menyeru kepada seluruh warga SSM agar bekerja sebagai satu pasukan yang mempunyai semangat berpasukan, satu visi dan satu objektif.

Bagi pihak Anggota Suruhanjaya dan Pengurusan Tinggi, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada pihak pengurusan eksekutif dan warga kerja SSM di atas komitmen, dedikasi dan sumbangan kesinambungan kejayaan SSM bagi tahun 2012. Saya juga ingin mengucapkan penghargaan kepada Anggota Suruhanjaya di atas tunjuk ajar dan sokongan. Menjelang tahun 2013, saya amat yakin bahawa SSM yang dipandu oleh visi dan nilai-nilai korporat akan terus memainkan peranan penting dalam menjayakan agenda transformasi ekonomi negara.

MOHD NAIM BIN DARUWISH

Ketua Pegawai Eksekutif
Suruhanjaya Syarikat Malaysia
12 Jun 2013

ANGGOTA SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA (SSM)

Anggota Suruhanjaya SSM dilantik oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan sebagaimana yang diperuntukkan oleh Seksyen 6 Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001. Anggota Suruhanjaya terdiri daripada pengamal undang-undang, pegawai kanan kerajaan, golongan profesional dan tokoh korporat terkemuka yang memiliki rekod pencapaian cemerlang. Anggota Suruhanjaya yang cemerlang dalam pelbagai bidang ini diamanahkan untuk memimpin dan memandu hala tuju SSM. Pada tahun-tahun yang lepas, nasihat dan bimbingan yang amat berguna daripada Anggota Suruhanjaya telah membolehkan SSM mencapai kejayaan cemerlang dan sebagai penanda aras dalam sektor korporat.

Pada tahun ini, Anggota Suruhanjaya telah bermesyuarat sebanyak lapan (8) kali bagi membincangkan dan meluluskan pelbagai perkara penting termasuk pelan jangka panjang, inisiatif strategik dan menganalisa KPI yang ditetapkan. Anggota Suruhanjaya berpendapat tadbir urus dan amalan terbaik adalah penting dan untuk memastikan prinsip-prinsip ini dimasukkan di dalam pelbagai fungsi dan tugas yang dilaksanakan dalam mengawas operasi yang dilaksanakan oleh Pengurusan SSM.

Butiran mesyuarat yang diadakan pada tahun 2012 adalah seperti berikut:

Anggota	Mesyuarat Anggota ke 62 8 Mac 2012	Mesyuarat Khas 1/2012 4 Mei 2012	Mesyuarat Anggota ke 63 21 Jun 2012	Mesyuarat Anggota ke 64 31 Julai 2012	Mesyuarat Anggota ke 65 16 Okt 2012	Mesyuarat Anggota ke 66 22 Nov 2012	Mesyuarat Khas 2/2012 26 Nov 2012	Mesyuarat Anggota ke 67 13 Dis 2012	Jumlah Kehadiran
YBhg. Dato' Saripuddin bin Kasim	√	√	√	√	√	√	√	√	8/8
YBhg. Datuk Idrus bin Harun	√	√	√	√	√	X	√	√	7/8
Y.B. Datuk Hj. Sapawi bin Hj. Ahmad	X	√	√	√	√	√	√	√	7/8
YBhg. Prof. Dato' Dr. Aishah binti Bidin	√	X	√	√	√	√	√	X	6/8
YBhg. Datuk Jason Lau Beng Wei	√	√	√	X	√	√	√	X	6/8
YBhg. Datuk Seri Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee	√	√	√	√	√	X	√	X	6/8
YBhg. Datuk Idris bin Abdullah				√	√	X	X	√	3/5
Y.Brs. Puan Laila Wathiqah binti Judin						√	√	√	3/3
Y.Brs. Encik Mohd Naim Daruwish	√	√	√	√	√	√	√	√	8/8
YBhg. Datin Rozaina binti Zainuddin	√	√							2/2

√ Hadir
X Tidak Hadir



ANGGOTA SURUHANJAYA SSM



Dari kiri ke kanan:

- 1 **YBHG. DATUK IDRIS BIN ABDULLAH**
(2 Jul 2012 - 1 Jul 2014)
- 2 **YBHG. DATIN ROZAINA BINTI ZAINUDDIN**
(25 Ogos 2009 - 8 Mei 2012)
- 3 **YBHG. DATUK IDRUS BIN HARUN**
(1 Jan 2012 - 31 Dis 2013)
- 4 **YBHG. DATO' SARIPUDDIN BIN KASIM**
(16 Jan 2012 - 15 Jan 2014)
- 5 **YBHG. DATUK JASON LAU BENG WEI**
(16 Jan 2012 - 15 Jan 2014)



- 6 **YBHG. PROF. DATO' DR. AISHAH BINTI BIDIN**
(1 Jan 2011 - 31 Dis 2014)
- 7 **YBHG. DATUK SERI SYED ALI BIN TAN SRI SYED ABBAS ALHABSHEE**
(16 Jan 2012 - 15 Jan 2014)
- 8 **Y. BRS. PUAN LAILA WATHIQAH BINTI JUDIN**
(19 Okt 2012 - 18 Okt 2013)
- 9 **Y. BRS. ENCIK MOHD NAIM DARUWISH**
(1 Dis 2011- 30 Nov 2013)
- 10 **Y.B. DATUK HJ. SAPAWI BIN HJ. AHMAD**
(20 Jul 2011 - 19 Jul 2013)

**YBHG. DATO' SARIPUDDIN BIN KASIM**

(16 Jan 2012 - 15 Jan 2014)

Dato' Saripuddin bin Kasim, 53 tahun adalah lulusan Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari University of Hartford, Amerika Syarikat serta Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) dari Universiti Malaya. Beliau telah dilantik sebagai Pengerusi Suruhanjaya Syarikat Malaysia bermula pada 16 Januari 2012.

Beliau memulakan kerjaya sebagai Penolong Pengarah di Kementerian Perdagangan dan Industri pada tahun 1982. Diantara tahun 1984 sehingga 2001, beliau memegang jawatan sebagai Penolong Setiausaha di Kementerian Perusahaan Awam; Penolong Pendaftar di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN); Ketua Penolong Pengarah di Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA); dan kemudiannya sebagai Pegawai Khas kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam.

Pada tahun 2001, Dato' Saripuddin meneruskan kerjayanya di Tokyo, Jepun sebagai Penasihat Kedutaan di Kedutaan Malaysia. Selepas 3 tahun berkhidmat di Jepun, beliau telah dihantar ke Suruhanjaya Tinggi Malaysia di London sebagai Atase Pendidikan dan Latihan.

Sekembalinya beliau ke Malaysia pada tahun 2006, beliau telah ditugaskan di Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sebelum dilantik sebagai Ketua Pengarah Bahagian Hal Ehwal Undang-undang di Jabatan Perdana Menteri pada tahun 2010. Pada bulan Disember 2011, beliau dilantik sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) sehingga sekarang. Sebagai Ketua Setiausaha KPDNKK, Dato' Saripuddin juga merupakan Anggota Suruhanjaya, Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC), Ahli Lembaga Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan Bank Rakyat.

YBHG. DATUK IDRUS BIN HARUN

(1 Jan 2012 - 31 Dis 2013)

Datuk Idrus bin Harun telah dilantik sebagai Anggota Suruhanjaya pada April 2002. Beliau pemegang Ijazah Sarjana Muda Undang-undang (Kepujian) dari Universiti Malaya. Datuk Idrus memulakan kerjayanya sebagai Pegawai Undang-undang pada tahun 1980 dan selepas itu telah berkhidmat dalam pelbagai jawatan penting termasuk Penolong Kanan Pendaftar di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, Hakim Mahkamah Sesyen di Kota Kinabalu, Timbalan Pendakwaraya di Jabatan Peguam Negara, Penasihat Undang-undang Kerajaan Negeri Terengganu, Peguam Kanan Persekutuan di Badan Pencegah Rasuah dan Penasihat Undang-Undang Suruhanjaya Pilihanraya. Beliau merupakan Pendaftar Syarikat pada tahun 1998 sehingga 2002. Beliau meneruskan perkhidmatannya di Jabatan Peguam Negara sebagai Ketua Bahagian Penasihat dan Antarabangsa serta sebagai Penggubal Undang-undang Parlimen sebelum memegang jawatan terkini sebagai Peguamcara Negara.

Datuk Idrus juga pernah berkhidmat sebagai Ahli Lembaga Pengarah Labuan Financial Services Authority (Labuan FSA), Suruhanjaya Sekuriti dan Jawatankuasa Pelaburan Asing (FIC). Pada masa ini juga beliau merupakan Ahli Lembaga bagi Malaysia – Thailand Joint Authority (MTJA), Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN).

Y.B. DATUK HJ. SAPAWI BIN HJ. AHMAD

(20 Jul 2011 - 19 Jul 2013)

Datuk Hj. Sapawi bin Hj. Ahmad telah dilantik sebagai Anggota Suruhanjaya pada 20 Julai 2009. Beliau berkelulusan Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dalam bidang Sejarah dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Sebelum penglibatan beliau dalam bidang politik, Datuk Hj. Sapawi memulakan kerjaya beliau di dalam bidang pendidikan selama 20 tahun sebelum dilantik sebagai Pengarah Biro Tatanegara (Sabah). Beliau merupakan Pengerusi Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah dan juga Pengerusi Majlis Bahasa dan Sastera Sabah. Datuk Hj. Sapawi merupakan Ahli Parlimen Sipitang, Sabah.

ANGGOTA SSM

YBHG. DATIN ROZAINA BINTI ZAINUDDIN

(25 Ogos 2009 - 8 Mei 2012)

Datin Rozaina binti Zainuddin telah dilantik sebagai Anggota Suruhanjaya pada 25 Ogos 2009. Beliau memiliki Ijazah Sarjana dalam Pengurusan Perniagaan (Keusahawanan-Teknologi) dari Universiti Teknologi Malaysia dan merupakan ahli *The Chartered Institute of Transport (UK)*. Beliau memulakan kerjaya di dalam perkhidmatan awam di Jabatan Pengangkutan Jalan pada tahun 1981 dan bermula dari situ beliau telah berkhidmat di pelbagai badan kerajaan termasuk Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran, Kementerian Pengangkutan, Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), Lembaga Hasil Dalam Negeri, Jabatan Perkhidmatan Awam dan Kementerian Kewangan. Lantikan beliau sebagai Anggota Suruhanjaya telah tamat pada 8 Mei 2012 selaras dengan pertukaran beliau ke Jabatan Perkhidmatan Awam.

YBHG. PROF. DATO' DR. AISHAH BINTI BIDIN

(1 Jan 2011 - 31 Dis 2014)

Prof. Dato' Dr. Aishah binti Bidin telah dilantik sebagai Anggota Suruhanjaya mulai 1 Januari 2011. Beliau adalah seorang Profesor Undang-undang Korporat dan Insolvensi dan sekarang ini merupakan Dekan Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang pengkhususan beliau adalah undang-undang syarikat dan kewangan korporat, regulasi sekuriti, kebangkrutan dan insolvensi. Beliau mula mengajar undang-undang syarikat dan perkongsian bermula pada tahun 1989, dan antara bidang lain yang menjadi tumpuan beliau adalah regulasi alam sekitar dan korporat. Prof. Dato' Dr. Aishah banyak menghasilkan penulisan untuk pelbagai jurnal akademik terbitan Malaysia dan Britain tentang undang-undang syarikat, sekuriti dan insolvensi. Prof. Dato' Dr. Aishah menerima Ijazah Sarjana Muda LLB (Kepujian) dari Universiti Malaya, Ijazah Sarjana Undang-undang dari University of Kent dan ijazah kedoktoran falsafah Undang-undang dari University of London.

Prof. Dato' Dr. Aishah pernah menjadi ahli *Malaysian Corporate Law Reform Committee* (CLRC). Beliau adalah Penasihat Undang-undang UKM Holdings, yang merupakan cabang korporat Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau juga merupakan Pengerusi Panel Penasihat COMTRAC (Akademi Latihan Suruhanjaya Syarikat Malaysia), Anggota Panel Penasihat MLTIC (*Malaysian Legal and Tax Information Centre*), anggota Lembaga Pengarah Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK) dan ahli Lembaga Penasihat Harta Intelek UKM.

YBHG. DATUK SERI SYED ALI BIN TAN SRI SYED ABBAS ALHABSHEE

(16 Jan 2012 - 15 Jan 2014)

Datuk Seri Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee telah dilantik sebagai Anggota Suruhanjaya pada 16 Januari 2012. Beliau merupakan pemegang Diploma in Leadership and Management dari New Zealand Institute of Management, New Zealand. Datuk Seri Syed Ali merupakan Pengerusi Tanjong Offshore Berhad dan UZMA Berhad. Beliau juga merupakan Pengerusi Composite Technology Research Malaysia Sdn. Bhd., sebuah syarikat berkaitan kerajaan. Di samping itu, beliau juga telah dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah Tourism Malaysia.



ANGGOTA SSM

YBHG. DATUK JASON LAU BENG WEI

(16 Jan 2012 - 15 Jan 2014)

Datuk Jason Lau Beng Wei telah dilantik sebagai Anggota Suruhanjaya pada 16 Januari 2012. Beliau adalah pemegang Ijazah Sarjana Muda dalam jurusan Kejuruteraan Elektrik dari Universiti Teknologi Malaysia, dan Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Perniagaan Antarabangsa) dari Universiti Putra Malaysia. Beliau merupakan seorang ahli perniagaan yang telah berkecimpung dalam pelbagai bidang seperti kejuruteraan, pembinaan, perlombongan arang, teknologi maklumat, telekomunikasi dan banyak lagi.

Datuk Jason Lau merupakan Pengarah Royce Pharma Holdings, di samping dilantik sebagai Presiden dan Ketua Eksekutif Discovery Mining and Renewable Energy Incorporated di Filipina. Beliau juga merupakan Ketua Eksekutif Varia Engineering & Services Sdn. Bhd. Terkini, Datuk Jason Lau telah dilantik sebagai Profesor Adjung di Universiti Malaysia Kelantan mulai November 2012.

YBHG. DATUK IDRIS BIN ABDULLAH

(2 Julai 2012 - 1 Julai 2014)

Datuk Idris bin Abdullah, 55, telah dilantik sebagai Anggota Suruhanjaya pada 2 Julai 2012. Beliau merupakan pemegang Ijazah Sarjana Muda Undang-undang (Kepujian) dari Universiti Malaya dan memulakan kerjayanya pada tahun 1981.

Datuk Idris merupakan rakan kongsi kanan di Tetuan Idris and Company Advocates di Kuching, Sarawak. Beliau turut memegang beberapa jawatan penting di Malaysia dan Singapura seperti Pengarah Bank Pembangunan Malaysia Berhad, Pengerusi/Pengarah Pembangunan Leasing Corporation Sdn. Bhd., Pengerusi/Pengarah PLC Credit & Factoring Sdn. Bhd., Pengerusi/Pengarah Magnus Energy Group Ltd (tersenarai di SESDAQ Singapura), Pengerusi/Pengarah APAC Coal Ltd (tersenarai di Australian Stock Exchange), Pengerusi/Pengarah Xian Leng Holdings Berhad (tersenarai di Bursa Malaysia) dan Pengarah Konsortium Rangkaian Serantau (Regional Network Consortium) Sdn. Bhd. Beliau juga merupakan Anggota Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM). Terkini, Datuk Idris telah dilantik sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif di Malakoff Corporation Berhad.

Y. BRS. PUAN LAILA WATHIQAH BINTI JUDIN

(19 Okt 2012 - 18 Okt 2013)


Puan Laila Wathiqah binti Judin telah dilantik sebagai Anggota Suruhanjaya pada 19 Oktober 2012. Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian), beliau memulakan kerjaya di dalam perkhidmatan awam pada tahun 1978 sebagai Pegawai Tadbir Am dan seterusnya disahkan ke dalam jawatan sebagai Pegawai Tadbir Diplomatik. Bermula dari situ beliau telah berkhidmat di pelbagai jabatan dan kementerian termasuk Jabatan Perkhidmatan Awam, Kementerian Perusahaan Utama, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dan Unit Koordinasi Strategik Kebangsaan, Kementerian Kewangan. Puan Laila Wathiqah kini merupakan Ketua Seksyen (Pentadbiran Am) di Bahagian Dasar Saraan, Wang Awam dan Khidmat Pengurusan, Kementerian Kewangan.

Y. BRS. ENCIK MOHD NAIM DARUWISH

(1 Dis 2011 - 30 Nov 2013)

Encik Mohd Naim Daruwish berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Undang-undang (Kepujian) dari Universiti Malaya. Kerjaya beliau bermula pada April 1984 sebagai Pegawai Undang-undang di Bank Pertanian Malaysia sebelum dilantik sebagai Majistret pada tahun 1985 dan seterusnya sebagai Majistret Kanan.

Beliau kemudiannya telah dilantik sebagai Pengurus dan seterusnya sebagai Pengurus Kanan Bahagian Pendakwaan/Litigasi, Jabatan Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) Kuala Lumpur. Antara jawatan yang pernah disandang beliau di KWSP ialah sebagai Pengurus Besar di Jabatan Penguatkuasaan, Pengurus Besar Kanan di Jabatan Undang-undang dan Pengurus Besar Kanan di Jabatan Caruman. Encik Mohd Naim dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif SSM berkuatkuasa 1 Disember 2011. Beliau juga merupakan ahli lembaga pengarah Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (Labuan FSA), ahli Yayasan Laporan Kewangan (FRF), ahli Lembaga Pengiktirafan Pegawai Integriti Bertauliah, dan ahli Lembaga Pemantau Audit (AOB).



PENGURUSAN EKSEKUTIF



PENGURUSAN EKSEKUTIF



ENCIK MOHD NAIM DARUWISH
Ketua Pegawai Eksekutif



**PUAN ZAHRAH ABD
WAHAB FENNER**
Timbalan Ketua
Pegawai Eksekutif
(Perkhidmatan)



PUAN ROKIAH MHD NOR
Timbalan Ketua Pegawai
Eksekutif (Operasi)
(Sehingga 1 Disember
2012)



**ENCIK MAHAMAD
NASER BIN DISA**
Pengarah Kanan,
Penguatkuasaan
(Berkuatkuasa dari
25 Jun 2012)



MOHAMED ZANYUIN ISMAIL
Pengarah, Bahagian
Perkhidmatan Pendaftaran



KHUZAIRI YAHAYA
Pengarah, Bahagian Teknologi
Maklumat dan Komunikasi



**NOR AZIMAH
ABDUL AZIZ**
Pengarah, Bahagian Polisi
dan Pembangunan Korporat



AMIR AHMAD
Pengarah, Bahagian
Sumber Korporat



**AZNORASHIQ
MOHAMED ZIN**
Pengarah, Bahagian
Siasatan



AZRYAIN BORHAN
Pengarah, Akademi Latihan
Suruhanjaya Syarikat Malaysia
(COMTRAC)



ROSLI HAJI AHMAD
Pengarah, Bahagian
Pematuhan



MUHAMAD FARIS OTHMAN
Pengarah, Bahagian
Pemasaran dan
Pembangunan Perniagaan





NUR IZZAINI ISHAK
Pengarah, Bahagian
Perkhidmatan Perundangan
(Berkuatkuasa dari
16 Jun 2012)




SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA

CARTA ORGANISASI







TINJAUAN EKONOMI

DAN ANALISA STATISTIK UTAMA SSM 2012



TINJAUAN EKONOMI DAN ANALISA STATISTIK UTAMA SSM 2012

Ekonomi Malaysia berkembang sebanyak 5.6% berbanding 5.1% pada tahun sebelumnya. Perkembangan positif ini didorong oleh permintaan dalam negeri yang teguh dengan pengembangan berterusan dalam perbelanjaan isi rumah serta peningkatan perbelanjaan sektor awam.

Keadaan ekonomi dunia pada tahun 2012 kekal mencabar dengan kebanyakan ekonomi negara maju terus mengalami pertumbuhan yang lemah. Pada tahun ini, eksport barangan pembuatan dan komoditi Malaysia terjejas akibat daripada permintaan luar yang perlahan disebabkan oleh kemerosotan kesan daripada faktor-faktor luaran.

Walaupun ketidaktentuan yang dialami oleh ekonomi dan kewangan dunia, ekonomi Malaysia berkembang

sebanyak 5.6% berbanding 5.1% pada tahun sebelumnya. Perkembangan positif ini didorong oleh permintaan dalam negara yang teguh dengan pengembangan berterusan dalam perbelanjaan isi rumah serta peningkatan perbelanjaan sektor awam.

Aktiviti ekonomi dalam negara yang kukuh digambarkan melalui pertumbuhan sebanyak 14% dalam jumlah perniagaan baharu yang didaftarkan, manakala jumlah syarikat baharu yang

diperbadankan kekal hampir sama seperti tahun sebelumnya.

Ini juga didorong oleh pelaksanaan inisiatif utama di bawah Program Transformasi Kerajaan dan Program Transformasi Ekonomi serta lonjakan dalam pelaburan langsung asing, terutamanya dalam sektor perkhidmatan adalah hasil daripada liberalisasi perkhidmatan di kebanyakan sub-sektor ekonomi.

Perbelanjaan dalam negara dan pelaburan akan terus kekal berdaya saing pada tahun-tahun akan

datang kerana usaha tanpa henti kerajaan melalui pelaksanaan pelbagai inisiatif dan tindakan untuk mengekalkan pertumbuhan ekonomi negara. Oleh itu, ekonomi negara dijangka akan mengekalkan momentum pertumbuhan sebanyak 5.6% pada tahun 2013.


Jumlah Pendaftaran Perniagaan Baharu (Milik Tunggal Dan Perkongsian)




Pendaftaran Perniagaan Baharu (Milik Tunggal Dan Perkongsian)




Jumlah Pemerbadanan Syarikat Baharu (Tempatan Dan Asing)



Pemerbadanan Syarikat Baharu (Tempatan)



Pemerbadanan Syarikat Baharu (Asing)






PEMERBADANAN SYARIKAT PADA TAHUN 2012

Jumlah syarikat baharu diperbadankan bagi tahun 2012 hanya menyusut sebanyak 0.1% berbanding tahun lepas walaupun terdapat ketidakpastian dalam ekonomi dunia yang disebabkan oleh kelembapan ekonomi di kebanyakan negara di Zon Euro dan Amerika Syarikat. Permintaan dalam negeri yang tinggi dan berdaya saing didorong oleh penggunaan swasta yang mapan disebabkan oleh keadaan pasaran buruh yang positif dan persekitaran pembiayaan yang menggalakkan, serta perbelanjaan sektor awam yang lebih tinggi telah membolehkan jumlah bilangan syarikat baharu didaftarkan kekal pada tahap yang sama seperti tahun sebelumnya.

Untuk pemerbadanan syarikat-syarikat asing, sebanyak 75 syarikat asing telah diperbadankan pada tahun 2012 berbanding 47 pada tahun 2011, mewakili peningkatan sebanyak 59% dari tahun sebelumnya. Peningkatan ketara ini menunjukkan bahawa keyakinan pelabur-pelabur asing terhadap pertumbuhan ekonomi negara walaupun keadaan ekonomi di luar tidak memberangsangkan tetapi terdapat syarikat-syarikat yang meluaskan operasi mereka ke Malaysia.

Jumlah Syarikat Yang Diperbadankan sehingga 31 Disember 2010, 2011 dan 2012



PENDAFTARAN PERNIAGAAN PADA TAHUN 2012

Jumlah perniagaan baharu yang didaftarkan telah meningkat sebanyak 14% kepada 324,761 perbandingan tahun-ke-tahun merupakan yang tertinggi untuk tempoh sepuluh tahun (2002-2011). Peningkatan ini diperoleh melalui program *outreach* yang diadakan sepanjang tahun serta pakej insentif yang diperkenalkan pada Jun 2012 untuk mempromosi dan memudahkan pendaftaran perniagaan baharu.

Selain daripada pakej insentif, inisiatif-inisiatif yang diperkenalkan oleh SSM untuk memudahkan pendaftaran melalui pembukaan cawangan di Pusat Transformasi Bandar di Melaka dan Kuala Lumpur, masing-masing dibuka pada Jun dan September 2012, penerusan Kaunter Bergerak Pendaftaran Perniagaan (KBPP), pembukaan Kaunter Litar Pendaftaran Perniagaan di pejabat berkuasa tempatan, dan Kaunter Perkhidmatan Pendaftaran Perniagaan yang ditempatkan di lokasi-lokasi strategik di bandar telah menyumbang kepada sebahagian besar pencapaian ini.

Jumlah Perniagaan Didaftarkan sehingga 31 Disember bagi tahun 2010, 2011 dan 2012



TINJAUAN EKONOMI DAN ANALISA STATISTIK UTAMA SSM 2012

14%

PENINGKATAN KEPADA 324,761 PENDAFTARAN PERNIAGAAN BAHARU

ANALISA SEKTOR SEKTOR PERKHIDMATAN

Pada tahun 2012, sektor perkhidmatan mencatatkan jumlah tertinggi syarikat yang didaftarkan dengan SSM. Ini merangkumi pendidikan (536), aktiviti hartanah (2,105), aktiviti-aktiviti kewangan dan insurans / takaful (2,209), maklumat dan komunikasi (1,689), penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan (2,343), perdagangan borong dan runcit, pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal (17,222) dan lain-lain aktiviti perkhidmatan (1,976).

Jumlah syarikat-syarikat yang diperbadankan di dalam sektor ini menurun sedikit iaitu sebanyak 0.6% kepada 28,080 daripada 28,256 pada tahun sebelumnya. Kebanyakan pemerbadanan baharu adalah dalam sub-sektor borong dan runcit (61%), diikuti dengan penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan (8.3%), kewangan dan insurans (7.9%), dan aktiviti hartanah (7.5%).

Sektor perkhidmatan terus menjadi penyumbang utama pertumbuhan ekonomi Malaysia, menyumbang kepada 3.5% KDNK negara pada tahun 2012. Selain daripada permintaan dalam negara yang kukuh, peningkatan dalam pelaburan langsung asing ke negara ini juga telah mendorong kepada sebilangan besar syarikat-syarikat yang didaftarkan di dalam sub-sektor perkhidmatan. Pada 2012, Malaysia RM29.1 bilion dalam pelaburan langsung asing (FDI) penurunan sebanyak 20.6% berbanding hingga 2011.

Sektor perkhidmatan dijangka mencatat pertumbuhan yang ketara pada tahun-tahun akan datang dengan langkah-langkah yang sedang dijalankan oleh Kerajaan untuk liberalisasi banyak lagi sub-sektor perkhidmatan utama bagi pemilikan asing, membolehkan 100% ekuiti asing dalam banyak sektor.

Syarikat yang Didaftarkan Mengikut Kategori Perniagaan berdasarkan Malaysia Standard Industrial Classification 2008 (MSIC 2008) untuk tahun 2012





SEKTOR PERTANIAN

Jumlah syarikat yang berdaftar dalam sektor pertanian pada 2012 kekal hampir sama dengan 1,449 pendaftaran berbanding dengan 1,552 pada tahun sebelumnya. Permintaan dunia yang tinggi ditambah pula dengan kapasiti pengeluaran yang lebih rendah disebabkan oleh perubahan iklim dan bencana alam yang berlaku di kebanyakan negara-negara pengeluar telah membolehkan sektor ini menikmati harga yang baik sepanjang tahun. Memandangkan permintaan semakin meningkat untuk hasil pertanian yang disebabkan oleh peningkatan populasi dunia, lebih ramai usahawan dijangka menjalankan aktiviti pertanian, terutamanya dalam pengeluaran tanaman makanan seperti ternakan, ikan, buah-buahan dan sayur-sayuran, selain daripada kelapa sawit dan getah.

Selain itu, pertanian telah dikenal pasti sebagai salah satu sumber utama pertumbuhan ekonomi dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10), lebih banyak syarikat dijangka mengambil kesempatan daripada pelbagai insentif yang diwujudkan oleh kerajaan untuk merangsang pertumbuhan dalam sektor pertanian.

SEKTOR PEMBUATAN

Jumlah syarikat baharu yang diperbadankan dalam sektor pembuatan susut sedikit sebanyak 1.8% kepada 3,583 syarikat berbanding 3,648 tahun lepas. Walaupun industri eksport merudum, pertumbuhan dalam industri berasaskan sumber berorientasikan dalam negara disokong oleh permintaan domestik yang kukuh dan peningkatan dalam pelaburan langsung asing (FDI) dalam sektor pembuatan telah menyumbang kepada peningkatan bilangan pendaftaran baharu. Sektor ini menyumbang 50.7% daripada KDNK dengan aliran masuk negara sebanyak RM41 bilion pada tahun 2012.

SEKTOR PERLOMBONGAN

Jumlah syarikat-syarikat yang didaftarkan di sektor perlombongan susut 16.5% kepada 994 berbanding 1,190 tahun lepas. Penurunan ini disebabkan oleh peningkatan ketara sebanyak 65.3% yang dicatatkan

tahun lepas di mana sebilangan besar syarikat-syarikat yang didaftarkan dalam sub-sektor gas asli mengalami permintaan yang lebih tinggi daripada industri petrokimia dalam negara dan eksport yang lebih tinggi ke China, Jepun, Korea dan India. Sektor minyak dan gas menyumbang kira-kira 1.4% daripada KDNK negara pada tahun 2012 dan lebih banyak pendaftaran dijangka kerana pelaburan dijangka meningkat dengan ketara dalam sektor minyak dan gas pada tahun akan datang.

SEKTOR PEMBINAAN

Sebanyak 3,084 syarikat telah diperbadankan dalam sektor pembinaan pada tahun 2012 berbanding 2,801 pada tahun 2011, mewakili peningkatan sebanyak 10.1%. Kebanyakan syarikat-syarikat yang diperbadankan terlibat dalam sub-sektor kejuruteraan awam yang melibatkan pembinaan projek infrastruktur di kawasan luar bandar di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA).


Selain itu, peningkatan dalam pendaftaran baharu juga disebabkan oleh pertumbuhan dalam sub-sektor kediaman dan bukan kediaman. Pertumbuhan dalam sub-sektor kediaman disokong oleh pembinaan hartanah mewah di Lembah Klang, Pulau Pinang dan Johor disebabkan permintaan yang kukuh disokong oleh pembiayaan yang akomodasi dan keadaan pasaran buruh yang stabil. Sub-sektor bukan kediaman telah disokong oleh pembinaan projek-projek pelancongan di Iskandar, Johor, projek-projek komersial di Lembah Klang, kampus Universiti Teknologi Mara dan lain-lain projek perindustrian. Lebih banyak pendaftaran baharu melibatkan anak-anak syarikat baharu yang ditubuhkan oleh syarikat-syarikat pembinaan yang sedia ada untuk melaksanakan pelbagai projek.

KADAR PEMATUHAN

Pada tahun 2012, SSM telah mencapai kadar pematuhan sebanyak 90% berbanding dengan 90.4% pada tahun sebelumnya. Usaha berterusan SSM dalam menggalakkan pematuhan melalui program *outreach* yang di seluruh negara telah membolehkan satu kadar pematuhan yang konsisten

TINJAUAN EKONOMI DAN ANALISA STATISTIK UTAMA SSM 2012

dicapai dalam tempoh dua (2) tahun berturut-turut. Ini turut disokong sejak pengenalan Nota Amalan 1 (PN1) yang dikeluarkan pada tahun 2008 yang menghendaki syarikat persendirian yang dikecualikan menyerahkan penyata tahunan yang teraudit bagi mematuhi Akta Syarikat 1965 (AS).




Sebagai sebuah badan kawal selia korporat yang bertanggungjawab bagi membekal maklumat korporat kepada pihak-pihak berkepentingan yang terdiri daripada pemohon dalam dan luar negara melalui perkhidmatan e-Info, serahsimpan penyata tahunan mengikut masa yang ditetapkan telah ditunjukkan melalui kadar pematuhan yang tinggi secara tidak langsung meletakkan profil SSM dikalangan komuniti perniagaan global sebagai satu badan yang dipercayai mempunyai data korporat kualiti tinggi terutamanya berhubung berkenaan entiti yang berdaftar di bawah AS. Ini dapat dilihat daripada peningkatan ketara dalam bekalan maklumat korporat dalam tempoh tiga (3) tahun yang lalu pada tahun 2010 sehingga 2012 seiring dengan peningkatan kadar pematuhan dalam tempoh masa yang sama.

SKIM KEPENTINGAN

Jumlah skim kepentingan yang didaftarkan pada tahun 2012 meningkat secara mendadak sebanyak 15 berbanding enam (6) pada tahun sebelumnya, menjadikan jumlah 187 pada 31 Disember 2012. Daripada jumlah itu, 68% terdiri daripada skim golf dan kelab rekreasi, diikuti oleh skim kongsimasa (14%).

Kategori Skim Kepentingan yang berdaftar pada tahun 2012



Kategori Skim Kepentingan yang berdaftar dengan SSM dari tahun 2010 hingga 2012

NO	KATEGORI	2012	2011	2010
1.	Kelab Golf & Rekreasi	71	71	71
2.	Kelab Golf & Rekreasi (ahli ialah pemegang saham)	19	19	19
3.	Kelab Rekreasi	34	33	33
4.	Kelab Rekreasi (ahli ialah pemegang saham)	3	3	3
5.	Kongsimasa	27	26	25
6.	Marina	9	9	9
7.	Taman Memorial	5	3	3
8.	Skim Kongsitani	9	6	3
9.	Skim Peralatan	2	1	-
10.	Skim Hartanah	8	1	-
JUMLAH		187	172	166



Pendaftaran skim hartanah menyaksikan peningkatan sebanyak tujuh (7) kali ganda kepada lapan (8) daripada satu (1) pada tahun 2011, manakala skim bagi taman memorial dan kongsitani, masing-masing meningkat sebanyak 67% dan 50%.

Peningkatan pendaftaran baharu untuk skim kepentingan pada tahun ini adalah disebabkan oleh kempen promosi agresif yang dijalankan oleh SSM. Pada tahun ini, sebanyak 12 program pendidikan dalam bentuk seminar dan ceramah telah dijalankan di seluruh negara bagi pelabur. Objektif utama program ini adalah untuk mendidik orang ramai berhubung dengan pelaburan dalam skim kepentingan. Ini termasuk senarai semak bagi pelabur yang bercadang untuk melabur dalam skim faedah, kepentingan pendaftaran, obligasi berkanun pelabur, pemegang amanah dan pengendali skim faedah di bawah AS.

Industri skim kepentingan dijangka berkembang pesat dalam masa terdekat kerana program kesedaran berterusan SSM telah membuktikan kenaikan mantap dalam pendaftaran baharu dalam beberapa tahun kebelakangan ini.


PEMBEKALAN MAKLUMAT KORPORAT

Jumlah bekalan maklumat korporat daripada Data Maklumat Korporat dan Perniagaan (CBID), maklumat elektronik (e-Info) dan sistem imej dokumen (IDAMAN) bagi 2012 meningkat sebanyak 6.4% kepada 1,555,408 berbanding dengan 1,462,039 pada tahun sebelumnya.

SSM dilihat sebagai entiti yang boleh dipercayai bagi pembekalan maklumat korporat yang berguna dan kebolehpercayaan seperti yang ditunjukkan melalui peningkatan yang luar biasa dalam permintaan untuk perkhidmatan tersebut sejak tahun-tahun kebelakangan ini.

Serahsimpan penyata tahunan dan semua dokumen berkanun lain yang mengikut waktu yang ditetapkan serta penambahbaikan berterusan dalam sistem penyampaian perkhidmatan SSM telah menyumbang

kepada pencapaian ini. Permintaan untuk maklumat korporat dan perniagaan dijangka meningkat dengan ketara pada masa hadapan seiring dengan jangkaan peningkatan dalam aktiviti perniagaan di negara ini yang didorong oleh pertumbuhan ekonomi yang kukuh sebanyak 5% kepada 6% setahun dari 2013 sehingga 2020.



PENGGULUNGAN DAN PEMBATALAN NAMA DARI DAFTAR SYARIKAT

Jumlah syarikat yang dibubarkan pada tahun 2012 meningkat kepada 2,419 daripada 1,653 tahun lepas, peningkatan sebanyak 46% di tengah-tengah ketidakpastian dalam persekitaran ekonomi dunia. Daripada jumlah itu, 1,306 atau 54% adalah melalui penggulangan sukarela oleh ahli-ahli dan pemiutang manakala selebihnya adalah disebabkan oleh penggulangan oleh Perintah Mahkamah.

TAHUN	2010	2011	2012
Penggulangan Syarikat	1,487	1,653	2,419
Pembatalan Nama Syarikat (Seksyen 308)	24,098	130,823	14,673

TINJAUAN EKONOMI DAN ANALISA STATISTIK UTAMA SSM 2012

Selepas usaha bersepadu yang diambil oleh SSM mengemaskini dan mengeluarkan daftar syarikat-syarikat yang tidak aktif pada tahun 2011, bilangan syarikat yang dibatalkan oleh SSM sepanjang tahun di bawah seksyen 308 AS menyusut kepada 14,673 dari 130,823 pada tahun sebelumnya. Dengan mengeluarkan nama-nama syarikat yang tidak aktif daripada daftar SSM bermakna hanya syarikat-syarikat aktif yang kekal dalam daftar. Melalui cara ini, statistik yang disediakan oleh SSM kepada pihak-pihak berkepentingan untuk tujuan analisis atau kajian akan menjadi lebih berguna dan relevan kerana mengambilkira hanya syarikat yang aktif dalam aktiviti ekonomi.

Selain itu, ukuran kadar pematuhan tahunan oleh SSM akan lebih tepat kerana hanya syarikat aktif yang serahsimpan penyata tahunan mereka dengan SSM akan dimasukkan ke dalam pengukuran ini.

PENAMATAN PERNIAGAAN


Jumlah perniagaan yang ditamatkan pada tahun 2012 mencatat sedikit peningkatan iaitu sebanyak 1.3% atau 20,380 berbanding 20,121 pada tahun sebelumnya. Jumlah ini adalah kurang berbanding jumlah pendaftaran baharu sebanyak 324,761 yang direkodkan pada tahun yang sama.


Di samping itu, bukan semua penamatan yang direkodkan adalah kerana kegagalan perniagaan tetapi sebahagian yang menamatkan operasi perniagaan mereka disebabkan oleh mendapat pekerjaan baharu, manakala yang lain mungkin kerana menceburi lain-lain jenis perniagaan baharu.


Data statistik SSM menunjukkan bahawa purata bilangan perniagaan yang ditamatkan setiap tahun untuk tempoh tiga (3) tahun yang lalu (2010-2012) adalah 20,079 tetapi dalam tempoh yang sama, purata bilangan pendaftaran baharu setahun adalah 293,591.

Peratusan penamatan perniagaan yang rendah direkodkan sejak beberapa tahun kebelakangan ini menunjukkan penjaja dan peniaga kecil mampu untuk mengekalkan operasi perniagaan mereka disebabkan oleh aktiviti ekonomi disokong oleh permintaan dalam negara yang kukuh.

Penamatan Perniagaan dari 2009 sehingga 2012







LAPORAN PENGURUSAN

LAPORAN PENYAMPAIAN
PERKHIDMATAN

LAPORAN INISIATIF PENGUATKUASAAN
DAN PROGRAM LATIHAN

LAPORAN INISIATIF PEMBAHARUAN
UNDANG-UNDANG

LAPORAN PENGLIBATAN DAN KERJASAMA PIHAK
BERKEPENTINGAN



LAPORAN PENGURUSAN

1. LAPORAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

SSM komited dalam mewujudkan persekitaran perniagaan yang kondusif untuk negara. Bagi mencapai matlamat ini, tahun 2011 telah menyaksikan pengenalan pelbagai inisiatif dan langkah-langkah yang menawarkan insentif baharu kepada komuniti perniagaan, selain daripada usaha yang berterusan memperbaiki proses serta prosedur sedia ada untuk sistem penyampaian perkhidmatan awam yang lebih berkesan.

PAKEJ INSENTIF PENDAFTARAN DAN PEMBAHARUAN PERNIAGAAN

Peniaga kecil, penjaja dan aktiviti perniagaan tidak formal yang lain merupakan sebahagian daripada sektor perniagaan tidak formal yang memainkan peranan penting dalam pembentukan sosio-ekonomi sesebuah negara. Berdasarkan satu kaji selidik yang dijalankan oleh Bank Dunia, sektor perniagaan tidak formal bermaksud “*bahagian ekonomi pasaran yang tidak formal dan tidak terkawal yang menghasilkan barangan dan perkhidmatan untuk dijual atau sebarang bentuk imbuhan. Ia merujuk kepada semua aktiviti ekonomi oleh pekerja-pekerja dan unit ekonomi yang terkandung di dalam undang-undang atau amalan, tidak dilindungi atau tidak cukup dilindungi oleh pengaturan yang formal*”.

Kewujudan penjaja dan peniaga kecil telah membantu dalam mengurangkan kos sara hidup kerana ia menawarkan pelbagai barangan dan perkhidmatan kepada pelanggan pada harga yang berpatutan kerana kos operasinya yang rendah. Memandangkan sumbangan besar sektor perniagaan ini kepada ekonomi dan memastikan mereka berkembang, SSM mengambil langkah membangunkan dasar-dasar yang berinovatif serta memudahkan pendaftaran penjaja dan peniaga kecil di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 (APP).

Pada tahun 2012, SSM telah melaksanakan Pakej Insentif Pendaftaran dan Pembaharuan Pendaftaran Perniagaan SSM bermula pada 1 Jun sehingga 31 Disember 2012 khusus untuk golongan penjaja dan peniaga kecil. Pakej ini dilaksanakan bertujuan untuk mengurangkan beban kewangan peniaga kecil dan penjaja bagi membolehkan kumpulan peniaga ini menjalankan perniagaan mereka secara sah di sisi undang-undang selaras dengan peruntukan-peruntukan APP.



Insentif yang bermatlamat serampang dua mata ini bukan sahaja bertujuan untuk mengurangkan kos pendaftaran dan pembaharuan oleh golongan penjaja dan peniaga kecil tetapi juga untuk meningkatkan kesedaran tentang kepentingan mendaftarkan perniagaan mereka. Insentif yang dilaksanakan melibatkan pakej-pakej berikut:

- (a) pengurangan fi bagi pendaftaran perniagaan baharu dengan hanya RM50 untuk tempoh 5 tahun;
- (b) pengurangan fi bagi pembaharuan pendaftaran perniagaan dengan hanya RM50 untuk tempoh 5 tahun; dan
- (c) diskaun sebanyak 50% untuk kompaun yang dikenakan bagi pendaftaran baharu dan pembaharuan pendaftaran lewat yang tidak mematuhi peruntukan APP.

Sejumlah 190,790 pendaftaran perniagaan baharu dan 511,565 pembaharuan perniagaan telah direkodkan sepanjang tempoh pelaksanaan insentif ini seperti yang ditunjukkan pada jadual di bawah:

Statistik Pendaftaran Baharu dan Pembaharuan Perniagaan bagi bulan Jun sehingga Disember 2012

AKTIVITI	TRANSAKSI	HASIL (RM)
Pendaftaran Baharu	190,790	9,539,500
Pembaharuan	511,565	25,564,750

PAKEJ INSENTIF ORANG KELAINAN UPAYA (OKU)

Sebagai sebuah organisasi yang mendukung Tanggungjawab Sosial Korporat di kalangan komuniti korporat, SSM telah memperkenalkan pakej insentif khas bagi masyarakat kelainan upaya yang menceburi bidang perniagaan. Insentif khas ini telah diumumkan oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan pada 23 Oktober 2012 sempena majlis perasmian program “JALINAN KASIH - SSM Bersama OKU” dengan tema “Kesedaran Keusahawanan Bersama Orang Kurang Upaya”.

Pakej ini termasuk pendaftaran perniagaan baharu dan pembaharuan perniagaan secara percuma yang bermula pada 23 Oktober 2012. Untuk kelayakan menikmati pakej ini, golongan OKU perlu memiliki kad pendaftaran OKU yang sah dari Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Pelaksanaan insentif ini bukan sahaja bertujuan untuk menggalakkan pendaftaran dan pembaharuan perniagaan di kalangan masyarakat kelainan upaya tetapi secara tidak langsung akan membantu Kerajaan dalam mengumpul maklumat berkaitan yang boleh digunakan bagi merangka dasar-dasar untuk meningkatkan taraf hidup komuniti ini. Sehingga 31 Disember 2012, sejumlah 604 transaksi telah direkodkan dengan jumlah pengecualian fi sebanyak RM31,910 bagi pendaftaran dan pembaharuan perniagaan seperti ditunjukkan jadual di sebelah:

Statistik Transaksi Insentif OKU untuk tempoh 23 Oktober sehingga 31 Disember 2012

TEMPOH INSENTIF OKU	TRANSAKSI	PENGECCUALIAN FI
23 Oktober – 31 Disember 2012	604	RM 31,910

PENCAPAIAN PIAGAM PELANGGAN

Pencapaian Piagam Pelanggan SSM diukur berpandukan dua (2) kategori iaitu Piagam Pelanggan Perniagaan dan Piagam Pelanggan Syarikat. Piagam Pelanggan Perniagaan yang terdiri daripada Pendaftaran Perniagaan Baharu, Pendaftaran Pembaharuan Perniagaan, Pendaftaran Perubahan Maklumat Perniagaan dan Penamatan Perniagaan manakala Piagam Pelanggan Syarikat pula terdiri daripada Permohonan Carian Nama Syarikat, Pemerbadanan Syarikat, Pendaftaran Gadaian, Pendaftaran Pertukaran Nama dan Status. Jadual di bawah menunjukkan pencapaian piagam pelanggan sepanjang tahun 2012.

Pencapaian Piagam Pelanggan Pendaftaran Perniagaan 2012

JENIS BORANG	PIAGAM PELANGGAN	PERATUSAN (%)
Pendaftaran Perniagaan Baharu (Borang A)	1 Jam	98.02
Pembaharuan Pendaftaran Perniagaan (Borang A1)	15 Min	99.77
Pendaftaran Perubahan Alamat Perniagaan (Borang B1)	1 Jam	98.17
Pendaftaran Perubahan Jenis Perniagaan (Borang B2)	1 Jam	98.13
Pendaftaran Perubahan Maklumat Cawangan (Borang B3)	1 Jam	98.64
Pendaftaran Perubahan Maklumat Pemilik/Rakan Kongsi (Borang B4)	1 Jam	98.19
Pendaftaran Penamatan Perniagaan (Borang C)	15 Min	95.41

Nota : Piagam Pelanggan diambil kira bermula dari dokumen di “prelodge” dan bayaran dibuat di kaunter sehingga sijil/keputusan dikeluarkan.



Pencapaian Piagam Pelanggan Pendaftaran Syarikat 2012

JENIS BORANG	PIAGAM PELANGGAN	PERATUSAN (%)
Pemerbadanan Syarikat Baharu (Borang 6)	1 Hari	99.90
Kelulusan Nama (Borang 13A)	1 Hari	99.39
Sijil Memulakan Peniagaan bagi Syarikat Awam (Borang 18)	1 Hari	100
Perubahan Nama Syarikat (Borang 11(21))	1 Hari	99.92
Pertukaran Status (Borang 11(26))	1 Hari	100
Pendaftaran Gadaian (Borang 34)	2 Hari	99.73

Nota : Piagam Pelanggan dikira bermula dari dokumen di "prelodge" dan bayaran diterima di kaunter sehingga sijil /keputusan dikeluarkan.

Keseluruhan pencapaian bagi tahun 2012 untuk kedua-dua proses pendaftaran perniagaan dan syarikat ialah dari 95% – 100%.

PERKHIDMATAN E-LODGE MENT SSM

Perkhidmatan e-Lodgement yang diperkenalkan sejak lima tahun lalu, sering ditambahbaik oleh SSM untuk meningkatkan penyampaian perkhidmatan. Pada tahun 2012, sebanyak 32,351 transaksi penggunaan perkhidmatan e-Lodgement iaitu peningkatan sebanyak 6.27% berbanding dengan 30,442 transaksi yang dicatat pada tahun 2011. Jadual di bawah menunjukkan peningkatan jumlah transaksi penggunaan perkhidmatan e-Lodgement pada tahun 2012, 2011 dan 2010.

Transaksi e-Lodgement Syarikat

TRANSAKSI E-LODGE MENT SYARIKAT	2012	2011	2010
Permohonan Carian Nama Syarikat	25,014	23,910	19,277
Permohonan Pemerbadanan Syarikat Tempatan	1,403	1,283	1,440
Serahsimpan Borang 24, 44 dan 49 Selepas Pemerbadanan	663	681	766
Penyata Tahunan & Sijil Syarikat Persendirian Terkecuali	156	121	204
Penyata Tahunan & Akaun	1,496	1,544	1,654
Borang 44 (<i>Notice of Situation of Registered Office and of Office Hours and Particulars of Changes</i>)	1,275	723	1,138
Borang 53 (<i>Notice of Place Where Register of Members and Index Kept, or of Change in That Place</i>)	91	25	19
Borang 24 (<i>Return of Allotment of Shares</i>)	270	221	266
Borang 11 (<i>Notice of Resolution</i>)	299	251	254
Borang 49 (<i>Return Giving Particulars in Register of Directors, Managers and Secretaries and Changes of Particulars</i>)	1,656	1,629	1,727
Borang 48B (<i>Application for Company Secretary's License</i>)	7	4	2
Borang 48C (<i>Application for Renewal of Company Secretary's License</i>)	21	50	54
JUMLAH TRANSAKSI	32,351	30,442	26,801

LAPORAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

Manakala bagi transaksi e-Lodgement untuk pendaftaran perniagaan pula, terdapat penurunan sebanyak 13.8% atau 90,853 transaksi pada tahun 2012 berbanding 105,420 pada tahun 2011. Jadual di bawah menunjukkan proses carian nama masih kekal sebagai transaksi yang popular melalui perkhidmatan e-Lodgement perniagaan, diikuti oleh pendaftaran perniagaan baharu dan pembaharuan perniagaan.

Transaksi e-Lodgement Perniagaan

TRANSAKSI E-LODGE MENT PERNIAGAAN	2012	2011	2010
Carian Nama	50,822	51,567	59,147
Pendaftaran Baharu	26,929	30,020	31,100
Pembaharuan Perniagaan	5,632	15,580	7,268
Perubahan Maklumat Perniagaan	5,385	6,060	6,442
Penamatan	2,085	2,193	2,240
JUMLAH TRANSAKSI	90,853	105,420	106,197

KAUNTER PERKHIDMATAN

SSM masih menyediakan kaunter perkhidmatan penyerahan dokumen berkanun, walaupun serahsimpan dokumen berkanun boleh dilakukan secara elektronik, yang mana dokumen berkanun berbayar telah merekodkan penurunan sebanyak 5.5% manakala dokumen tanpa bayaran pula meningkat sebanyak 2.3% berbanding tahun 2011.

(a) Penerimaan dokumen berbayar Syarikat

TRANSAKSI	2012	2011
Dokumen Berbayar	437,915	463,515
Dokumen Tanpa Bayaran	373,610	365,092

Perkhidmatan e-Info (Kadar Penggunaan)

TAHUN	DALAM TALIAN	KADAR PENGGUNAAN %	KIOSK	KADAR PENGGUNAAN %	JUMLAH TRANSAKSI	JUMLAH HASIL
2012	1,161,662	82.1	249,492	17.8	1,411,154	19,772,006
2011	988,771	75.3	324,705	24.7	1,313,476	18,528,146

(b) Serahsimpan dokumen Syarikat ketika waktu puncak 2012

BULAN	TRANSAKSI	2012	2011
Januari-Februari	Dokumen Berbayar	64,519	72,206
	Dokumen Tanpa Bayaran	58,696	57,034
Julai - Ogos	Dokumen Berbayar	157,647	160,652
	Dokumen Tanpa Bayaran	61,860	64,940

PERKHIDMATAN E-INFO

e-Info merupakan salah satu perkhidmatan SSM untuk komuniti perniagaan tempatan dan antarabangsa membuat carian secara dalam talian berkaitan maklumat syarikat dan perniagaan di Malaysia. Kadar penggunaan dalam talian melalui sistem e-Info meningkat sebanyak 17.5%. Manakala untuk transaksi e-Info melalui kiosk adalah sebanyak 17.8%. Kunjungan pelanggan di peringkat antarabangsa ke laman sesawang ini telah meningkat sebanyak 3% capaian pada tahun 2012 berbanding 2011.

Perkhidmatan e-Info (Transaksi Tahunan)

2012		2011	
Transaksi	Hasil (RM)	Transaksi	Hasil (RM)
1,462,783	19,772,006	1,377,819	18,528,146



Statistik Kunjungan ke Laman Sesawang e-Info

NEGARA	2012	2011
Singapura	19,467	23,571
Hong Kong	7,949	10,185
United Kingdom	3,985	5,482
Amerika Syarikat	5,643	6,231
Australia	3,199	2,740
India	10,338	6,385
Jepun	1,094	1,222
China	1,765	2,365
Filipina	2,230	1,723
Lain-lain	21,525	14,837
JUMLAH	77,195	74,741

1 HARI PEMERBADANAN

Perkhidmatan 1 Hari Pemerbadanan Syarikat merupakan perkhidmatan kaunter tunggal untuk menyerahsimpan dokumen pemerbadanan syarikat. SSM telah memperkenalkan perkhidmatan ini sejak 1 April 2010. Perkhidmatan 1 hari pemerbadanan syarikat menyediakan saluran yang cepat bagi memudahkan syarikat-syarikat diperbadankan dalam tempoh satu (1) hari bagi permohonan yang dibuat melalui kaunter SSM. Pemohon diberi dua (2) pilihan:

- (a) Pemerbadanan 1 Hari di kaunter SSM terdiri daripada satu transaksi atau lebih iaitu carian nama/pembelian dan penyeteman setem hasil/pembelian pakej 1 Hari Pemerbadanan. Transaksi 1 Hari Pemerbadanan meningkat sebanyak 20.6% pada tahun 2012 berbanding 2011.

PEMERBADANAN 1 HARI DI KAUNTER SSM	
2012	2011
19,292	15,997

- (b) Pemerbadanan 1 Hari viz-a-viz "Starting A Business" terdiri daripada carian nama/pembelian dan penyeteman setem hasil/pembelian pakej Pemerbadanan 1 Hari. Perkhidmatan ini meningkat sebanyak 11% pada tahun 2012 berbanding dengan 2011.

PEMERBADANAN 1 HARI DI KAUNTER SSM	
2012	2011
30	27

MYCOID

MyCoID merupakan sistem gerbang portal yang telah dibangunkan bertujuan untuk memudahkan proses memulakan perniagaan di Malaysia. Ia menggabungkan proses pemerbadanan dan pasca-pemerbadanan bersama perkongsian data secara serentak dengan lima (5) agensi-agensi lain iaitu Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) dan Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SME Corp).

Pada 31 Disember 2012, sebanyak 2,136 permohonan carian nama melalui MyCoID telah diterima dan diproses. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 551 syarikat baru telah diperbadankan berbanding dengan 49 syarikat yang diperbadankan pada tahun lalu. Manakala sebanyak 435 borang serahan pertama diserahsimpan melalui sistem MyCoID.

TRANSAKSI	2012	2011	%
Carian Nama	2,136	395	440 %
Penubuhan	551	49	1,024 %
Borang Serahan Pertama	435	17	2,458 %

LAPORAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

KAUNTER BERGERAK PENDAFTARAN PERNIAGAAN (KBPP)

Kaunter Bergerak Pendaftaran Perniagaan (KBPP) merupakan salah satu inisiatif untuk SSM mendekati komuniti perniagaan. Kaunter KBPP berasaskan mobiliti diadakan di luar premis tetap SSM dan terletak di lokasi strategik di mana aktiviti-aktiviti berkaitan perniagaan seperti di pejabat majlis tempatan, pasar, pasar raya dan pasar raya besar. Inisiatif ini menawarkan komuniti perniagaan Malaysia satu saluran alternatif dan akses mudah kepada perkhidmatan pendaftaran perniagaan SSM. KBPP ini menjalankan proses pendaftaran dan pembaharuan di mana ia diadakan.

KBPP juga menjadi saluran yang efektif untuk menyampaikan maklumat kepada komuniti perniagaan terutama dari segi keperluan dan kepentingan mendaftar perniagaan mereka di bawah APP. Pegawai-pegawai SSM yang bertugas di KBPP akan menerangkan bagaimana perniagaan mereka berjalan lancar tanpa menyalahi undang-undang.

Sepanjang tahun 2012 sebanyak RM9,901,513 telah dikutip melalui KBPP berbanding dengan RM9,772,407 pada tahun 2011 dan RM8,244,406 pada tahun 2010. Pertambahan hasil 2012 berbanding dengan 2011 ialah sebanyak 1.3%. Maklumat aktiviti KBPP bagi setiap negeri sepanjang tahun 2012 adalah seperti di bawah:

Aktiviti KBPP di Negeri-Negeri Pada Tahun 2012

NEGERI	KEKERAPAN	PENDAFTARAN PERNIAGAAN BAHARU	PERUBAHAN MAKLUMAT	PEMBAHARUAN PERNIAGAAN	HASIL (RM)
Kuala Lumpur	280	9,235	5,050	13,396	2,123,895
Labuan	15	26	1	183	10,520
Perlis	31	202	13	480	39,610
Terengganu	104	1,073	476	3,368	312,300
Melaka	105	758	403	1,530	173,435
Pahang	128	1,679	922	5,142	483,773
Negeri Sembilan	139	1,169	782	5,705	460,030
Kedah	466	7,894	3,137	21,786	2,123,435
Kelantan	108	1,664	515	4,160	393,910
Perak	139	3,829	2,255	10,946	1,076,300
Pulau Pinang	143	3,531	2,760	12,453	1,038,240
Selangor	119	1,749	540	2,813	325,925
Johor	209	3,794	2,215	12,029	1,340,140
JUMLAH	1,986	36,603	19,069	93,991	9,901,513



PUSAT TRANSFORMASI BANDAR (UTC) – KUALA LUMPUR DAN MELAKA

Pusat Transformasi Bandar (UTC) Melaka dan Kuala Lumpur telah dirasmikan pada Jun dan September 2012 menggambarkan komitmen berterusan SSM dalam menyokong aspirasi Kerajaan untuk menyediakan pusat kemudahan pelbagai perkhidmatan bagi orang awam di bandar. Ia menawarkan perkhidmatan pemerbadanan syarikat dan pendaftaran perniagaan. UTC ini beroperasi 7 hari seminggu (kecuali pada cuti umum). Kewujudan UTC telah meningkatkan profil SSM dengan pelanggan secara langsung. Pusat Transformasi

Bandar merupakan satu projek di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan 6 (NBOS6) dan juga seiring Pelan Hala Tuju Strategik SSM di bawah PS7 iaitu *One Stop Business Center*.

PERMOHONAN KORPORAT

Jadual di bawah menunjukkan peningkatan dalam permohonan korporat sebanyak 8.4% pada tahun 2012. Selain itu, peningkatan di dalam jumlah serahsimpan prospektus juga telah meningkatkan sebanyak 29.8% dari segi jumlah hasil pada tahun 2012.

Jenis-jenis Permohonan Diterima

NO.	JENIS-JENIS PERMOHONAN	JUMLAH PERMOHONAN		
		2012	2011	2010
1.	Permohonan lanjutan masa	767	686	1,039
2.	Permohonan pelantikan proksi	2	8	21
3.	Permohonan mendapatkan kelonggaran bagi mengecualikan beberapa keperluan dalam akaun	156	172	179
4.	Permohonan pengecualian bagi menyerahkan akaun syarikat asing di Malaysia	18	55	44
5.	Serahsimpan <i>initial public offerings</i> , <i>abridged</i> prospektus dan dokumen lain yang berkaitan	631	443	162
6.	Serahsimpan Laporan Suku Tahunan syarikat yang meminjam oleh pengarah syarikat	175	238	303
JUMLAH		1,749	1,602	1,748

PENGENALAN SEMULA TEMPOH MORATORIUM BAGI PEMBATALAN NAMA SYARIKAT UNTUK SYARIKAT DORMAN

Pada tahun 2012, SSM telah memperkenalkan semula tempoh moratorium bagi permohonan pembatalan nama syarikat dormant bermula dari 1 Julai sehingga 31 Disember 2012 untuk memberi peluang kepada pengarah dan pemegang saham syarikat dormant supaya membuat permohonan kepada Pendaftar Syarikat untuk membatalkan nama syarikat mereka yang tidak lagi aktif berniaga atau beroperasi. Semasa tempoh moratorium, semua permohonan dikecualikan daripada menyerahkan akaun pengurusan syarikat dan juga resolusi pemegang saham. Selain itu, SSM juga telah mengurangkan

jumlah kompaun yang perlu dibayar oleh syarikat sebagai satu insentif untuk menggalakkan syarikat dormant membuat permohonan pembatalan nama syarikat mereka.

Bagi memudahkan permohonan pembatalan nama syarikat dalam tempoh moratorium ini pada 30 Jun 2012, SSM telah mengeluarkan satu "Garis Panduan Pembatalan Nama Syarikat yang Tidak Aktif di bawah Seksyen 308(1) Akta Syarikat 1965 pada tempoh tersebut. Garis panduan yang baru ini mengandungi syarat terperinci bagi permohonan di bawah seksyen 308(1) dan dijadikan sebagai panduan kepada pemohon untuk membatalkan nama syarikat.

LAPORAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

PENGURUSAN ASET UNTUK SYARIKAT YANG TELAH DIBUBARKAN

SSM memainkan peranan yang penting dalam menguruskan aset-aset yang dimiliki oleh syarikat yang telah dibubarkan. Pendaftar Syarikat telah diberikan kuasa di bawah peruntukan-peruntukan di bawah AS untuk perkara-perkara berikut:

- Untuk bertindak sebagai wakil kepada syarikat-syarikat yang telah dibubarkan untuk tujuan menyempurnakan transaksi-transaksi yang masih belum disempurnakan yang sepatutnya disempurnakan oleh syarikat sebelum pembubarannya;
- Perletakhakkan aset-aset yang tertinggal yang dimiliki oleh syarikat yang telah dibubarkan; dan
- Untuk melupuskan aset-aset yang tertinggal tersebut sepertimana yang diperuntukkan oleh undang-undang.

Pada tahun 2012, jumlah aset-aset yang terletak ke atas Pendaftar telah bertambah secara mendadak kepada 87 aset berbanding hanya lima (5) aset pada tahun 2011 yang menunjukkan peningkatan sebanyak 254%. Peningkatan tersebut disebabkan oleh mesyuarat dan taklimat yang sering diadakan oleh SSM kepada badan-badan serta agensi-agensi kerajaan yang merupakan sebahagian daripada program kesedaran SSM. SSM turut menerima permohonan-permohonan lain berkaitan dengan pengurusan aset untuk syarikat-syarikat yang telah dibubarkan sepertimana yang tertera di dalam jadual di bawah:

Jumlah Permohonan di bawah Pengurusan Aset Syarikat Bubar Mengikut Kategori

KATEGORI PERMOHONAN	2012	2011
Permohonan-permohonan untuk Pendaftar Syarikat bertindak sebagai wakil kepada syarikat yang telah dibubarkan di bawah seksyen 309 AS	10	17
Aset-aset yang terletak ke atas Pendaftar Syarikat di bawah seksyen 310 AS	74	5
Permohonan untuk membeli aset-aset yang terletak ke atas Pendaftar Syarikat di bawah seksyen 311 AS	3	2
JUMLAH PERMOHONAN	87	24

PRODUK-PRODUK LAIN

SSM menyediakan pelbagai produk bagi kemudahan pelanggan bagi memenuhi kehendak pelanggan.

(a) Jualan Sijil Memperingati (CC)

TAHUN	ROB	ROC	TRANSAKSI	HASIL (RM)
2012	460	19	479	25,850
2011	556	66	622	37,770

Hasil Penjualan Sijil Memperingati menurun sebanyak 31% daripada hasil tahun 2011.

(b) Penerbitan

Guidebook Completing Prescribed Forms and Review of the Companies Act 1965 Final Report

TAHUN	TRANSAKSI	HASIL (RM)
2012	175	12,550
2011	64	4,760

Hasil jualan penerbitan ini meningkat sebanyak 163% berbanding hasil tahun 2011.

(c) Nombor Tender Pemerbadanan Syarikat

TAHUN	TRANSAKSI	HASIL (RM)
2012	44	22,500
2011	32	22,100

Hasil jualan Nombor Tender Pemerbadanan Syarikat telah meningkat sebanyak 1.8% berbanding hasil tahun 2011.



INISIATIF-INISIATIF BAHARU

Bank Simpanan Nasional (BSN) sebagai Ejen SSM untuk Pembaharuan Pendaftaran Perniagaan

SSM telah melantik Bank Simpanan Nasional (BSN) sebagai ejen untuk pembaharuan pendaftaran perniagaan di seluruh Malaysia. Berdasarkan statistik, hasil telah meningkat sebanyak lapan (8) kali ganda berbanding sasaran tahun 2012 dan ini menunjukkan peningkatan sebanyak enam (6) kali ganda bagi transaksi pembaharuan di BSN untuk tahun 2012.

TAHUN	TRANSAKSI	HASIL (RM)
2012	56,708	3,272,185
2011 (dari 12 Julai 2011)	8,100	628,845

Sistem Malaysia Francais Ekspres (MyFEX)

Sistem Pendaftaran Francais secara dalam talian atau MyFEX telah dilancarkan pada 29 Mei 2012. Ini merupakan saluran baru bagi pembelian data digital secara terus dari SSM serta mewujudkan hubungan antara SSM dan Bahagian Pembangunan Francais, KPDNKK. Ini memudahkan transaksi pendaftaran francais secara dalam talian. Sistem MyFEX akan berhubung dengan laman sesawang e-Info SSM bagi pembelian data syarikat dan perniagaan secara elektronik melalui sistem dalam talian pendaftaran francais.

Data Maklumat Korporat dan Perniagaan (CBID)

Data Maklumat Korporat dan Perniagaan (CBID) menyediakan maklumat khusus yang dikehendaki berkenaan data korporat dan maklumat perniagaan di Malaysia kepada warga peniaga untuk membuat kajian dan analisa yang diperlukan oleh pihak pelanggan. CBID merupakan sebahagian daripada projek PS3 iaitu *Information Advisory Services* di bawah SDP II. Peningkatan hasil bagi CBID pada tahun 2012 telah meningkat sebanyak 27.5% berbanding pada tahun 2011.

TAHUN	JUMLAH (RM)
2012	2,550,857 (330 permohonan)
2011	2,000,009 (282 permohonan)

Format Baru Perakuan Pendaftaran Perniagaan

Pada bulan Ogos 2012, SSM menyelaraskan penggunaan kertas A4 bagi pengeluaran Sijil Pendaftaran Perniagaan. Pada asasnya, perakuan yang dikeluarkan dari mana-mana kaunter perkhidmatan SSM termasuk kaunter yang dikendalikan oleh Bank Simpanan Nasional (BSN) di seluruh negara serta sijil yang dikeluarkan melalui perkhidmatan dalam talian, e-Lodgement akan dicetak di atas kertas A4. Reka bentuk sijil juga telah dipertingkatkan dengan menambah ciri-ciri berikut:

- Tandatangan digital oleh Pendaftar Perniagaan Malaysia;
- "Border" di sekeliling perakuan; dan
- Ciri-ciri keselamatan kod bar pada penjuru atas sebelah kanan sijil.

Pada masa yang sama, SSM juga telah melaksanakan polisi baharu di mana pembaharuan perniagaan boleh dibuat pada bila-bila masa. Polisi ini dikeluarkan setelah mengambil kira masalah yang dihadapi oleh pemilik perniagaan yang perlu membuat pembaharuan dalam tempoh terhad dan juga memenuhi keperluan yang ditetapkan oleh agensi dan pihak berkuasa yang berkaitan.

PENGURUSAN ADUAN DAN PERTANYAAN

Pusat Panggilan dan Khidmat Pelanggan SSM telah menyediakan saluran interaktif bagi mengendalikan maklum balas daripada pelanggan terutamanya bagi komuniti perniagaan dan orang awam.

Terdapat peningkatan sebanyak 0.9% transaksi berbanding tahun 2011, manakala panggilan melalui *Hotline* telah meningkat sebanyak 6.97%, manakala pertanyaan melalui e-mel meningkat sebanyak 49.3%. Walau bagaimanapun terdapat penurunan sebanyak 86.9% bagi e-Aduan berbanding tahun 2011.

BUTIRAN	2012	2011	2010
<i>Hotline</i>	40,221	37,599	33,787
Kaunter Penerangan	19,397	18,787	53,307
E-mel Pertanyaan	8,947	5,351	3,090
e-Aduan	135	960	310
JUMLAH	68,700	62,697	90,494

2. LAPORAN INISIATIF PENGUATKUASAAN DAN PROGRAM LATIHAN

PENGURUSAN ADUAN

Aduan Terhadap Pelanggaran Undang-Undang Korporat

Pada tahun 2012, SSM menerima sebanyak 1,915 aduan yang terdiri daripada 1,480 aduan syarikat dan 435 aduan perniagaan berbanding tahun 2011 iaitu sebanyak 2,081 aduan. Bilangan aduan yang diselesaikan adalah sebanyak 1,801 (94%), dimana sebanyak 1,018 diselesaikan dalam tempoh tiga (3) hari.

ADUAN DITERIMA			
Tahun	2012	2011	2010
Syarikat	1,480	1,550	1,260
Perniagaan	435	531	344
JUMLAH	1,915	2,081	1,604


ADUAN DISELESAIKAN			
Tahun	2012	2011	2010
Syarikat	1,393	1,356	1,239
Perniagaan	408	445	328
JUMLAH	1,801	1,801	1,567

Jadual berikut menunjukkan tiga (3) kategori aduan yang diterima pada tahun 2012.

KATEGORI ADUAN	JUMLAH
Ketidakpatuhan	655
Maklumat palsu dan mengelirukan	277
Skim Kepentingan	169

Selain daripada aduan yang melibatkan ketidakpatuhan seperti kegagalan menyerahsimpan penyata tahunan, kegagalan membentangkan penyata kewangan dan tidak mengadakan mesyuarat agong tahunan (655 aduan), terdapat dua (2) kategori aduan yang menunjukkan jumlah yang tinggi iaitu aduan yang melibatkan serahsimpan maklumat palsu dan mengelirukan (277 aduan) serta dua (2) aduan terhadap skim kepentingan [yang berdaftar dan tidak berdaftar] (169 aduan).

Tiga (3) Kategori Aduan Tertinggi Pada Tahun 2012



- ◆ Ketidakpatuhan - 655 kes
- ◆ Serahsimpan maklumat palsu/mengelirukan - 277 kes
- ◆ Aduan Skim Kepentingan (Berdaftar dan Tidak Berdaftar) - 169 kes

KADAR PEMATUHAN

Kadar pematuhan berhubung kait dengan serahsimpan Penyata Tahunan bersama-sama dengan Penyata Kewangan yang telah diaudit kepada SSM seperti dalam peruntukan seksyen 143(1) dan seksyen 165(4) Akta Syarikat 1965 (AS). SSM memandang serius kadar pematuhan oleh syarikat-syarikat dan ini merupakan inisiatif penguatkuasaan yang berterusan dari segi aktiviti pemantauan untuk memastikan serahsimpan dokumen-dokumen pada tempoh masa yang ditetapkan. Pada tahun 2012, SSM telah mencapai 90% kadar pematuhan berbanding 90.4% pada tahun 2011 di mana terdapat penurunan sebanyak 0.4%.

SSM sebagai badan kawal selia korporat untuk perniagaan dan syarikat di Malaysia adalah komited terhadap memupuk kesedaran dan pemahaman di kalangan pengarah-pengarah syarikat persendirian dan awam bagi keperluan untuk mematuhi dan mempraktikkan keperluan tadbir urus korporat bagi akauntibiliti, ketelusan, nilai pemegang saham dan pencapaian keseluruhan objektif-objektif syarikat. Antara inisiatif yang dijalankan oleh SSM adalah berbentuk pentadbiran seperti menganjurkan sesi latihan



dan seminar, program kesedaran, penerbitan, program-program *outreach* serta pembubaran syarikat-syarikat dan perniagaan-perniagaan dormant. SSM juga telah diberi kuasa untuk mengambil tindakan terhadap jenayah syarikat dan pengarah-pengarah sebagai sebahagian daripada tindakan penguatkuasaan untuk meningkatkan tadbir urus korporat dan tahap pematuhan di Malaysia.

Maklumat terkini untuk maklumat korporat dan kewangan bukan sahaja dapat membantu komuniti korporat untuk membuat keputusan perniagaan yang bijak, tetapi juga penting bagi perancangan ekonomi, penguatkuasaan bagi agensi-agensi kerajaan dan badan-badan kawal selia korporat, dasar-dasar percukaian dan perancangan pembangunan.

AKTIVITI PEMANTAUAN DAN PEMATUHAN

Pemeriksaan Fizikal dan Pangkalan Data

Pemantauan pematuhan dijalankan secara berterusan melalui pelbagai aktiviti pemeriksaan yang telah dijadualkan secara komprehensif bagi mengenalpasti entiti yang melakukan kesalahan atau disyaki gagal mematuhi.

Sepanjang tahun 2012, sejumlah 983,490 pemeriksaan telah dijalankan bagi memastikan pematuhan terhadap peruntukan akta-akta yang ditadbir oleh SSM. Berbanding 1,096,714 pemeriksaan yang dijalankan pada tahun 2011, jumlah tersebut menunjukkan penurunan sebanyak 10.3% dalam jumlah pemeriksaan yang dijalankan pada tahun 2012. Aktiviti pemeriksaan yang dijalankan sepanjang tahun 2012 meliputi perkara-perkara berikut untuk memastikan tahap pematuhan yang lebih baik:

- Semakan ke atas maklumat syarikat dan perniagaan yang disimpan di dalam pangkalan data SSM (pemantauan data) – 930,497 syarikat dan perniagaan (2011: 1,022,961).
- Pemeriksaan fizikal ke premis perniagaan dan pejabat berdaftar – 50,031 (2011: 71,862).
- Pemantauan perniagaan berasaskan internet dan iklan-iklan media – 2,853 laman sesawang (2011: 1,679).
- Pematuhan dan kompetensi intermediairi korporat iaitu Setiausaha Syarikat, Pelikuidasi dan Juruaudit – 109 juruaudit (2011: 212 juruaudit).

Maklumat terperinci mengenai pemeriksaan dijadualkan seperti jadual di bawah:

AKTIVITI	SKOP PEMANTAUAN	JUMLAH PEMERIKSAAN	
		2012	2011
Semakan ke atas maklumat syarikat dan perniagaan yang disimpan di dalam pangkalan data SSM (pemantauan data)	<ul style="list-style-type: none">• Serahsimpan Penyata Tahunan dan Penyata kewangan berdasarkan peruntukan seksyen 165(4) AS.• Menganalisa penyata kewangan yang diserahkan di SSM.• Memantau kelayakan pengarah-pengarah syarikat berdasarkan peruntukan seksyen 130 dan 125 AS.• Memantau pematuhan syarikat yang sedang dalam proses penggulungan dan 'receivership' di bawah AS.	930,497	1,022,961

LAPORAN INISIATIF PENGUATKUASAAN DAN PROGRAM LATIHAN

AKTIVITI	SKOP PEMANTAUAN	JUMLAH PEMERIKSAAN	
		2012	2011
Pemeriksaan fizikal ke premis perniagaan dan pejabat berdaftar	<ul style="list-style-type: none"> Pematuhan di bawah seksyen 121(3) AS dan Kaedah 13A(2) Kaedah Pendaftaran Perniagaan 1957 (KPP) berhubung paparan nama dan nombor pendaftaran di premis perniagaan. Pematuhan di bawah seksyen 12(2) Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 (APP) berhubung pameran sijil pendaftaran di premis perniagaan. Pematuhan di bawah peruntukan seksyen 12(1)(a) dan 12(1)(b) APP berhubung pendaftaran dan pembaharuan perniagaan. Rekod dan penyelenggaraan Buku Berkanun syarikat oleh setiausaha syarikat berdasarkan peruntukan AS dan kehendak bawah Kaedah-kaedah Syarikat 1966. Pematuhan lain di bawah AS oleh pengarah dan syarikat. 	50,031	71,862
Pemantauan perniagaan berasaskan internet dan iklan-iklan media	<ul style="list-style-type: none"> Pematuhan di bawah seksyen 121(1)(b) AS berhubung paparan nama dan nombor syarikat pada semua dokumen dan penerbitan syarikat. Pematuhan di bawah peruntukan seksyen 12(1)(a) dan 12(1)(b) APP berhubung pendaftaran dan pembaharuan perniagaan. Isu-isu melibatkan kepentingan awam seperti penawaran pelaburan tidak sah, skim kepentingan dan penipuan oleh syarikat dan perniagaan. 	2,853 laman sesawang yang meliputi 2,203 syarikat dan perniagaan	1,679 laman sesawang yang meliputi 1,601 syarikat dan perniagaan
Pematuhan dan kompetensi intermediari korporat iaitu Setiausaha Syarikat, Pelikuidasi dan Juruaudit	<ul style="list-style-type: none"> Kelayakan dan praktis Firma Audit, Juruaudit, Pelikuidasi dan Setiausaha Syarikat berdasarkan peruntukan dan kehendak AS. <i>(Melibatkan pemantauan data dan pemeriksaan fizikal)</i> 	109 juruaudit dan setiausaha syarikat	212 juruaudit dan setiausaha syarikat
JUMLAH		983,490	1,096,714



Hasil Pemeriksaan ke atas Syarikat dan Perniagaan

Berdasarkan pemeriksaan yang dijalankan dalam tahun 2012 ke atas syarikat dan perniagaan, berikut adalah tindakan-tindakan utama yang telah diambil oleh SSM:

KESALAHAN	TINDAKAN
Gagal mematuhi kehendak peruntukan seksyen 143(1), 165(4) dan 169(1) AS.	<ul style="list-style-type: none"> 41,136 notis kompaun telah ditawarkan kepada syarikat dan pengarah diatas kegagalan mematuhi peruntukan seksyen 143(1), 165(4) dan 169(1) AS. 39,993 syarikat sedang diambil tindakan pembatalan nama di bawah peruntukan seksyen 308 AS.
Gagal mengemukakan 'Statement of Affairs and Accounts' kepada pegawai penerima syarikat berdasarkan peruntukan seksyen 234 AS.	529 notis peringatan dihantar kepada pengarah dan setiausaha syarikat.
Kesalahan di bawah seksyen 125 AS berhubung pengarah yang terus menerus bertindak sebagai pengarah syarikat selepas disahkan bankrap.	47 notis peringatan dihantar kepada syarikat dan pengarah berkaitan.
Gagal memaparkan nama dan nombor pendaftaran perniagaan di premis dan dokumen-dokumen perniagaan berdasarkan peruntukan di bawah seksyen 121(3) AS dan Kaedah 13A(2) Kaedah Pendaftaran Perniagaan 1957 (KPP).	167 notis kompaun dihantar kepada syarikat dan pemilik perniagaan.
Gagal mempamerkan sijil pendaftaran perniagaan di premis perniagaan berdasarkan peruntukan di bawah seksyen 12(2) APP.	162 notis peringatan dihantar kepada pemilik perniagaan.
Kesalahan berhubung perniagaan berasaskan internet dan iklan media: <ul style="list-style-type: none"> Mempromosikan perniagaan dan jualan produk melalui internet (perniagaan atas talian) dan media tanpa pendaftaran perniagaan yang sah berdasarkan peruntukan seksyen 5 and 5A APP. Kesalahan di bawah Divisyen 5 Bahagian IV AS berhubung penawaran kepentingan di bawah seksyen 84 AS. Kesalahan di bawah seksyen 121(1)(b) AS berhubung kegagalan memaparkan nama dan nombor syarikat dalam penerbitan. 	<ul style="list-style-type: none"> 324 notis peringatan dihantar kepada pemilik perniagaan agar mendaftarkan perniagaan. Lima (5) syarikat diambil tindakan penguatkuasaan termasuk pendakwaan dan injuksi mahkamah. 108 notis peringatan dihantar kepada perniagaan dan pemilik perniagaan.

Berdasarkan pemeriksaan fizikal dan pangkalan data yang dijalankan pada tahun ini, kes-kes yang melibatkan pelanggaran Akta yang ditadbir oleh SSM akan diambil tindakan pentadbiran dan jenayah manakala kes-kes yang berkaitan dengan kesalahan-kesalahan di bawah undang-undang yang tidak

ditadbir oleh SSM pula akan dirujuk kepada agensi-agensi yang berkaitan. Laporan mengenai kesalahan yang dikenalpasti melalui aktiviti perniagaan berasaskan laman sesawang juga akan dilaporkan kepada Majlis Keselamatan Negara setiap bulan.

LAPORAN INISIATIF PENGUATKUASAAN DAN PROGRAM LATIHAN


PEMANTAUAN KE ATAS SKIM KEPENTINGAN

Tahun 2012, menyaksikan peningkatan jumlah skim kepentingan di mana 186 skim kepentingan yang berdaftar dengan SSM berbanding 172 skim pada tahun 2011. Skim-skim mengikut kategori ditunjukkan seperti jadual dibawah:

BIL.	KATEGORI	JUMLAH SKIM	
		2012	2011
1	Kelab Golf & Rekreasi	90	90
2	Skim Kongsitani	9	6
3	Marina	9	9
4	Kelab Rekreasi	37	36
5	Kongsimasa	27	26
6	Taman Peringatan	5	3
7	Kongsi Peralatan	2	1
8	Skim Hartanah	7	1
JUMLAH		186	172

Pada tahun 2012, sebanyak 37 skim kepentingan berdaftar telah diperiksa seperti carta dibawah:

Jumlah Skim Berdaftar Diperiksa



Fokus pemeriksaan adalah untuk memastikan pematuhan kepada peruntukan Divisyen 5 Bahagian IV AS dan waad-waad yang terkandung dalam Surat Ikatan Amanah. Hasil daripada pemeriksaan yang dijalankan pada tahun 2012, notis-notis kompaun telah dikeluarkan kepada operator-operator skim bagi kesalahan-kesalahan di bawah AS seperti berikut:

- Gagal menyerahsimpan kepada Pendaftar satu Penyata Pemegang Kepentingan (Borang 32) dalam tempoh dua (2) bulan selepas tahun kewangan berakhir di bawah seksyen 93(1) – 20 kes.
- Gagal mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan dalam setiap tahun takwim di bawah seksyen 143(1) – 13 kes.
- Gagal menyerahsimpan Penyata Tahunan kepada Pendaftar di bawah seksyen 165(4) – 13 kes.
- Gagal membentangkan akaun untung rugi dalam Mesyuarat Agung Tahunan dalam tempoh enam (6) bulan selepas tahun kewangan berakhir di bawah seksyen 169(1) – 13 kes.

Seterusnya, tindakan telah diambil ke atas skim yang didapati tidak aktif bagi memastikan “Surat Penamatan Ikatan” difailkan oleh operator-operator skim. Tindakan tersebut menyebabkan jumlah skim yang ditamatkan setakat 31 Disember 2012 meningkat kepada 17 skim berbanding tujuh (7) skim pada tahun 2011.

PEMANTAUAN SKIM TIDAK BERDAFTAR


Pemantauan ke atas skim tidak berdaftar dijalankan berdasarkan peruntukan di bawah Divisyen 5 Bahagian IV AS dengan objektif berikut:

- Bagi memastikan orang awam tidak ditawarkan dengan pelaburan yang tidak sah oleh promoter skim yang tidak bertanggungjawab dengan tujuan untuk mendapatkan keuntungan.



- Memastikan persekitaran perniagaan yang positif melalui tindakan penguatkuasaan terhadap skim pelaburan yang haram.
- Memastikan skim pelaburan adalah tulin dan berdaftar dengan SSM.

Jumlah kes yang dipantau meningkat pada tahun 2012 seperti yang ditunjukkan dalam rajah di bawah:



JENIS SKIM	JUMLAH KES		
	2012	2011	2010
Ternakan	108	80	90
Pengurusan Perniagaan	-	-	2
Kongsitani	15	12	11
Pelaburan Hartanah	6	6	8
Skim Sewa Semula	1	1	4
Keahlian	3	1	-
Kelab Kecergasan	1	-	-
Jualan Langsung	4	2	5
Plot Perkuburan dan Petak Bekas Abu Mayat	20	18	-
Skim Pelaburan Emas	7	-	-
Skim Pelaburan Perak	1	-	-
Lain-lain	48	20	31
JUMLAH	214	140	151

Carta tersebut menunjukkan skim berasaskan pertanian telah menjadi skim yang paling dominan dimana 57% daripada skim-skim yang dikenalpasti adalah berkaitan dengan penternakan dan kongsitani.

Hasil pemantauan berterusan ke atas skim-skim tidak berdaftar sepanjang tahun 2012, tindakan berikut telah diambil oleh SSM:

- Enam (6) syarikat dan perniagaan telah dirujuk untuk siasatan lanjut kerana menawarkan skim dan kepentingan yang meragukan kepada orang awam;
- Satu (1) kes dirujuk kepada Bahagian Perkhidmatan Pendaftaran untuk diberi penerangan berhubung peruntukan Divisyen 5 Bahagian IV AS; dan
- 104 surat amaran telah dihantar kepada pengendali skim tidak berdaftar agar menghentikan tawaran baru kepada orang awam sehingga skim didaftarkan sepenuhnya dengan SSM.

PEMANTAUAN INTERMEDIARI KORPORAT

Pemantauan berterusan dan kepelbagaian aktiviti pemeriksaan bertujuan untuk mewujudkan persekitaran perniagaan yang kondusif melalui tahap pematuhan yang tinggi dan tadbir urus korporat yang baik. Peranan, tanggungjawab dan tahap kompetensi intermediari korporat terutamanya setiausaha syarikat, juruaudit dan pelikuidasi untuk memastikan pematuhan terhadap perundangan, peraturan dan garis panduan dalam pentadbiran sesebuah syarikat adalah amat penting kepada SSM dalam menguatkuasakan undang-undang. Oleh itu, pemeriksaan dijalankan secara komprehensif pada tahun 2012 bagi memastikan tadbir urus, amalan dan tahap kompetensi yang baik di kalangan intermediari korporat.

Pemeriksaan ke atas amalan dan dokumen intermediari korporat pada tahun 2012 menunjukkan sebanyak 1,495 kesalahan di bawah seksyen 9(1)(c)(ii) dan (iv) AS yang dilakukan oleh

LAPORAN INISIATIF PENGUATKUASAAN DAN PROGRAM LATIHAN

juruaudit. Manakala terdapat 23 kesalahan di bawah seksyen 9(4)(a) AS dan 14 kesalahan yang dilakukan oleh firma audit berdaftar berhubung ketidakpatuhan kaedah 8A(4) Peraturan Syarikat 1966.

Dalam kes penyelesaian, kesalahan-kesalahan yang dilakukan pada tahun ini adalah seperti berikut:

- 20 pelikuidasi bertindak sebagai penyelesaian kepada 70 syarikat tanpa kebenaran selepas kebenaran yang diberi luput atau terbatal kelayakan di bawah seksyen 10 AS;
- 18 pelikuidasi telah terbatal kelayakan di bawah seksyen 10 AS kerana gagal mengemukakan Borang 74 kepada Pendaftar bagi memaklumkan perletakan jawatan di dalam 67 syarikat seperti yang dikehendaki di bawah seksyen 280(3) AS; dan
- 43 syarikat yang sedang dalam proses pembubaran gagal melantik pelikuidasi baru selepas pelikuidasi yang dilantik terbatal kelayakan di bawah seksyen 10(1) AS.

Sementara itu 45 setiausaha syarikat telah didapati melakukan pelbagai kesalahan seperti berikut:

- Gagal membuat suatu pengakuan dalam borang yang ditetapkan bahawa dia adalah seorang setiausaha syarikat yang berkelayakan dan bahawa dia bersetuju untuk bertindak sebagai setiausaha syarikat.
- Gagal untuk mengemaskini maklumat pengarah syarikat dalam Daftar Pengarah, Pengurus dan setiausaha syarikat.
- Gagal menyatakan butir-butir setiap pengurus dan setiausaha syarikat dalam Daftar Pengarah, Pengurus dan setiausaha syarikat.
- Gagal mengemaskini butir-butir dalam Daftar Pegangan Saham Pengarah.
- Gagal mengemaskini butir-butir dalam Daftar dan Indeks Ahli-ahli.
- Gagal untuk mengeluarkan sijil saham dalam tempoh dua (2) bulan selepas saham diperuntukkan.

- Gagal memasukkan minit mesyuarat syarikat atau pengarah ke dalam buku minit dalam tempoh 14 hari dari tarikh mesyuarat.
- Gagal untuk mendapatkan tandatangan pengerusi dalam minit mesyuarat.

SSM memandang serius kes-kes pematuhan yang melibatkan setiausaha syarikat, juruaudit dan pelikuidasi. Tindakan pengajaran berbentuk kompaun atau tindakan lebih tegas berbentuk pendakwaan atau penarikan semula kelayakan diambil dari semasa ke semasa bagi memastikan pematuhan dan memelihara kualiti serta profesionalisma profesion tersebut di Malaysia.

PEMANTAUAN KE ATAS SYARIKAT BERHAD MENURUT JAMINAN (SBMJ)

Sehingga 31 Disember 2012, sejumlah 1,827 SBMJ telah didaftarkan iaitu peningkatan sebanyak 15% daripada jumlah yang didaftar setakat 2011.

SSM komited dalam memastikan pematuhan syarikat-syarikat SBMJ kerana statusnya sebagai syarikat bukan berorientasikan keuntungan dan risiko disalahguna untuk aktiviti yang tidak sah. Pemeriksaan dijalankan selaras dengan salah satu ciri diperkenalkan menurut *International Standards On Combating Money Laundering And The Financing Of Terrorism & Proliferation 2012 (The FATF Recommendations)*, bagi memastikan sumber pendapatan dan penggunaan dana tersebut tidak digunakan untuk membiayai aktiviti-aktiviti menyalahi undang-undang yang boleh menjejaskan kepentingan awam dan keselamatan negara.



Hasil daripada pemeriksaan yang dijalankan, tindakan-tindakan berikut telah diambil berhubung serahsimpan penyata tahunan:

- 276 notis peringatan telah dihantar kepada SBMJ yang baru ditubuhkan serta pengarah-pengarahnya agar menyerahsimpan Penyata Tahunan dalam tempoh 18 bulan selepas penubuhan; dan
- 653 notis peringatan telah dihantar kepada SBMJ dan pengarah-pengarahnya yang gagal menyerahsimpan Penyata Tahunan bagi tempoh dua (2) tahun berturut-turut.

SSM telah mengambil tindakan ke atas 11 SBMJ yang gagal mematuhi di bawah seksyen 24(3) AS yang menghendaki SBMJ mendapatkan dana RM1 juta dalam tempoh enam (6) bulan selepas penubuhan dan dua (2) lagi SBMJ bagi kesalahan berhubung lesen untuk memiliki tanah di bawah seksyen 19(2) AS.

PEMANTAUAN SETIAUSAHA SYARIKAT

Sehingga 31 Disember 2012, seramai 9,729 setiausaha syarikat berlesen dan 53,622 ahli-ahli badan profesional layak bertindak sebagai setiausaha syarikat di Malaysia.

Pada tahun 2012, SSM telah menerima sebanyak 140 permohonan baharu bagi lesen setiausaha syarikat, ini menunjukkan penurunan sebanyak 21% berbanding 177 permohonan dalam tahun 2011. Berdasarkan daripada 26 sesi temuduga yang dijalankan melibatkan seramai 124 calon, hanya 37 sahaja yang telah diberikan lesen manakala 69 telah gagal dan baki selebihnya iaitu 18 calon gagal untuk menghadiri diri untuk sesi temuduga.

Berhubung dengan pembaharuan lesen setiausaha syarikat, terdapat penurunan sebanyak 55.3% iaitu 1,459 permohonan pada tahun 2011 kepada 652 pada tahun 2012. Penurunan ini disebabkan oleh

kekurangan bilangan lesen yang tamat tempoh pada tahun 2012 iaitu sebanyak 1,066 berbanding 2,022 pada tahun 2011.

Kesalahan-kesalahan berhubung dengan amalan kesetiausahaan berdasarkan pemeriksaan adalah seperti berikut:

KESALAHAN-KESALAHAN DIBAWAH AS	2012	2011
Seksyen 139(1)(B) <ul style="list-style-type: none">• Kekosongan jawatan setiausaha syarikat melebihi 30 hari.	6	12
Seksyen 139B(5) <ul style="list-style-type: none">• Gagal memperbaharui lesen tidak lewat dari 30 hari sebelum tamat tempoh lesen.	39	77
Seksyen 139C(2) <ul style="list-style-type: none">• Gagal untuk bertindak dengan jujur atau menggunakan usaha yang munasabah dalam melaksanakan tugas sebagai setiausaha.	1	18
Seksyen 139C(3) <ul style="list-style-type: none">• Bertindak sebagai setiausaha syarikat setelah hilang kelayakan.• Pengarah membenarkan setiausaha syarikat terus bertindak selepas hilang kelayakan.	20 394	38 363
JUMLAH	460	508

Berdasarkan jadual di atas, terdapat penurunan dalam bilangan kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh setiausaha syarikat. Ini adalah hasil daripada aktiviti-aktiviti pemantauan berterusan bagi memastikan hanya orang yang berkelayakan dan kompeten sahaja berkhidmat sebagai setiausaha syarikat.

Selaras dengan pendekatan 'Penguatkuasaan Seimbang', pelbagai tindakan pentadbiran telah diambil terhadap setiausaha syarikat yang komited dalam sesuatu kesalahan dengan mengeluarkan surat tunjuk sebab, surat inkuiri, surat amaran, pengeluaran surat peringatan kepada pengarah

LAPORAN INISIATIF PENGUATKUASAAN DAN PROGRAM LATIHAN

syarikat yang beroperasi tanpa setiausaha syarikat/gagal untuk melantik setiausaha syarikat, menyenarai hitam, pembatalan lesen dan penguatkuasaan syarat-syarat lesen baru untuk Lesen Setiausaha Syarikat.

Pada tahun 2012, seorang setiausaha syarikat telah diberikan surat tunjuk sebab kerana gagal bertindak dengan jujur dan menggunakan usaha yang munasabah dalam menunaikan kewajipan mereka sebagai setiausaha syarikat; 394 pengarah syarikat telah diberikan surat peringatan kerana membenarkan setiausaha syarikat bertindak secara terus menerus selepas tamat tempoh lesen dan lima (5) setiausaha syarikat daripada ahli-ahli badan-badan yang diiktiraf telah dirujuk kepada badan masing-masing untuk tindakan selanjutnya berdasarkan aduan yang diterima daripada orang ramai.

SIASATAN

Tahun 2012 menyaksikan SSM menghadapi cabaran besar dalam pelaksanaan tindakan penguatkuasaan berikutan siasatan yang berkaitan dengan penipuan kewangan, kepentingan awam dan penyalahgunaan kuasa di bawah AS dan APP. Pendekatan siasatan yang lebih cekap, berkesan dan profesional terutamanya bagi kes-kes yang melibatkan tadbir urus korporat yang rumit serta melibatkan tokoh-tokoh korporat dan kepentingan awam. Ini bagi memastikan hasil siasatan yang menyeluruh dan konsisten selaras dengan hasrat dan matlamat kerajaan untuk membendung jenayah ekonomi yang dilihat berpotensi tadbir urus korporat dan seterusnya ekonomi negara.

Sepanjang tahun ini, SSM telah mengambil langkah siasatan serta menyabitkan kesalahan

di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 (AMALFA 2001). Hasil daripada keberkesanan siasatan dan pelaksanaan penguatkuasaan yang jitu, Bahagian Siasatan telah berjaya mensabitkan kesalahan di bawah Seksyen 4(1) AMLATFA 2001 terhadap pengarah syarikat Golden Nest Properties International (M) Berhad yang dijatuhi hukuman penjara satu (1) hari dan denda sebanyak RM145,000. Selain dari itu, Bahagian Siasatan juga berjaya melaksanakan penangkapan terhadap 12 orang pengarah syarikat yang melakukan pelbagai kesalahan di bawah AS.

Pada tahun ini juga, SSM turut menyertai beberapa pasukan petugas (*task force*) yang ditubuhkan oleh agensi-agensis penguatkuasaan seperti Bank Negara Malaysia, Polis Diraja Malaysia dan Lembaga Hasil Dalam Negeri dalam melaksanakan kerjasama strategik siasatan. Pada 10 Mei 2012, SSM telah mengambil bahagian di dalam Sesi *Networking and Sharing Information* bersama badan-badan kawal selia, agensi-agensis penguatkuasaan dan agensi-agensis kerajaan.


KERTAS SIASATAN (IP)

Sepanjang tahun 2012, sejumlah 277 kes telah disiasat atas pelbagai kesalahan di bawah AS dan APP. Sehingga 31 Disember 2012, sebanyak 170 kertas siasatan (IP) dan 83 surat enkuiri (EP) telah dibuka dan 135 kes (2011: 188 IP) telah selesai. Berbanding tahun 2011, terdapat penurunan 1.2% dalam bilangan kertas siasatan dibuka dan penurunan 28.2% dalam bilangan kertas siasatan selesai.



Daripada 277 kes yang disiasat pada tahun 2012, majoriti kesalahan yang didakwa adalah berhubung kesalahan berkenaan kewangan dan penipuan di mana 42 IP dan EP telah dibuka. Manakala 58 IP dan EP telah dibuka bagi kesalahan am dan bagi kesalahan berhubung pelanggaran tadbir urus korporat sebanyak 36 IP dan EP telah dibuka. Bagi siasatan berkenaan tadbir urus korporat yang rumit di mana ia melibatkan pengurusan atasan tokoh korporat dan awam sebanyak 34 IP dan EP telah dibuka. Berikut adalah pecahan mengikut bilangan kes dan jenis kesalahan yang disiasat bagi tahun 2012:

Kategori IP dan EP Yang Disiasat



KERTAS SIASATAN (IP) BERPROFIL TINGGI YANG SELESAI

Selaras dengan objektif menjadikan SSM sebagai pengawalselia korporat yang berkesan di Malaysia, Bahagian Siasatan berjaya melengkapkan sebilangan kes-kes berprofil tinggi yang disiasat di bawah pelbagai seksyen di bawah AS. Berikut merupakan sebahagian kes-kes berprofil tinggi yang berjaya diselesaikan:

- Seksyen 7B(3)(b) AS – Sebuah perbadanan, mana-mana pegawai perbadanan itu atau mana-mana orang yang mengganggu atau menghalang Pendaftar semasa menjalankan mana-mana daripada kuasa-kuasa di bawah seksyen ini. – satu (1) IP;

- Seksyen 91 AS – Tidak ada keluaran tanpa suratikatan yang diluluskan – dua (2) IP;
- Seksyen 132(1) AS – Kegagalan melaksanakan kewajipan sebagai pengarah syarikat untuk kepentingan syarikat – dua (2) IP;
- Seksyen 132(2) AS – Larangan terhadap penyalahgunaan harta syarikat, kedudukan, peluang korporat atau persaingan dengan syarikat – satu (1) IP; dan
- Seksyen 364(2) AS – Orang yang membuat atau membenarkan buat, pernyataan palsu atau mengelirukan – lima (5) IP.

KERTAS SIASATAN (IP) TADBIR URUS KORPORAT YANG SELESAI


Selaras dengan objektif untuk meningkatkan tahap tadbir urus korporat di Malaysia, siasatan berhubung kes-kes berkaitan dengan pelanggaran tanggungjawab fidusiari pengarah lebih ditekankan. Sehingga Disember 2012, Bahagian Siasatan berjaya menyiapkan sejumlah 24 kes-kes tadbir urus korporat yang disiasat di bawah AS. Jadual berikut menunjukkan antara kes-kes yang diselesaikan di bawah seksyen 131, 132, dan 133 AS dan dirujuk kepada Timbalan Pendakwa Raya untuk tindakan selanjutnya:

- Seksyen 131(1) AS – Pendedahan kepentingan di dalam kontrak – lima (5) IP;
- Seksyen 131(5) AS – Pengisytiharan kepentingan bercanggah di mesyuarat pengarah-pengarah syarikat – satu (1) IP;
- Seksyen 132 AS – Kewajipan dan liabiliti pegawai-pegawai – satu (1) IP;
- Seksyen 132(1) AS – Kegagalan melaksanakan kewajipan sebagai pengarah syarikat untuk kepentingan syarikat – sembilan (9) IP;

LAPORAN INISIATIF PENGUATKUASAAN DAN PROGRAM LATIHAN

- Seksyen 132(2) AS – Larangan terhadap penyalahgunaan harta syarikat, kedudukan, peluang korporat atau persaingan dengan syarikat – satu (1) IP;
- Seksyen 132E(1) AS – Transaksi harta yang substantial oleh pengarah atau pemegang syer substantial – dua (2) IP; dan
- Seksyen 364(2) AS – Orang yang membuat atau membenarkan buat pernyataan palsu atau mengelirukan – lima (5) IP.

Jumlah IP




KERTAS SIASATAN (IP) KES-KES PENIPUAN YANG SELESAI

Bersesuaian dengan objektif untuk memerangi jenayah kolar putih dan aktiviti penipuan, Bahagian Siasatan berjaya melengkapkan 56 kes-kes penipuan yang disiasat di bawah pelbagai seksyen di bawah AS. Jadual berikut menunjukkan antara bilangan kertas siasatan bagi kes penipuan yang telah lengkap dan dimajukan untuk tindakan pendakwaan:

- Seksyen 367(2) AS – Sekatan di atas penggunaan perkataan “Sendirian” – satu (1) IP;
- Seksyen 367 AS – Penalti kerana penyalahgunaan perkataan-perkataan “Limited” dan “Berhad” – satu (1) IP;

- Seksyen 366(3) AS – Memperolehi bayaran wang kepada syarikat dengan janji palsu dan dengan niat untuk menipu – lima (5) IP;
- Seksyen 364(2) AS – Orang yang membuat atau membenarkan buat, pernyataan palsu atau mengelirukan – 46 IP;
- Seksyen 300 AS – Kesalahan-kesalahan oleh pegawai-pegawai syarikat dalam penyelesaian – satu (1) IP;
- Seksyen 234(2) AS – Pernyataan hal ehwal syarikat supaya diserahkan kepada Pegawai Penerima – satu (1) IP; dan
- Seksyen 91 AS – Mengeluarkan atau menawarkan kepada orang awam untuk langganan atau untuk dibeli atau mempelawa kepada orang awam untuk melanggan atau membeli apa-apa kepentingan tanpa suratikatan yang diluluskan – satu (1) IP.

Jumlah IP





PENDAKWAAN

Tindakan pendakwaan bermula oleh SSM bagi sebarang pelanggaran undang-undang yang ditadbir oleh SSM, biasanya menurut AS dan APP. Tindakan pendakwaan yang diambil di bawah AS secara umumnya boleh dibahagikan kepada dua (2) kategori utama iaitu kesalahan tadbir urus korporat dan kesalahan lazim.

Tadbir urus korporat merujuk kepada satu set sistem, prinsip dan proses di mana sebuah syarikat itu beroperasi. Secara umumnya, syarikat menjalankan perniagaan berdasarkan prinsip-prinsip seperti berikut iaitu berintegriti, telus, membuat keputusan yang betul dan keperluan pendedahan, pematuhan kepada undang-undang, kewajipan terhadap pihak-pihak berkepentingan dan beretika menjalankan perniagaan. Kesalahan tadbir urus korporat akan berlaku apabila salah satu prinsip-prinsip ini dilanggar.

Bagi maksud mematuhi AS, syarikat-syarikat dikehendaki mematuhi AS iaitu mengadakan mesyuarat agung tahunan (MAT), membentangkan akaun yang diaudit semasa MAT, dan menyerahkan penyata tahunan dalam tempoh masa yang ditetapkan. Kesalahan lazim pula merujuk kepada pematuhan bukan keperluan kepada syarikat.

Kesalahan yang didakwa di bawah APP merangkumi menjalankan perniagaan tanpa lesen pendaftaran perniagaan atau selepas tamat tempoh lesen pendaftaran perniagaan, membuat atau memberikan maklumat palsu kepada Pendaftar, gagal mempamerkan perakuan pendaftaran atau papan tanda di premis perniagaan dan kegagalan mengemukakan perubahan butir-butir perniagaan. Ini merupakan sebahagian daripada kesalahan-kesalahan lazim yang dilakukan oleh pengarah, syarikat-syarikat dan usahawan.

TINDAKAN PENGUATKUASAAN TERHADAP SKIM HARAM

Pada tahun 2012 menyaksikan peningkatan jumlah pendakwaan dan sabitan ke atas kesalahan yang melibatkan dorongan penipuan untuk melaburkan wang ke dalam pelbagai skim pelaburan yang tidak berdaftar dengan SSM. Tahun ini juga merupakan kali pertama sabitan diperoleh terhadap kes yang melibatkan AMLATFA 2001.

TINDAKAN PENGUATKUASAAN KE ATAS SKIM TIDAK BERDAFTAR

Kes-kes penting mengenai skim haram adalah seperti berikut:

Skim Penternakan Sarang Burung

Pengarah Golden Nest Properties International (M) Berhad telah didakwa atas 28 pertuduhan untuk kesalahan di bawah Seksyen 4(1)(1) AMLATFA 2001. Tertuduh telah dijatuhkan hukuman satu (1) hari penjara dan denda sebanyak RM145,000.

Tertuduh pertama dan seorang lagi pengarah syarikat Golden Nest Properties International (M) Berhad pernah disabitkan atas dua (2) kesalahan di bawah seksyen 91(1) dan 366(3) AS melibatkan skim yang sama. Kedua-dua tertuduh tersebut masing-masing telah dijatuhkan hukuman denda sebanyak RM25,000 dan RM20,000 seorang.

Di dalam kes tersebut, Mahkamah Sesyen menurut seksyen 426 Kanun Tatacara Jenayah telah mengarahkan tertuduh pertama membayar balik wang pampasan sebanyak RM150,000 kepada semua pelabur yang pada waktu material telah membuat pelaburan ke atas skim berkenaan.

LAPORAN INISIATIF PENGUATKUASAAN DAN PROGRAM LATIHAN

Skim Penternakan Benih Ikan Dalam Sangkar

Dua (2) pengarah dan dua (2) pekerja syarikat Premier Agro Sdn. Bhd. telah disabitkan kesalahan di bawah seksyen 366(3) AS atas kesalahan menipu 12 orang pelabur dalam skim penternakan benih ikan dalam sangkar yang menjanjikan pulangan yang tinggi. Mahkamah Sesyen di dalam kes tersebut telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM80,000 ke atas keempat-empat tertuduh.

Skim “Kijang Emas Gold Bullion Coins”

Seorang pegawai SMI-Q Resources Sdn. Bhd. telah disabitkan kesalahan di bawah seksyen 366(3) AS kerana telah menipu pelabur untuk melabur ke dalam skim Kijang Emas Gold Bullion Coins, di mana skim yang ditawarkan kepada orang ramai itu telah menawarkan pulangan sehingga 85% daripada jumlah wang yang dilaburkan. Mahkamah Sesyen dengan itu telah menjatuhkan hukuman denda berjumlah RM20,000.

KES-KES LAIN PADA TAHUN 2012

Peningkatan Hukuman untuk Kes Melibatkan Penyelewengan Dana

Pengarah syarikat Rebana Emas Sdn. Bhd. telah dituduh dibawah seksyen 132(1) AS atas kesalahan gagal melaksanakan kuasanya untuk tujuan yang betul dan dengan niat yang baik demi kepentingan terbaik syarikat. Beliau dikatakan telah menyeleweng dan memasukkan wang berjumlah RM160,000 milik syarikat ke dalam akaun persendirian.

Tertuduh telah mengaku salah di hadapan Mahkamah Sesyen dan telah dijatuhkan hukuman denda sebanyak RM12,000 dan jika ingkar, penjara selama lima (5) bulan. Atas sebab ketidakpuasan hati dengan keputusan yang diberikan oleh Mahkamah Sesyen, pihak SSM telah bertindak memfailkan rayuan di Mahkamah Tinggi dan mahkamah dengan itu memutuskan bahawa tertuduh dipenjarakan selama satu (1) tahun.

Pemegang Saham Utama Syarikat Berhad Didenda

Pemegang saham utama syarikat Ho Hup Construction Company Berhad telah disabit dan dijatuhkan hukuman denda sebanyak RM150,000 untuk tiga (3) jumlah pertuduhan di bawah seksyen 69F(2) AS. Tertuduh dikatakan telah gagal untuk memaklumkan perubahan kepada kepentingan beliau di dalam syarikat dalam tempoh tujuh (7) hari seperti yang dikehendaki di bawah seksyen 69F(2).

KES YANG DIDAFTARKAN DI MAHKAMAH PADA TAHUN 2012

Seksyen Pendakwaan SSM mencatatkan sejumlah 10,914 kes di mahkamah pada tahun 2012 (2011: 9,806 kes) dan ini merupakan peningkatan sebanyak 11.3% berbanding kes tahun 2011. Kesalahan di bawah kategori kesalahan yang lazim menunjukkan peningkatan dalam bilangan kes dengan 10,872 kes yang didaftarkan (2011: 9,730 kes) tetapi terdapat 42 kes yang didaftarkan (2011: 76 kes). Ini menyebabkan peningkatan 11.7% Kesalahan Lazim tetapi dengan penurunan 44.7% Kesalahan Korporat serius dalam tempoh yang sama. Peningkatan 11.7% dalam kategori Kesalahan Lazim adalah disebabkan oleh inisiatif penguatkuasaan dijalankan oleh SSM pada perniagaan dan syarikat bagi kes-kes pematuhan untuk meningkatkan tahap ketelusan korporat di Malaysia.



Jadual di bawah memaparkan statistik untuk kes yang didaftarkan di mahkamah di bawah kategori Kesalahan-kesalahan Lazim:

BIL.	KATEGORI KESALAHAN DI BAWAH AS & APP	JUMLAH KES YANG DIDAFTAR
KESALAHAN-KESALAHAN LAZIM:		
1.	Seksyen 165(4) AS : Kegagalan menyerah simpan Penyata Tahunan	4,419
2.	Seksyen 143(1) AS : Kegagalan mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan syarikat	3,367
3.	Seksyen 169(1) AS : Kegagalan untuk membentangkan Akaun Untung dan Rugi dalam mesyuarat agung tahunan dalam masa yang ditetapkan	2,646
4.	Seksyen 121(1)(b) AS : Gagal mencetak nama syarikat dan nombor syarikat di atas semua surat rasmi syarikat	11
5.	Seksyen 234(5) AS : Gagal menyerahkan pernyataan hal-ehwal syarikat kepada Pegawai Penerima	8
6.	Seksyen 121(3) AS : Gagal mempamerkan nama syarikat di semua pejabat	9
7.	Seksyen 139(1B) AS : Jawatan setiausaha syarikat dibiarkan kosong lebih dari satu (1) bulan	5
8.	Seksyen 169(16) AS : Gagal melampirkan perisytiharan berkanun kepada neraca kira-kira dan akaun untung rugi syarikat	4
9.	Seksyen 12(1)(a) APP : Menjalankan perniagaan tanpa pendaftaran	29
10.	Seksyen 12(1)(b) APP : Menjalankan perniagaan selepas pendaftaran tamat tempoh	289
11.	Seksyen 12(2) APP : Kegagalan mempamerkan Sijil Pendaftaran perniagaan	21
12.	Kaedah 17A(1)(b) APP : Kegagalan untuk menyerah simpan butir-butir pendaftaran perniagaan	16
13.	Kaedah 17A(2) APP : Kegagalan untuk mempamerkan papan tanda	48
JUMLAH KES YANG DIDAFTAR DI MAHKAMAH DI BAWAH KATEGORI KESALAHAN LAZIM		10,872

Jadual di bawah memaparkan statistik untuk kes yang didaftarkan di mahkamah di bawah kategori Kesalahan Tadbir Urus Korporat yang serius bagi tahun 2012:

BIL.	KATEGORI KESALAHAN DI BAWAH AS & APP	JUMLAH KES YANG DIDAFTAR
KESALAHAN TADBIR URUS KORPORAT YANG SERIUS:		
1.	Seksyen 12(1)(d) APP : Membuat atau membekalkan pernyataan palsu kepada Pendaftar	2
2.	Seksyen 91(1) AS : Pengeluaran kepentingan kepada orang awam tanpa surat ikatan yang diluluskan	1
3.	Seksyen 125(1) AS : Seorang yang bankrap dan masih belum dibebaskan daripada kebangkrapan bertindak sebagai pengarah syarikat	7
4.	Seksyen 131(2) AS : Kegagalan mendedahkan kepentingan pengarah di dalam kontrak, harta, jawatan-jawatan dan lain-lain	1
5.	Seksyen 132(1) AS : Kegagalan melaksanakan kewajipan sebagai pengarah syarikat untuk kepentingan syarikat	2

LAPORAN INISIATIF PENGUATKUASAAN DAN PROGRAM LATIHAN

BIL.	KATEGORI KESALAHAN DI BAWAH AS & APP	JUMLAH KES YANG DIDAFTAR
KESALAHAN TADBIR URUS KORPORAT YANG SERIUS:		
6.	Seksyen 132(2)(c) AS : Pengarah atau pegawai menggunakan jawatannya tanpa kebenaran atau pengesahan mesyuarat agung untuk mendapatkan faedah sehingga merugikan syarikat	2
7.	Seksyen 364(2) AS : Orang yang membuat atau membenarkan buat, pernyataan palsu atau mengelirukan	5
8.	Seksyen 368(a) AS : Pegawai syarikat telah mendorong mana-mana orang untuk memberi kredit kepada syarikat dengan cara menipu atau <i>fraud</i>	2
9.	Seksyen 370(1) AS : Prosiding untuk penalti ingkar bagi kesalahan yang berterusan	19
10.	Seksyen 366(3) AS : Memperoleh bayaran wang kepada syarikat dengan sumpah palsu dan dengan niat untuk menipu	1
JUMLAH KES YANG DIDAFTAR DI MAHKAMAH DI BAWAH KATEGORI KESALAHAN TADBIR URUS KORPORAT YANG SERIUS		42
JUMLAH KESELURUHAN KES YANG DIDAFTAR BAGI KESALAHAN LAZIM DAN KESALAHAN TADBIR URUS KORPORAT SERIUS		10,914

SSM telah mencatatkan 10,872 dan 42 kes yang didaftarkan di mahkamah di bawah kategori Kesalahan Lazim dan Kesalahan Tadbir Urus Korporat yang serius, SSM telah mendapatkan sabitan bagi 1,390 kes dan 38 masing-masing pada tahun 2012.

Jadual dibawah memaparkan statistik bagi kes-kes yang disabitkan di bawah kategori Kesalahan Lazim dalam tahun 2012:

BIL.	KATEGORI KESALAHAN DI BAWAH AS & APP	JUMLAH KES YANG DISABITKAN KESALAHAN
KESALAHAN-KESALAHAN LAZIM:		
1.	Seksyen 165(4) AS : Kegagalan menyerah simpan Penyata Tahunan	748
2.	Seksyen 143(1) AS : Kegagalan mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan syarikat	381
3.	Seksyen 169(1) AS : Kegagalan untuk membentangkan Akaun Untung & Rugi dalam mesyuarat agung tahunan dalam masa yang ditetapkan	109
4.	Seksyen 12(1)(a) APP : Menjalankan perniagaan tanpa pendaftaran	5
5.	Seksyen 12(1)(b) APP : Menjalankan perniagaan selepas pendaftaran tamat tempoh	120
6.	Seksyen 12(1)(c) APP : Tanpa sebab yang sah, gagal mematuhi mana-mana saman atau kehendak Pendaftar	3
7.	Seksyen 12(2) APP : Kegagalan mempamerkan Sijil Pendaftaran perniagaan	4
8.	Kaedah 17A(1)(b) APP : Kegagalan untuk menyerahsimpan butir-butir pendaftaran perniagaan	1
9.	Kaedah 17A(2) APP : Kegagalan untuk mempamerkan papan tanda	9
10.	Seksyen 165A(1) AS : Kegagalan melampirkan Pernyataan Juruaudit	10
JUMLAH KES YANG DISABITKAN DIPEROLEHI BAWAH KATEGORI KESALAHAN		1,390



Jadual dibawah memaparkan statistik bagi kes-kes yang disabitkan kesalahan di bawah kategori serius Kesalahan Tadbir Urus Korporat yang Serius dalam tahun 2012:

BIL.	KATEGORI KESALAHAN DI BAWAH AS & APP	JUMLAH KES YANG DISABITKAN KESALAHAN
KESALAHAN TADBIR URUS KORPORAT YANG SERIUS:		
1.	Seksyen 7(11)(b) AS : Kegagalan memberi maklumat secara bertulis kepada Pendaftar dan kegagalan memberi apa-apa maklumat atau dalam memberi maklumat membuat kenyataan palsu	1
2.	Seksyen 91(1) AS : Pengeluaran kepentingan kepada orang awam tanpa surat ikatan yang diluluskan	2
3.	Seksyen 125(1) AS : Seorang yang bankrap dan masih belum dibebaskan daripada kebangkrapan bertindak sebagai pengarah syarikat	2
4.	Seksyen 132(1) AS : Kegagalan melaksanakan kewajipan sebagai pengarah syarikat untuk kepentingan syarikat	2
5.	Seksyen 167(2) AS : Kegagalan menyimpan rekod-rekod perakaunan	1
6.	Seksyen 363(5) AS : Mendorong mana-mana orang untuk menawarkan saham/debentur untuk dilanggan	2
7.	Seksyen 364(2) AS : Orang yang membuat atau membenarkan buat, pernyataan palsu atau mengelirukan	7
8.	Seksyen 364A(1)(a) AS : Pegawai syarikat dengan niat untuk memperdaya, mengemukakan pernyataan atau laporan palsu kepada pengarah syarikat	2
9.	Seksyen 366(3) AS : Memperoleh bayaran wang kepada syarikat dengan sumpah palsu dan dengan niat untuk menipu	3
10.	Seksyen 370(1) AS : Prosiding untuk penalti ingkar bagi kesalahan yang berterusan	15
11.	Seksyen 12(1)(d) APP : Membuat atau membekalkan pernyataan palsu kepada Pendaftar	1
JUMLAH YANG DISABITKAN DALAM KATEGORI KESALAHAN TADBIR URUS KORPORAT YANG SERIUS		38
JUMLAH KESELURUHAN KES YANG DISABITKAN BAGI KESALAHAN LAZIM DAN KESALAHAN TADBIR URUS KORPORAT YANG SERIUS		1,428

SABITAN PENDAKWAAN YANG DIPEROLEHI PADA TAHUN 2012

SSM berjaya diperolehi sejumlah 1,428 sabitan terhadap individu-individu, pengarah-pengarah dan syarikat-syarikat untuk pelbagai kesalahan-kesalahan di bawah APP dan AS. Berbanding dengan tahun 2011, terdapat peningkatan sebanyak

569 kes dengan sabitan kerana perbicaraan yang sedang berjalan sebelum 2012 yang diselesaikan pada tahun 2012 dan disabitkan kesalahan. Butir-butir mengenai sabitan yang diperolehi adalah 121 ke atas syarikat dan 1,307 terhadap individu dan pengarah dengan denda yang dikenakan berjumlah RM1,740,120 bagi kesalahan yang dilakukan.

LAPORAN INISIATIF PENGUATKUASAAN DAN PROGRAM LATIHAN

Jadual di bawah memberi ringkasan sabitan diperoleh dan butir-butir denda mahkamah pada tahun 2012:

Ringkasan Sabitan Pada Tahun 2012

NO	KATEGORI	TADBIR URUS KORPORAT SERIUS	KETIDAK-PATUHAN	JUMLAH DENDA YANG DIKENAKAN OLEH MAHKAMAH (RM)
1.	Syarikat	-	121	166,230
2.	Pengarah	37	1,127	1,476,130
3.	Pemilik Perniagaan /Individu	1	142	97,760
JUMLAH		38	1,390	1,740,120

LITIGASI

Pada tahun yang ditinjau, terdapat peningkatan yang ketara dalam bilangan kes-kes litigasi sivil yang difailkan dengan 391 fail yang dibuka pada tahun 2012 berbanding dengan 183 fail pada tahun 2011, peningkatan sebanyak 113.7% berbanding 2011.

ULASAN KES-KES SIVIL PENTING MELIBATKAN SSM

Melindungi orang awam daripada skim pelaburan haram:

i) **Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur Saman Pemula No. 24NCC-421-11/2011: Suruhanjaya Syarikat Malaysia v Prestige Dairy Farm (M) Bhd. (832757-A)**

Permohonan ini dimulakan oleh SSM untuk mendapatkan perintah injunksi untuk menahan Defendan daripada menawarkan Skim Pelaburan Penternakan Lembu Tenusu kepada orang awam sementara menunggu kelulusan permohonan pendaftaran skim ini dengan SSM. Defendan diberikan tempoh masa selama tiga (3) bulan untuk memenuhi kehendak-kehendak SSM untuk tujuan mendaftarkan skim ini menurut peruntukan-peruntukan Div 5, Bahagian IV, AS.

Permohonan untuk perintah injunksi ini diambil oleh SSM setelah mendapati skim yang ditawarkan oleh Defendan termasuk di dalam definisi 'kepentingan' menurut seksyen 84(1) AS. Oleh itu, Defendan tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Div 5, Bahagian IV, AS.

Mahkamah telah membenarkan permohonan SSM. Ini merupakan sebahagian daripada usaha SSM untuk membendung tawaran-tawaran skim kepentingan untuk melindungi orang awam.

ii) **Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur Saman Pemula No. 24NCC-313-09/2012: Pendaftar Syarikat, Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Syarikat Malaysia v 1. Zaliza Binti Zain berniaga atas nama dan gaya Megaherbs Bioextreme (No. Perniagaan: 001946380-K) 2. Mega Bioextreme Sdn. Bhd. (No. Syarikat: 972936-D)**

Permohonan ini adalah untuk satu deklarasi bahawa skim-skim pelaburan yang ditawarkan oleh Defendan-Defendan termasuk di dalam definisi 'kepentingan' menurut seksyen 84 AS dan satu perintah injunksi menurut seksyen 368A AS ke atas Defendan-Defendan.

SSM telah melakukan siasatan terhadap operasi perniagaan Defendan-Defendan menurut seksyen 91(1) AS iaitu menawarkan kepada orang awam suatu skim kepentingan tanpa surat ikatan amanah (*trust deed*) yang diluluskan oleh Pendaftar Syarikat. Tujuan peruntukan ini adalah untuk melindungi orang awam daripada membuat pelaburan di dalam apa-apa skim kepentingan yang tidak didaftarkan dengan SSM.

Hasil siasatan menunjukkan bahawa Defendan-Defendan telah melanggar seksyen 91(1) AS dan gagal mematuhi Div 5 Bahagian IV AS. Defendan-Defendan masih menawarkan skim pelaburan kepada orang awam walaupun telah menerima arahan daripada SSM untuk mematuhi Div 5, Bahagian IV, AS.



Mahkamah berpendapat bahawa skim-skim yang ditawarkan oleh Defendan-Defendan termasuk di dalam definisi 'kepentingan' di bawah seksyen 84 AS dan membenarkan permohonan SSM untuk mendapatkan injunksi dengan kos. Defendan-Defendan dilarang meneruskan penawaran skim-skim ini kepada orang ramai sehingga skim-skim di bawah didaftarkan sebagai skim kepentingan:

- (a) Pakej Rakan Niaga Kontrak, Dr Zubir Uruskan;
- (b) Skim Rakan Niaga Stevia Ranger;
- (c) Skim Port Ranger/Skim Stokis Ranger;
- (d) Skim Rakan Promosi Stevia/Skim Duta Stevia;
- (e) Skim Rakan Bistro Stevia Station; dan
- (f) Skim Rakan Pengarah Stevia Station.

Permohonan untuk memasukkan semula nama syarikat ke dalam daftar syarikat menurut seksyen 308 AS:

iii) Mahkamah Rayuan Sivil No. A-01(OM)(NCVC)-131-03/2012 : Mohd Zamin bin Kamaruzaman & Ismail bin Mohamed Yusoff v Suruhanjaya Syarikat Malaysia

Rayuan ini dimulakan berdasarkan keputusan Mahkamah Tinggi Ipoh di mana Yang Arif Hakim Dato' Dr Haji Hassan Bin Abd Rahman telah menolak permohonan Perayu-Perayu untuk memasukkan semula nama syarikat Flexi-Cash Holdings Sdn. Bhd. menurut seksyen 308(4) and 308(5) AS dan Aturan 88 Kaedah 5(i) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 (terdahulu).

SSM telah membantah rayuan ini berdasarkan alasan-alasan seperti berikut:

- (a) Kecacatan di dalam Rekod Rayuan;
- (b) Pembatalan nama syarikat dilakukan menurut peruntukan undang-undang;
- (c) Tadbir urus korporat; dan

- (d) Pendaftar diberikan kuasa untuk memegang harta-harta alih dan tidak alih bagi syarikat yang telah dibatalkan namanya.

Mahkamah Rayuan telah sebulat suara menolak rayuan Perayu-Perayu dan mengesahkan perintah Mahkamah Tinggi Ipoh.

SSM berpendapat bahawa mekanisme pembatalan nama syarikat di bawah seksyen 308 AS tidak boleh diguna oleh syarikat-syarikat dengan niat terselindung, contohnya untuk mengelak daripada tuntutan oleh pihak-pihak ketiga.

AKADEMI LATIHAN SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA (COMTRAC)

Akademi Latihan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (COMTRAC) telah ditubuhkan pada 1 April 2007 untuk meneraju inisiatif latihan kepada pihak-pihak berkepentingan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Misinya adalah untuk melatih dan mendidik pelbagai peranan dalam sektor korporat yang konsisten dengan fungsi SSM seperti yang ditetapkan di bawah subseksyen 17(d) Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 yang menyatakan:

“untuk mendorong dan menggalakkan tatalaku yang sepatutnya di kalangan pengarah, setiausaha, pengurus dan pegawai lain di dalam sesuatu perbadanan, dan pengawalseliaan diri oleh perbadanan, syarikat, perniagaan, kumpulan industri dan badan-badan profesional dalam sektor korporat demi untuk memastikan bahawa segala kegiatan korporat dan perniagaan dijalankan selaras dengan norma-norma yang telah ditubuhkan melalui tadbir urus korporat yang baik”

LAPORAN INISIATIF PENGUATKUASAAN DAN PROGRAM LATIHAN

Di bawah Pelan Strategik Pembangunan Kedua SSM 2010 - 2014 (SDP II), COMTRAC memacu Teras Strategik 5 (*Evolving to a knowledge driven organization to develop competitive intelligence*) ke arah mencapai tiga (3) *End-State Descriptions* (ESD) melalui pelaksanaan projek-projek yang berstruktur strategik.

PELAN PERNIAGAAN BAHARU 2011-2014 COMTRAC

COMTRAC telah merangka dan memperkenalkan pelan perniagaan baharu (Pelan Perniagaan) yang sejajar dengan Wawasan 2020, MEB dan RMK10. Pelan Perniagaan baharu bertujuan meletakkan kedudukan COMTRAC terus ke dalam rantaian nilai ekonomi negara melalui penyediaan latihan korporat dan menjalankan program-program pembangunan korporat bagi pihak-pihak berkepentingan. Dalam hal ini, COMTRAC akan lebih fokus kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

Mulai tahun 2012, COMTRAC lebih tertumpu kepada kandungan latihan tiga (3) bidang teras (*Triple Helix*) yang boleh memberi kesan yang ketara dan positif kepada ekonomi negara iaitu:

- Tadbir Urus Korporat;
- Tanggungjawab Korporat; dan
- Inovasi.

Pelaksanaan pendekatan *Triple Helix* akan membolehkan syarikat Malaysia, khususnya PKS menjalankan perniagaan mereka dengan lebih mampan dan lebih berdaya saing.

Mengambil kira jangka masa yang agak singkat (iaitu lebih kurang lapan (8) tahun) bagi negara untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020 serta prestasi ekonomi negara yang sedia ada; pendekatan drastik, inovatif dan berkesan mesti dilaksanakan. Oleh kerana terdapat bilangan pihak berkepentingan yang sedia ada dan

masa depan yang akan dilatih mengenai asas-asas *Triple Helix*, terdapat keperluan untuk pendekatan strategik yang perlu diambil oleh SSM, melalui COMTRAC untuk pengetahuan itu disampaikan kepada pihak yang berkepentingan.

PUSAT PEMBANGUNAN PENCERAMAH SSM

Pada tahun ini, SSM telah menubuhkan Pusat Pembangunan Penceramah SSM. Pusat Pembangunan Penceramah melatih penceramah dalaman dan luaran mengenai topik/perkara akan disampaikan kepada pihak-pihak berkepentingan SSM. Pelaksanaan projek strategik ini bertujuan untuk mencapai:

- Kandungan yang relevan, berkualiti tinggi, kontemporari dan berkesan sebagai modul latihan;
- Kandungan modul latihan yang berkualiti dan kaedah penyampaian yang standard;
- Jurulatih yang berkompetensi untuk menjalankan program latihan;
- Peningkatan penyertaan dan kadar pengetahuan pihak berkepentingan; dan
- Kerjasama Strategik antara COMTRAC dan kumpulan pihak berkepentingan yang terpilih untuk menyampaikan pengetahuan korporat yang penting dan kontemporari kepada pihak yang berkepentingan.



Pusat Pembangunan Penceramah SSM dibangunkan untuk melaksanakan fungsi-fungsi yang berikut:

- (a) Untuk membolehkan COMTRAC menampung permintaan yang meningkat bagi program latihan dengan mempunyai penceramah yang berkelayakan dan bersedia untuk penempatan di seluruh negara;
- (b) Untuk memastikan penceramah mempunyai tahap kompetensi teknikal yang tinggi mengenai perkara yang berkenaan ditambah pula dengan kemahiran yang tinggi untuk penyampaian maklumat yang berkesan;
- (c) Untuk memastikan keseragaman dan ketepatan maklumat/pengetahuan yang disampaikan; dan
- (d) Untuk memupuk hubungan kerja yang lebih erat antara SSM dan badan-badan profesional yang ditetapkan dan persatuan setiausaha syarikat berlesen.

Antara institusi-institusi yang telah menyertai Pusat Pembangunan Penceramah SSM seperti berikut:

- (a) *Malaysian Institute of Accountant (MIA)*;
- (b) *Malaysian Institute of Chartered Secretaries and Administrators (MAICSA)*;
- (c) *Malaysian Association of Company Secretaries (MACS)*; dan
- (d) *Institute of Approved Company Secretaries (IACS)*.

JAWATANKUASA KERJA PEMBANGUNAN KURIKULUM SSM

COMTRAC juga telah mengenalpasti penubuhan Jawatankuasa Kerja Pembangunan Kurikulum untuk menjadi sebahagian daripada rangkaian kerjasama.

Tujuan penubuhan Jawatankuasa Kerja Pembangunan Kurikulum SSM adalah seperti berikut:

- (a) Untuk membolehkan COMTRAC bekerjasama membangunkan kandungan program latihan /modul dengan agensi-agensi Kerajaan yang lain, ahli-ahli industri dan dewan akademik;
- (b) Untuk memastikan kandungan dan kualiti modul latihan COMTRAC adalah relevan dalam landskap perniagaan yang sentiasa berubah dan mencabar; dan
- (c) Untuk memupuk hubungan kerja yang lebih erat antara SSM dan pihak-pihak yang berkepentingan.

Antara institusi-institusi yang telah menyertai Jawatankuasa Kerja Pembangunan Kurikulum SSM seperti berikut:


- (a) *Malaysian Institute of Accountant (MIA)*;
- (b) *Malaysian Institute of Certified Public Accountants (MICPA)*;
- (c) *Malaysian Institute of Chartered Secretaries and Administrators (MAICSA)*;
- (d) *Malaysian Association of Company Secretaries (MACS)*;
- (e) *Institute of Approved Company Secretaries (IACS)*;
- (f) Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (IIUM);
- (g) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM); dan
- (h) Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB).

LAPORAN INISIATIF PENGUATKUASAAN DAN PROGRAM LATIHAN

PENDIDIKAN DAN KESEDARAN KEPADA PIHAK-PIHAK YANG BERKEPENTINGAN

Pada tahun 2012, COMTRAC telah melaksanakan sebanyak 177 program (2011: 176) dan dihadiri oleh 7,024 peserta (2011: 7,823).

Jumlah Program dan Peserta dari tahun (2010 sehingga 2012)



Pada tahun 2012, daripada 46 program yang ditawarkan, 21 program adalah topik yang baharu. Keseluruhan program korporat yang telah dijalankan dari bulan Januari sehingga Disember 2012 adalah seperti jadual di bawah:

PROGRAM	BILANGAN PESERTA	BILANGAN PROGRAM
PROGRAM LATIHAN PENGARAH KORPORAT (CDTP)	910	37
PROGRAM LATIHAN SETIAUSAHA BERLESEN	2,775	60
PROGRAM PENDIDIKAN BERTERUSAN	1,021	39
CORPORATE TEA TALK	1,194	12
PROGRAM LATIHAN IN-HOUSE	684	23
PERSIDANGAN KEBANGSAAN SSM 2012	305	1
PROGRAM USAHASAMA	129	4
PUSAT PEMBANGUNAN PENCERAMAH SSM	6	1
JUMLAH	7,024	177

PROGRAM LATIHAN PENGARAH KORPORAT (CDTP)

Program Latihan Pengarah Korporat (CDTP) yang sebelum ini dianjurkan sebagai *1-Day CDTP* atau *2-Day CDTP*, kini mempunyai struktur yang lebih kontemporari untuk memastikan kesesuaian dengan persekitaran korporat semasa. Input dan cadangan mengenai kandungan modul yang diperolehi daripada Jawatankuasa Kerja Pembangunan Kurikulum yang ditubuhkan baru-baru ini, yang terdiri daripada wakil-wakil daripada sektor swasta, sektor awam, badan-badan profesional dan ahli akademik untuk memastikan kesesuaian mereka. CDTP distrukturkan semula sebagai:

- CDTP *Fundamental*.
- CDTP *Intermediate*.
- CDTP *Advanced*.
- CDTP + Pengurusan Sumber Manusia.

PROGRAM PREMIER LATIHAN PENGARAH SYARIKAT

'Program Latihan Peringkat Tinggi' yang direka khusus untuk pelanggan yang berprofil tinggi bagi memenuhi keperluan kumpulan ini, COMTRAC memperkenalkan program latihan baru dipanggil CDTP Premier. Ia direka untuk memenuhi harapan yang tinggi dari kelompok dinamik, berpengalaman dan berpengetahuan bagi pengarah/eksekutif atasan seperti KPE, KPO dan kakitangan pengurusan utama dalam syarikat-syarikat awam yang tersenarai, syarikat multinasional, sektor awam dan GLC.

Kandungan modul dinamik dan pendekatan memprovokasi mestilah disampaikan oleh jurulatih yang berkualiti dan bereputasi tinggi bukan sahaja untuk membolehkan penyampaian pengetahuan yang berkesan tetapi pada masa yang sama memberi inspirasi, motivasi dan mengintegrasikan pengetahuan itu dalam persekitaran korporat. Modul ini terdiri daripada isu-isu kontemporari dan relevan yang terpilih atau menghampiri subjek '*lama*' kepada



satu dimensi baru/perspektif yang lebih segar. CDTP Premier masih akan memberi tumpuan kepada *Triple Helix* SSM meskipun mengamalkan pendekatan yang lebih canggih dan pendekatan memprovokasi.

Pada tahun 2012, sejumlah 37 program CDTP telah dianjurkan dan dihadiri oleh 910 orang peserta. Statistik terperinci seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

JENIS-JENIS CDTP	BILANGAN PESERTA	BILANGAN PROGRAM
<i>CDTP Fundamental</i>	223	11
<i>CDTP Intermediate</i>	43	4
<i>CDTP Advance</i>	8	1
<i>CDTP + Pengurusan Sumber Manusia (SSM-PSMB)</i>	24	2
<i>CDTP Premier</i>	26	1
<i>CDTP Fundamental (Co-organised with Partners)</i>	586	18
JUMLAH CDTP 2012	910	37

PROGRAM LATIHAN SETIAUSAHA BERLESEN (LSTP)


Program Latihan Setiausaha Syarikat (LSTP) adalah kursus mandatori hanya bagi setiausaha syarikat berlesen yang telah dikeluarkan oleh Pendaftar Syarikat di bawah seksyen 139A(b) AS.

LSTP ini bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan kompetensi setiausaha syarikat dalam peranan mereka sebagai penasihat kepada ahli lembaga pengarah. Program yang telah direka khas untuk setiausaha syarikat, pengamal setiausaha dan kakitangan sokongan, menawarkan gambaran menyeluruh tentang amalan syarikat kesetiausahaan yang menggabungkan keperluan pematuhan terbaru seperti AS dan peraturan-peraturan yang berkaitan dan amalan terbaik di dalam mesyuarat lembaga pengarah.

Pada tahun 2012, sebanyak 60 LSTP (Tahap 1-3) telah dianjurkan di Kuala Lumpur, Miri, Sibul, Pulau Pinang, Kota Kinabalu, Kuching dan Johor Bahru, telah dihadiri oleh 2,775 peserta. Kadar kehadiran pada tahun 2012 telah berkurangan sebanyak 34.5% berbanding dengan tahun sebelumnya sebanyak 7,397 setiausaha berlesen yang telah menghadiri program ini sejak tahun 2010 dengan skim CPE mandatori. Pada masa ini, semua syarikat yang mempunyai setiausaha berlesen perlu menghadiri LSTP itu bermula pada bulan Januari 2014. Kami mendapati bahawa modul pembelajaran baru untuk setiausaha syarikat diperlukan menjelang tahun 2014. Oleh itu modul LSTP yang sedia ada telah dikaji dan dibuat lebih kontemporari dan LSTP telah dinamakan semula kepada 'Program Latihan Setiausaha Syarikat (*CSTP*) *Essential*' mulai tahun 2013. COMTRAC juga akan memperkenalkan 'Program Latihan Setiausaha Syarikat (*CSTP*) *Significant*' sebagai satu program lanjutan untuk 'Syarikat Program Latihan Setiausaha (*CSTP*) *Essential*' mulai tahun 2013.

Dibawah adalah bilangan peserta LSTP dari tahun 2009 sehingga 2012.

Bilangan Peserta LSTP dari 2009-2012



LAPORAN INISIATIF PENGUATKUASAAN DAN PROGRAM LATIHAN

PROGRAM LATIHAN LUARAN *IN-HOUSE* YANG DIRANGKA KHUSUS

Permintaan daripada pelbagai organisasi untuk menjalankan program latihan *in-house* kepada

ahli lembaga pengarah dan pegawai mereka amat menggalakkan. Sebanyak 23 program latihan luaran telah dijalankan bagi pertubuhan-pertubuhan berikut dan kehadiran jumlah adalah sebanyak 684 orang.

NO.	TAJUK PROGRAM	ORGANISASI
1.	<i>Common Offences Committed By Company Directors Under Companies Act 1965 and Getting Corporate Governance Right</i>	Telekom Berhad
2.	<i>The Dynamics of A Company and Key Role Players In A Company - Roles & Responsibilities</i>	The Malaysian Directors Academy (MINDA)
3.	<i>Competition Law 2010-Key Features and Implications</i>	Gamuda Berhad
4.	<i>The Roles and Responsibilities of Company Directors and Common Offences Committed By Company Directors Under The Companies Act 1965</i>	Padini Headquarters
5.	Program Latihan Pengarah Syarikat - <i>Intermediate</i>	Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT)
6.	Program Latihan Pengarah Syarikat - <i>Intermediate</i>	Yayasan Guru Malaysia Berhad (YGMB)
7.	<i>Voluntary Winding-Up and Registration of Documents & Striking-Off Application and Its Procedures</i>	Prokhas
8.	<i>Roles and Responsibilities of Company Directors</i>	Economic Planning Unit (EPU), The Malaysian Directors Academy (MINDA)
9.	<i>Customer Service Excellence</i>	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan
10.	Program Latihan Pengarah Syarikat - <i>Fundamental</i>	UPM Innovation Sdn. Bhd.
11.	<i>Highlights of Key Provisions In The Proposed Companies Bill</i>	Chemical Company of Malaysia Berhad (CCM)
12.	<i>Interpreting Financial Statements for Company Directors</i>	Gamuda Berhad
13.	Program Latihan Pengarah Syarikat - <i>Intermediate</i>	Construction Industry Development Board Malaysia
14.	<i>Insights Into The New Companies Bill</i>	PPB Group

USAHASAMA DENGAN ORGANISASI/BADAN-BADAN PROFESIONAL

COMTRAC meneruskan pendekatannya dengan menjalankan kerjasama dengan pihak berkepentingan luar adalah sebagai satu perhubungan pengurusan yang penting. Pada tahun 2012, COMTRAC telah bekerjasama dengan dua (2) organisasi untuk menjalankan empat (4) program latihan bersama untuk 129 orang peserta. Butiran program yang dijalankan adalah seperti di bawah:

- *Competition Law 2010 - Key Features and Implications* - Suruhanjaya Persaingan Malaysia.
- *Voluntary Winding-Up, Registration of Documents for Court Winding-Up and Striking-Off Application and its Procedures* - MAICSA.

CORPORATE TEA TALKS

Buat pertama kalinya, COMTRAC telah melancarkan *Corporate Tea Talks* pada tahun 2012. Ini adalah sebahagian daripada tanggungjawab korporat SSM untuk menyediakan latihan percuma bagi mendidik dan mewujudkan kesedaran di kalangan para profesional dan usahawan korporat tentang tadbir urus, inovasi dan pemikiran topik kepimpinan. Sebanyak enam (6) sesi telah dijalankan pada tahun 2012 dan dihadiri oleh 1,101 peserta. Topik-topik yang dijalankan seperti di bawah:

- *Aspects of the Blue Ocean Strategy & its Relevance to Company Secretaries* – 171 peserta.
- *Carrying Out Business in Malaysia: Companies, Businesses and Limited Liability Partnerships* – 454 peserta.



- *Innovation - Paradigm Shifts for SME's Companies, Businesses and Limited Liability Partnerships* – 111 peserta.
- *A New Dimension of Corporate Governance: Human Governance* – 216 peserta.
- *Corporate Responsibility - Paradigm Shifts for SME's Companies, Businesses and Limited Liability Partnership* – 149 peserta.

COMTRAC juga telah mengadakan enam (6) sesi 'Getting to Know SSM e-Services' pada tahun 2012. Program-program ini telah dihadiri seramai 141 orang peserta.

PROGRAM-PROGRAM LATIHAN STARTING A BUSINESS

Sebagai menggalas tanggungjawab korporat, SSM melalui COMTRAC terus memberi latihan percuma untuk mendidik dan mewujudkan kesedaran di kalangan pelajar yang baru menamatkan pengajian, graduan yang menganggur dari institusi pengajian tinggi dan bakal usahawan untuk menggalakkan mereka menceburi bidang perniagaan. Dalam tahun 2012, COMTRAC telah dijemput untuk memberikan latihan berkenaan 'Start Your Own Business: Registration of Business and Incorporation of Companies' dan lain-lain topik yang berkaitan serta 37 program yang telah dianjurkan oleh beberapa organisasi.

PERSIDANGAN KEBANGSAAN SSM 2012

SSM telah mengadakan Persidangan kedua Kebangsaan pada 12 dan 13 Jun 2012 dengan tema, "Managing Governance. Creating Value. Economic Transformation" Persidangan tersebut telah diadakan di Pusat Konvensyen Sime Darby, Kuala Lumpur. Persidangan ini telah dihadiri oleh 305 perwakilan yang terdiri daripada pelbagai pihak yang berkepentingan dari kedua-dua sektor awam dan swasta seperti pengarah syarikat (39%), setiausaha syarikat (26%) dan selebihnya adalah akauntan, peguam, pengurusan kanan, pengurus, eksekutif, pelajar, pensyarah serta wakil-wakil dari agensi-agensi Kerajaan dan Kementerian.

Seramai 26 penceramah dan moderator telah membentangkan kertas kerja berikut di dalam Persidangan tersebut:

- *The Importance of Continuous Corporate Education in the Innovation Economy.*
- *Managing Corporate Governance Amid the National Economic Transformation.*
- *From Ideas to Products: Leveraging on Corporate Governance for Effective Innovation.*
- *Towards Attaining the High Income Economy: Strategic Initiatives by Ministry of Domestic Trade, Co-operatives & Consumerism and its Selected Agencies.*
- *Managing Competition in the Globalized Landscape.*
- *Optimizing Board Effectiveness Through Diversity*
- *Personal Data Protection Act 2010: Business as Usual.*
- *SSM Regulatory and Operations Updates: A Snapshot of the Future.*
- *SSM Enforcement Updates.*

3. LAPORAN INISIATIF PEMBAHARUAN UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG SYARIKAT BAHARU

Rang Undang-Undang Syarikat yang baharu kini di peringkat akhir penggubalan dan sedang diteliti oleh Bahagian Undang-Undang, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan dan Jabatan Peguam Negara. Rang Undang-Undang ini dijangka akan dibentangkan di Parlimen pada tahun 2013.

RANG UNDANG-UNDANG SKIM KEPENTINGAN BAHARU

Selain daripada inisiatif untuk memperkenalkan Rang Undang-Undang Syarikat, SSM juga telah memulakan usaha untuk memperkenalkan Rang Undang-Undang Skim Kepentingan sebagai satu undang-undang yang berasing daripada kerangka undang-undang sedia ada yang terkandung di dalam Akta Syarikat 1965 bagi menyediakan persekitaran perniagaan yang dikawal selia dengan baik untuk kaedah alternatif penajaan dana melalui Skim Kepentingan. Rang Undang-Undang ini dijangka akan dibentangkan di Parlimen pada tahun 2013.

RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA (PINDAAN)

Pindaan kepada Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 telah dilaksanakan untuk memberikan kuasa penguatkuasaan yang menyeluruh yang terpakai untuk semua perundangan di bawah kawal selia SSM. Draf Rang Undang-Undang (Pindaan) Suruhanjaya Syarikat Malaysia ini telah pun dikemukakan untuk semakan kepada Bahagian Undang-Undang, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan dan Jabatan Peguam Negara. Rang Undang-Undang ini dijangka akan dibentangkan di Parlimen pada separuh tahun pertama 2013.

PENGENALAN AKTA PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD 2012

Rang Undang-Undang Perkongsian Liabiliti Terhad telah diluluskan oleh Dewan Negara pada 21 Disember 2011 dan telah menerima Perkenan Diraja pada 2 Februari 2012. Rang Undang-Undang ini kemudiannya telah diwartakan sebagai Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 (Akta PLT) pada 9 Februari 2012.

Akta PLT telah dikuatkuasakan pada 26 Disember 2012. Dengan pengenalan Akta PLT, komuniti perniagaan akan mempunyai lebih banyak pilihan bentuk perniagaan selain daripada menjalankan perniagaan secara tradisional dengan memperbadankan syarikat di bawah AS atau dengan mendaftarkan pemilikan tunggal atau perkongsian di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 (APP).

Selaras dengan pelaksanaan Akta PLT, SSM telah memulakan program latihan kesedaran berhubung Akta PLT sebagai satu usaha untuk mewujudkan kesedaran dikalangan komuniti perniagaan.

PENERBITAN NOTA-NOTA AMALAN 2012

Sebagai sebahagian daripada usaha SSM yang berterusan untuk membantu komuniti korporat dalam pemahaman dan pematuhan peruntukan-peruntukan di dalam AS, sejumlah dua (2) Nota Amalan telah diterbitkan pada tahun 2012:

- (a) Nota Amalan 14/2012 – Penjelasan berhubung pelaksanaan Borang 48A bagi tujuan e-Lodgement.

Nota Amalan ini dikeluarkan untuk memberikan penjelasan berhubung pelaksanaan 48A bagi tujuan e-Lodgement. Nota Amalan ini menegaskan tentang kepentingan deklarasi persetujuan dan kelayakan untuk bertindak sebagai pengarah di mana ia adalah penting untuk Borang 48A dilaksanakan oleh pengarah (atau promoter) untuk memenuhi keperluan-keperluan di bawah seksyen 123(4) AS.

Hanya selepas pelaksanaan Borang 48A, setiausaha syarikat boleh menyerahsimpan persetujuan tersebut secara elektronik dan penyerah simpanan itu dianggap telah mematuhi keperluan di bawah seksyen 11A(6A) AS.

Setelah diserahsimpan dengan Pendaftar, dan selepas itu dengan Pegawai Penerima menurut keperluan-keperluan di bawah seksyen 123(4) AS, satu salinan Borang 48A yang disempurnakan hendaklah juga disimpan di alamat berdaftar syarikat itu.

- (b) Nota Amalan 15/2012 – Penjelasan berhubung modal minimum yang perlu dibayar apabila memperbadankan sebuah syarikat.

Nota Amalan ini dikeluarkan untuk menjelaskan bahawa tiada keperluan modal berbayar minimum apabila memperbadankan sebuah syarikat di bawah AS. Nota Amalan ini bertujuan untuk memperbetulkan tanggapan bahawa terdapat keperluan modal minimum sejumlah RM2 yang perlu dibayar apabila memperbadankan sebuah syarikat sebagaimana yang dilaporkan dalam Laporan *Doing Business 2013* oleh Bank Dunia. Tanggapan ini mungkin timbul akibat daripada maklum balas daripada responden-reponden bahawa sekurang-kurangnya minimum dua (2) saham perlu dibeli dan syer tersebut dari segi amalan biasanya mempunyai nilai nominal sejumlah RM1 setiap satu.

Tanggapan salah berhubung keperluan modal berbayar minimum ini, setakat mana berkaitan dengan menjalankan perniagaan, telah menyebabkan Malaysia dilihat sebagai kurang berdaya saing berbanding dengan negara lain yang mempunyai kerangka perundangan sama tetapi mengguna pakai amalan berbeza berkaitan belian syer minimum semasa pemerbadanan syarikat.



4. LAPORAN PENGLIBATAN DAN KERJASAMA PIHAK BERKEPENTINGAN

Mewujudkan persekitaran perniagaan yang responsif dan kawal selia yang dipercayai melalui hubungan rapat bersama pihak-pihak berkepentingan adalah sebahagian daripada pendekatan holistik SSM untuk meningkatkan daya saing negara. Untuk mendapat perspektif lebih mendalam tentang bagaimana dasar-dasar dan proses operasi boleh terus disatukan dan dipertingkatkan, SSM meneruskan penganjuran sesi dialog dan perbincangan dengan komuniti perniagaan dan juga badan-badan profesional.

FORUM RUNDINGAN AMALAN KORPORAT

Forum Rundingan Amalan Korporat (CPCF) telah diperkenalkan pada tahun 2005, bertujuan untuk menggalakkan kerjasama yang lebih erat di antara SSM, ahli-ahli badan yang ditetapkan dan persatuan-persatuan setiausaha syarikat. Keahlian CPCF terdiri daripada:

- (a) The Malaysian Institute of Chartered Secretaries and Administrators (MAICSA);
- (b) Malaysian Institute of Accountants (MIA);
- (c) The Malaysian Institute of Certified Public Accountants (MICPA);
- (d) Badan Peguam Malaysia;
- (e) Malaysian Association of Company Secretaries (MACS);
- (f) Institute of Approved Company Secretaries (IACS);
- (g) Malaysia Corporate Counsel Association (MCCA);
- (h) The Advocates Association of Sarawak;
- (i) Sabah Law Association; dan
- (j) Syarikat-syarikat berkaitan kerajaan (GLCs) [diwakili oleh Khazanah Nasional Berhad dan Bumiputera Commerce Holdings Berhad].

Pada tahun 2012, SSM telah menganjurkan dua (2) forum CPCF iaitu pada 5 April dan 4 Oktober 2012. Selain taklimat mengenai produk baharu, polisi dan projek-projek SSM seperti MyCoID, pelaksanaan

Akta PLT 2012 dan Agenda Tanggungjawab Korporat SSM, peserta juga didedahkan dengan pelbagai isu-isu yang berkaitan dengan tadbir urus korporat.

Di samping itu, para peserta turut diberi penerangan mengenai Rang Undang-undang Syarikat baharu yang dijangka akan diperkenalkan pada tahun 2014.

SESI DIALOG TAHUNAN SSM

Dialog Tahunan SSM telah mula diperkenalkan sejak tahun 2005 sebagai satu saluran perbincangan secara terbuka di antara SSM dan pihak-pihak berkepentingan. Objektif-objektif utama Majlis Dialog Tahunan adalah:

- Untuk menggalakkan persefahaman dan kerjasama di antara SSM, pihak industri dan badan-badan profesional;
- Untuk berkongsi idea-idea dan memperjelaskan isu-isu berkaitan operasi yang akan mempertingkatkan kecekapan perkhidmatan SSM; dan
- Untuk menyebarkan maklumat kepada ahli-ahli dialog ke arah memastikan fungsi-fungsi SSM sebagai badan kawal selia korporat yang mentadbir undang-undang yang berkaitannya.

Dialog Tahunan SSM 2012 telah diadakan pada 3, 4 dan 13 Disember 2012 masing-masing di Kuching, Sarawak; Kota Kinabalu, Sabah dan Kuala Lumpur. Ia telah dihadiri oleh ahli-ahli badan profesional, Dewan-Dewan Perniagaan, Persatuan-persatuan Industri dan Agensi-Agensi Kerajaan.

Sesi pertama Dialog Tahunan mengandungi empat (4) kertas pembentangan yang bertajuk *“Initiatives Towards Improving Indicators in The Doing Business Report: Starting a Business”*; *“MyCoID Reliability & Benefits”*; *“Key Initiatives by SSM Training Academy For 2013”* dan *“SSM’s Enforcement Updates”*.

Sesi Kedua Dialog Tahunan pula membincangkan pelbagai isu yang dikemukakan pihak berkepentingan menerusi perbincangan yang diterajui oleh SSM dan pihak-pihak berkepentingan. Segala isu dan maklum balas yang diterima akan diberi pertimbangan dalam mempertingkatkan mutu perkhidmatan kepada pihak berkepentingan.

BUSINESS ENGAGEMENT CHAPTER (BEC) BERSAMA PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA (PKS)

Pada 20 November 2012, SSM telah menganjurkan forum buat kali kedua bersama PKS yang dikenali sebagai *Business Engagement Chapter (BEC)*, dimana ia telah dilancarkan sejak tahun 2011.

BEC lebih tertumpu kepada tiga (3) topik utama iaitu:

- (a) Ringkasan kandungan Rang Undang-undang Syarikat;
- (b) Isu-isu lazim ketidakpatuhan syarikat dan pegawai-pegawai syarikat; dan
- (c) Ringkasan kandungan modul latihan Akademi Latihan SSM untuk tahun 2013.

FORUM PENDAFTAR KORPORAT (CRF) 2012

SSM telah menyertai Forum Pendaftar Korporat (CRF) 2012 yang telah diadakan di New Delhi, India dan dianjurkan oleh Kementerian Hal Ehwal Korporat, India. Tema forum untuk kali ini adalah *“Control to Self Regulation: Sharing Knowledge – Sharing Best Practices”* yang bertujuan untuk meneroka bagaimana perkongsian pengetahuan dan amalan terbaik di kalangan pelbagai pihak dapat

memberikan perkhidmatan yang lebih baik melalui *‘self-regulation’*. SSM turut membentangkan empat (4) kertas kerja semasa forum tersebut yang bertajuk:

- *“SSM’s Corporate Law Reform Programme: Revolutionising Doing Business In Malaysia”*;
- *“Global Business Scenario And Impact On Corporates: Global Trends - Challenges & Opportunities”*;
- *Corporate Actions & Regulatory Mechanism: Managing Service Delivery & Enforcement: Achieving Synchrony”*; dan
- *“Corporate Governance & Corporate Social Responsibility, Repositioning Corporate Governance and Corporate Social Responsibility in the 21st Century Corporate Environment: The SSM Approach”*.

PENYERTAAN DALAM KAJI SELIDIK DARIPADA ORGANISASI ANTARABANGSA

Pada tahun 2012, SSM turut aktif mengambil bahagian dalam kaji selidik yang dijalankan oleh Bank Dunia mengenai perkara-perkara berkaitan dengan Laporan *Ease of Doing Business 2013* khususnya kepada petunjuk berikut:

- (a) Memulakan Perniagaan;
- (b) Penyelesaian Insolvensi; dan
- (c) Pelindungan Pelabur.

SSM juga memberikan input kepada *“Global Forum on Transparency and Exchange of Information for Tax Purposes Peer Review and Investment Policy Peer Review”* oleh *Organisation for Economic Co-Operation and Development (OECD)*, *“2012 APEC Economic Policy Report on Progress on the Ease of Doing Business Action Plan”*, Kaji Selidik Bank Dunia dalam *“Company Registry and Collateral Registries”*, dan *“2012 Survey by the European Commerce Registers’ Forum (ECRF)”*. Penglibatan Malaysia dalam kajian dan soal selidik akan meningkatkan daya saing di peringkat antarabangsa serta menjadi pilihan destinasi pelaburan.



PEKELILING AMALAN PERNIAGAAN TERBAIK

Kerjasama Dengan Anggota Meja Bulat Integriti Korporat: Pekeliling Amalan Perniagaan Terbaik 3/2012 Bertajuk “Achieving Corporate Integrity”



BBPC 3/2012

Pekeliling Amalan Perniagaan Terbaik (BBPC) 3/2012 SSM bertajuk “Achieving Corporate Integrity” telah disempurnakan oleh YB Dato’ Sri Ismail Sabri Bin Yaakob, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan pada 27 Januari 2012 dalam menyokong aspirasi Kerajaan untuk memerangi rasuah.

Pekeliling Amalan Perniagaan Terbaik ini adalah hasil usaha bersama anggota-anggota Meja Bulat Integriti Korporat yang terdiri daripada:

- (a) Suruhanjaya Syarikat Malaysia;
- (b) Bursa Saham Malaysia Berhad;
- (c) Institut Integriti Malaysia;

- (d) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia;
- (e) Bahagian Pemantauan dan Penyelarasan NKRA Rasuah;
- (f) Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan NKRA (PEMANDU), Jabatan Perdana Menteri; dan
- (g) *Transparency International Malaysia*

BBPC kali ini merupakan kesinambungan daripada pengenalan Ikrar Integriti Korporat (CIP) yang diperkenalkan oleh PEMANDU pada Mac 2012. CIP merupakan dokumen yang membolehkan syarikat dan perniagaan di Malaysia membuat pengisytiharan *unilateral* untuk tidak terbabit dengan rasuah dan melaksanakan Prinsip Anti Rasuah. Bagi mewujudkan persekitaran perniagaan yang bebas daripada rasuah, pelaksanaan lima (5) Prinsip Pencegah Rasuah perlu digalakkan. Dengan menandatangani Ikrar tersebut, sesebuah syarikat dan perniagaan telah mengisytiharkan bahawa mereka akan mematuhi amalan perniagaan beretika dan memastikan bahawa pekerja-pekerja menjalankan tugas dengan penuh tanggungjawab.

Dalam mendukung integriti korporat, syarikat dan perniagaan, juga digalakkan untuk menjawab soalan-soalan Sistem Penilaian Integriti Korporat (CISQA) untuk menilai dan mengukur tahap integriti yang diamalkan dalam operasi harian syarikat tersebut. CISQA adalah mekanisme yang menilai 12 dimensi yang berkait rapat dengan integriti korporat dan menyediakan satu (1) rangka tindakan untuk penilaian risiko, bidang penambahbaikan dan petunjuk umum integriti korporat sesebuah syarikat. Ini akan membantu syarikat membuat penilaian dan pengukuran kemajuan mereka dalam menghasilkan komitmen yang formal dan telus kepada etika dan integriti di tempat kerja.

LAPORAN PENGLIBATAN DAN KERJASAMA PIHAK BERKEPENTINGAN

Seminar Bersiri Tanggungjawab Korporat SSM



Seminar Bersiri Tanggungjawab Korporat di Kota Kinabalu dan Johor Bahru

Seminar Bersiri Tanggungjawab Korporat merupakan seminar separuh hari yang bertujuan untuk mewujudkan kesedaran dan menggalakkan tanggungjawab korporat serta memberi inspirasi kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) untuk mengamalkan tadbir urus yang baik, yang merupakan asas kepada tanggungjawab korporat.

Topik-topik pembentangan merangkumi rangka kerja Agenda Tanggungjawab Korporat SSM serta memaklumkan bahawa SSM selaku pengawalselia syarikat dan perniagaan dapat memainkan peranan strategik dalam menyemai budaya tanggungjawab korporat di kalangan komuniti korporat.

Seminar pertama yang dilancarkan pada 29 November 2011 oleh YB Dato' Sri Ismail Sabri Bin Yaakob, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan di Menara SSM@ Sentral. Sejak itu, SSM telah berjaya menganjurkan dua (2) lagi seminar di Kota Kinabalu, Sabah dan Johor Bahru, Johor pada tahun 2012 bertemakan *"Business Beyond Profitability: Towards Business Sustainability"*.

CRSS, Kota Kinabalu, Sabah, telah dianjurkan pada 8 Mei 2012 di Shangri-La Tanjung Aru Resort & Spa kerana Resort tersebut mempunyai akreditasi ISO 14001 (Sistem Pengurusan Alam Sekitar), yang

merupakan piawai antarabangsa pengurusan alam sekitar, yang bertujuan untuk membantu organisasi mencapai matlamat alam sekitar.

Seminar ini mengandungi tiga (3) pembentangan yang seperti berikut:

- *"Corporate Responsibility as an Ingredient to National Economic Sustainability"* oleh Encik Azryain Borhan, Pengarah, Akademi Latihan Suruhanjaya Syarikat Malaysia;
- *"SSM's CR Initiatives and Other Updates"* oleh Puan Nor Azimah Abdul Aziz, Pengarah Bahagian Polisi dan Pembangunan Korporat; dan
- *"Sustainable Business Practices"* oleh Puan Tulip Noorazyze, Pengarah Peningkatan Kualiti & CSR Shangri-La Tanjung Aru Resort & Spa.

Selain itu, SSM menjemput Borneo Child Aid Society, sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) untuk berkongsi inisiatif membina sekolah-sekolah untuk anak-anak pekerja estet di Sabah dan Sarawak.

CRSS di Johor Bahru pula dianjurkan pada 2 Oktober 2012 di Hotel The Zon Regency by The Sea, yang dihadiri seramai 113 orang peserta yang mewakili agensi-agensi kerajaan, persatuan perdagangan, syarikat senarai awam, syarikat berkaitan kerajaan, setiausaha syarikat, pertubuhan undang-undang, syarikat serta perniagaan.

Seminar ini yang mengandungi empat (4) kertas pembentangan iaitu:


- *"The Evolution of Business Eco-System: Enter Corporate Responsibility"* oleh Encik Azryain Borhan, Pengarah, Akademi Latihan, Suruhanjaya Syarikat Malaysia;



- “SSM’s CR Initiatives and Other Updates” oleh Nor Azimah Abdul Aziz, Pengarah, Bahagian Polisi dan Pembangunan Korporat, Suruhanjaya Syarikat Malaysia;
- “Child Care in the Work Place: Why? And How?” oleh Profesor Datuk Dr Chiam Heng Keng, Presiden, The Early Childhood Care and Education (ECCE) Council; dan
- “Focus on Best Practices in Sustainability and the Success Story of Syarikat Faiza” oleh Mejar (B) Tuan Haji Abd Wahab, Pengurus Perhubungan Awam, Syarikat Faiza Sdn. Bhd.

AKTIVITI-AKTIVITI PROMOSI LAIN

Penglibatan Dengan UNICEF Malaysia: Pelancaran Hak Kanak-Kanak Dan Prinsip Perniagaan (CRBP) Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu



Hak Kanak-Kanak dan Prinsip Perniagaan (CRBP) telah diterbitkan oleh United Nations Global Compact (UNGC), Tabung Kanak-kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF) Malaysia dan *Save the Children*. CRBP merupakan garis panduan yang pertama dibangunkan secara komprehensif bertujuan untuk dijadikan panduan oleh syarikat dan pemilik perniagaan dalam menjalankan pelan tindakan operasi syarikat di tempat kerja, tempat jualan dan komuniti untuk menghargai serta menyokong hak kanak-kanak.

CRBP telah dilancarkan di 16 buah negara di seluruh dunia, dan Malaysia sebagai sebuah negara yang progresif, berada dalam kedudukan yang baik untuk mendapatkan sokongan daripada sebilangan besar perniagaan sektor swasta ke arah kehidupan yang lebih baik untuk kanak-kanak. Pelancaran CRBP ini meletakkan Malaysia sebagai negara yang pertama di Asia Tenggara yang memperkenalkan prinsip-prinsip ini kepada peneraju-peneraju perniagaan di negara ini.

Berhubung dengan pelancaran CRBP, SSM memberi sokongan kepada UNICEF Malaysia dan UNCG Malaysia sejajar sebagai pengawalselia korporat yang komited bagi memastikan sektor swasta, terutamanya Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) menjalankan perniagaan yang bertanggungjawab. Selain itu, sokongan yang diberikan oleh SSM sejajar dengan definisi tanggungjawab korporat (CR) yang memerlukan:

“Komitmen oleh syarikat dan perniagaan ke arah mencapai kelestarian perniagaan di dalam konteks sosial, ekonomi dan alam sekitar dalam mengejar keuntungan”.

SSM berusaha keras meningkatkan kesedaran mengenai tanggungjawab korporat supaya definisi dapat diterjemahkan kepada tindakan khusus di kalangan syarikat-syarikat swasta kecil dan sederhana khususnya kepada pengarah, setiausaha, pengurus dan pegawai-pegawai lain syarikat.

AMALAN PERSEKITARAN BERKUALITI 5S

Amalan persekitaran berkualiti (5S) merupakan satu pendekatan pengurusan yang dipelopori oleh industri di Jepun bagi mewujudkan persekitaran tempat kerja yang selesa, kemas dan selamat. Pelaksanaan Amalan 5S yang berkesan dapat meningkatkan kualiti

LAPORAN PENGLIBATAN DAN KERJASAMA PIHAK BERKEPENTINGAN

perkhidmatan, menjimatkan kos dan memudahkan proses kerja. Aktiviti amalan persekitaran berkualiti 5S telah dilaksanakan di Menara SSM@Sentral mulai Februari 2012 dan telah mendapat pengiktirafan dari Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) pada 27 November 2012. Rancangan masa hadapan amalan persekitaran 5S ini akan diperluaskan pelaksanaannya kepada semua pejabat negeri/cawangan menjelang tahun 2013.

LATIHAN DAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Unit Pembangunan Sumber Manusia dan Latihan (UPSM&L) di bawah Seksyen Pembangunan Organisasi bertanggungjawab untuk semua latihan dan pembangunan modal insan. Dalam konteks ini, latihan modal insan dibentuk, disusun dan dilaksanakan bagi membantu individu untuk mengukuh dan meningkatkan keyakinan diri serta bekerja dengan lebih berkesan. Ia juga melibatkan penambahan pengetahuan, kecekapan bekerja dan memupuk semangat cintakan SSM. Ia termasuk penyertaan dalam projek-projek yang dikenal pasti, menghadiri kursus atau seminar, pembelajaran formal serta penyertaan dalam program-program yang berkaitan.

Di antara aktiviti yang telah dianjurkan ialah Kursus Pra-Persaraan. Kursus ini bertujuan untuk memberi garis panduan kepada peserta dalam membuat perancangan dan persiapan menghadapi fasa bersara. Kursus ini turut memberi pengetahuan mengenai dokumentasi dan prosedur yang perlu disediakan, memberi pendedahan serta panduan tentang persediaan dari pelbagai aspek ilmu seperti pengurusan kewangan, hartanah, wasiat, pengendalian perniagaan, kesihatan, emosi dan kerohanian kepada bakal pesara.

Pada tahun 2012, warga SSM yang menunjukkan prestasi kurang memuaskan. *'Kursus Kepimpinan dan Kecemerlangan Diri'* dianjurkan khusus untuk membantu mereka mengenal pasti kekuatan dan kelemahan, di samping itu prestasi mereka dipertingkatkan. Mereka juga dipantau dengan rapi bagi membolehkan tindakan pembetulan dapat dilaksanakan. Para peserta kursus ini terdiri daripada pelbagai gred dan bahagian, dari ibu pejabat dan pejabat negeri SSM.

Dalam menyahut seruan Ketua Pegawai Eksekutif bagi memenuhi sasaran Visi, Teras Strategik SSM serta penekanan nilai-nilai korporat SSM yang tinggi, program *'Pemantapan Nilai-Nilai Korporat SSM'* telah dianjurkan melibatkan semua warga kerja di pejabat negeri.

Manakala di Ibu pejabat, program *'SSM Personal Development Programme'* telah dianjurkan untuk warga kerja kumpulan sokongan (G45–G49) dan *'Pengurusan Pembangunan Eksekutif'* pula bagi warga kerja kumpulan eksekutif (G50–G51).

Satu program *'Building High Performance Team'* yang melibatkan penglibatan warga kerja kumpulan pengurusan tertinggi (G58–G60) serta kumpulan pengurusan pertengahan (G54–G57) telah dijalankan untuk mengukuhkan pengurusan organisasi dan mendedahkan mereka kepada perkhidmatan profesional yang baik.



INISIATIF *OUTREACH* DAN PROMOSI SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA PADA TAHUN 2012

Pada tahun 2012 Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) telah menjalankan pelbagai promosi, aktiviti-aktiviti kesedaran dan *outreach* untuk memasarkan produk dan perkhidmatan.

PROGRAM KESEDARAN

A. Program SSM Bersama Rakyat

Dalam usaha untuk mendekati komuniti perniagaan pada tahun 2012, SSM telah melaksanakan program-program pendidikan dan kesedaran di beberapa kawasan terpilih di negeri Johor dan Pahang. Program-program ini bertujuan:

- (a) Sebagai platform untuk mempromosikan fungsi, peranan, perkhidmatan dan produk SSM;
- (b) Memberi imej yang baik untuk SSM sekali gus meningkatkan penjenamaan SSM;
- (c) SSM akan dilihat sebagai sebuah badan korporat yang prihatin terhadap masyarakat awam dengan aktiviti turun padang bagi memudahkan urusan pendaftaran perniagaan dan pemerbadanan syarikat;
- (d) Memberi kesedaran kepada masyarakat untuk memahami Skim Kepentingan SSM khususnya bagi mengelakkan penipuan skim pelaburan haram; dan
- (e) Meningkatkan kadar pematuhan melalui taklimat yang diberikan berkaitan Akta Syarikat 1965, peranan dan tanggungjawab Pengarah Syarikat.

Senarai program SSM Bersama Rakyat yang telah dijalankan sepanjang tahun 2012:

1. Karnival SSM Bersama Rakyat di Pagoh, Johor

SSM telah menganjurkan Karnival SSM Bersama Rakyat di Pagoh, Johor pada 3 Mac 2012 dan telah dirasmikan oleh YAB Tan Sri Dato' Hj Muhyiddin Hj Mohd Yassin, Timbalan Perdana Menteri Malaysia (TPM). Penganjuran karnival ini juga adalah bersempena sambutan ulang tahun SSM yang ke-10 pada tahun ini. Seramai lebih 5,000 pengunjung telah hadir yang terdiri daripada pelbagai latar belakang masyarakat turut memeriahkan program berkenaan. Program yang berlangsung dari pukul 8 pagi sehingga 5 petang selama satu hari ini telah menyelitkan pelbagai aktiviti seperti taklimat, pameran, sukaneka, pertandingan mewarna dan bercerita, kuiz, cabutan bertuah, dan persembahan artis tempatan.

Program ini telah mendapat sokongan pelbagai pihak seperti pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) dan agensi di bawahnya seperti Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO), Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat), Perbadanan Nasional Berhad (PNS) dan Maktab Koperasi Malaysia (MKM). Selain itu agensi lain seperti BSN, CELCOM, TEKUN, MARA dan lain-lain agensi yang berkaitan turut dijemput untuk menyertai pameran dan memberi penerangan berhubung produk dan perkhidmatan mereka.

LAPORAN PENGLIBATAN DAN KERJASAMA PIHAK BERKEPENTINGAN

Para pengunjung turut berpeluang mendaftarkan perniagaan baharu ataupun memperbaharui sijil pendaftaran perniagaan dan melakukan perubahan butir-butir perniagaan secara serta merta melalui kaunter bergerak SSM yang disediakan.

2. Program SSM Bersama Rakyat di Bera, Pahang

SSM turut mengadakan program yang sama di Kampung Tradisional yang terletak di Kampung Batu Papan, Bera, Pahang pada 16 Jun 2012. dan Program ini telah dirasmikan oleh YB Dato' Sri Ismail Sabri Bin Yaakob, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) dengan seramai lebih 2,000 pengunjung.

3. Majlis Ramah Mesra Bersama Warga Penjaja Dan Peniaga Kecil Serta Masyarakat Setempat di Bera, Pahang

Program ini adalah susulan kepada pengumuman YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia pada 27 Mei 2012 di Majlis Ramah Mesra Bersama Penjaja dan Peniaga Kecil, berhubung hal ehwal golongan penjaja dan peniaga kecil yang diletakkan di bawah bidang kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan (KPDNKK). Perkara ini secara tidak langsung melibatkan SSM, yang merupakan agensi di bawah KPDNKK yang bertanggungjawab ke atas urusan pendaftaran perniagaan dan hal-hal perundangan. SSM telah menganjurkan program untuk memberi pendedahan usahawan mikro dengan maklumat berhubung pendaftaran perniagaan, faedah dan bagaimana ia boleh dijalankan.

Berlangsung di Tapak Ekspo Majlis Daerah Bera (Bazar Ramadhan), Pahang pada 4 Ogos 2012. Majlis yang berlangsung selama dua jam setengah bermula 4.00 petang telah dirasmikan

oleh YB Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (PDNKK). Melalui program tersebut, Menteri PDNKK berpeluang beramah mesra dengan golongan penjaja dan peniaga kecil untuk menyelami serta memahami masalah yang dihadapi oleh golongan berkenaan di situ.

Memandangkan PKS adalah salah satu penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia, SSM merancang untuk mengadakan lebih banyak program tertumpu pada PKS bagi menangani masalah dan kepayahan mereka. SSM berminat untuk menyokong pembangunan lebih banyak PKS di negara ini.

4. Program Jalinan Kasih-Kesedaran Keusahawanan Bersama OKU

SSM dalam mencapai objektifnya untuk membangun dan memupuk masyarakat penyayang, terutamanya kebajikan orang kelainan upaya (OKU) dan menggalakkan mereka untuk meningkatkan taraf hidup mereka dengan pelbagai sumber pendapatan. Bagi tujuan ini, SSM telah mengadakan Program Jalinan Kasih-Kesedaran Keusahawanan Bersama OKU pada 23 Oktober 2012 yang menawarkan peluang kepada OKU untuk mendaftarkan perniagaan mereka serta mempromosi, menjual produk dan perkhidmatan mereka di gerai-gerai pameran yang disediakan. Selain itu, sebagai sebahagian daripada program kesedaran yang berterusan, SSM turut memberi penerangan kepada para peserta mengenai risiko melabur dalam skim pelaburan tidak sah.

Program ini juga menyaksikan usahawan OKU yang berjaya dijemput untuk berkongsi pengalaman kejayaan mereka serta menggalakkan OKU lain yang hadir untuk menceburi bidang perniagaan dan meningkatkan taraf hidup serta sumber pendapatan mereka.



B. Jalinan Hubungan Dengan Pihak-Pihak Berkepentingan

Dalam usaha untuk memastikan perkhidmatan yang berterusan dan terbaik kepada orang ramai, SSM terus mengukuhkan kerjasama pihak-pihak berkepentingan. Kerjasama strategik dan mengekalkan hubungan baik dengan media massa, terutamanya bahan berita dalam media cetak dan elektronik memainkan peranan penting dalam mengekalkan imej positif SSM. Inisiatif kepada pihak berkepentingan yang dijalankan oleh SSM pada tahun 2012 seperti perenggan berikut:

1. Penglibatan Media Dan Pengiklanan

Pada tahun 2012 menyaksikan peningkatan dalam bilangan penampilan di media elektronik dan cetak terutamanya dalam penerbitan iklan-iklan korporat radio dan televisyen serta sesi temu ramah bersama pihak pengurusan SSM. Beberapa penampilan di media telah diatur antaranya menerusi:

- (a) rangkaian radio seperti Bernama Radio 24, Sinar FM, Klasik Nasional;
- (b) rangkaian televisyen seperti RTM1, TV3, Bernama TV, NTV7, TV9, Astro Awani, 1Malaysia IPTV; dan
- (c) ruangan akhbar Utusan Malaysia, Sinar Harian, Harian Metro, Kosmo, Sin Chew Daily dan sebagainya.

Sepanjang tahun ini sebanyak 458 (akhbar), serta pelbagai program/iklan di Radio (212) dan TV (224) liputan dijalankan bagi mengupas isu-isu semasa seperti Skim Pelaburan, Skim Kutu serta promosi inisiatif seperti MyCoID dan program-program anjuran SSM. Selain itu, beberapa kenyataan media dan temu ramah juga telah diatur bagi menyebarkan maklumat-maklumat penting untuk meningkatkan kesedaran umum terhadap peranan, produk dan perkhidmatan SSM.

2. Majlis Malam SSM Bersama Media 2012

Bagi menghargai pihak media di atas sokongan yang berterusan buat pertama kalinya SSM telah menganjurkan Majlis Malam SSM Bersama Media. Program ini telah diadakan pada 6 Jun 2012 di Hotel Le Meridien, Kuala Lumpur. Objektif program ini diadakan untuk memperkenalkan pengurusan atasan SSM kepada pihak media di samping berkenalan dengan ketua-ketua editor media. Seramai 500 tetamu terdiri daripada wakil-wakil pihak media cetak dan media elektronik telah menghadiri majlis ini.

3. Kunjungan Hormat

Sepanjang tahun ini, SSM menerima beberapa kunjungan hormat daripada delegasi dalam dan luar negara serta lawatan sambil belajar daripada para pelajar universiti tempatan. Siri lawatan tersebut secara kebiasaannya memberi fokus kepada pengenalan fungsi SSM secara keseluruhan, produk dan perkhidmatan SSM terutamanya e-perkhidmatan serta inisiatif-inisiatif lain yang sedang dijalankan serta yang berada dalam perancangan untuk meningkatkan penyampaian perkhidmatan awam.

Sepanjang tahun 2012, SSM telah menerima lawatan daripada pendaftar-pendaftar syarikat dari negara-negara luar. SSM telah menerima kunjungan wakil-wakil dari Capital Markets Authority (CMA) Kenya, Securities and Exchange Commission of Pakistan (SECP), Companies and Intellectual Properties Commission of South Africa (CIPC) dan dari Timor-Leste Misi 'SERVE' yang terdiri daripada wakil-wakil daripada Kerajaan Timor Leste dan International Financial Centre (IFC). Tujuan lawatan-lawatan tersebut tertumpu kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan sistem pendaftaran bagi syarikat, perkhidmatan dalam talian, isu-isu penguatkuasaan, kerjasama antara pendaftaran dan latihan. Pada masa yang sama, SSM juga mengambil peluang untuk mendapatkan gambaran yang lebih mendalam ke atas isu-isu yang berkaitan dengan pendaftaran, penguatkuasaan dan teknologi maklumat di negara-negara tersebut.

LAPORAN PENGLIBATAN DAN KERJASAMA PIHAK BERKEPENTINGAN

KUNJUNGAN HORMAT DAN LAWATAN SAMBIL BELAJAR KE SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA 2012

NO.	PROGRAM/ATURCARA	TARIKH
1.	Bahagian Sokongan Keluarga (BSK), Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM)	12 Januari 2012
2.	Unit Perancang, Komunikasi Korporat dan Perniagaan, Cyberview Sdn. Bhd.	13 Januari 2012
3.	Universitas Sriwijaya, Palembang, Indonesia	31 Januari 2012
4.	Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia (PKPMP)	17 Februari 2012
5.	Jabatan Perangkaan Malaysia (DOS)	20 Februari 2012
6.	The Malaysian Institute of Chartered Secretaries and Administrators (MAICSA)	20 Februari 2012
7.	Maktab Koperasi Malaysia (MKM)	27 Februari 2012
8.	Gagasan Badan Ekonomi Melayu (GABEM)	6 Mac 2012
9.	Kolej Teknologi Antarabangsa Cybernetics	9 Mac 2012
10.	Maktab Polis DiRaja Malaysia (MPDRM)	9 Mac 2012
11.	Sekolah Menengah Kebangsaan Munsyi Abdullah, Melaka	19 Mac 2012
12.	Petugas Kaunter KPDNKK	22 Mac 2012
13.	Universiti Erasmus, Rotterdam, Eropah	5 April 2012
14.	Unit Tugas-tugas Khas GST, Kastam Diraja Malaysia	17 April 2012
15.	UiTM Perak	20 April 2012
16.	Kolej PTPL Sentral	4 Mei 2012
17.	Management and Science University (MSU)	4 Mei 2012
18.	Kolej Universiti Taylor	17 Mei 2012
19.	UiTM Shah Alam	17 Mei 2012
20.	UPM Serdang	21 Mei 2012
21.	UiTM Johor	8 Jun 2012
22.	<i>Capital Markets Authority (CMA) of Kenya</i>	27 Jun 2012
23.	Kolej Antarabangsa Geomatika	10 Julai 2012
24.	<i>Timor-Leste Serve Mission</i>	11-13 Julai 2012
25.	Mesyuarat Bersama MIDA - Lawatan Delegasi Dari Belgium	12 Julai 2012
26.	<i>Securities and Exchange Commission of Pakistan</i>	3-5 September 2012
27.	Kolej Teknologi Antarabangsa Cybernetics	12 September 2012
28.	Kolej Antarabangsa KFCH	12 September 2012
29.	Petugas Kaunter KPDNKK	12 Oktober 2012
30.	UiTM Shah Alam	6 November 2012
31.	UniSZA Terengganu	7 Disember 2012



4. Pameran Dan Sesi Ekspo

Pada tahun 2012, SSM telah menyertai pelbagai program pameran dan ekspo yang telah dianjurkan di dalam negara. Penyertaan ekspo di luar negara adalah di atas undangan daripada Bahagian Pembangunan Francais, KPDNKK menerusi pelbagai francais antarabangsa yang telah disertai. Ekspo ini bukan sahaja menjadi platform kepada syarikat francais dari seluruh dunia untuk mempromosikan sistem dan

konsep francais, malahan sebagai peluang kepada pelabur untuk mengenal pasti peluang perniagaan baharu. Oleh itu, penyertaan SSM adalah penting untuk memudahkan pertanyaan berhubung cara-cara membuka perniagaan di Malaysia.

SSM juga turut mengambil bahagian dalam pelbagai pameran dan ekspo di seluruh Malaysia sepanjang tahun 2012, seperti berikut:

PAMERAN DAN EKSPLO YANG DISERTAI OLEH SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA 2012

NO.	EKSPLO DAN PAMERAN	TARIKH
1.	Pameran Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Gopeng	16-19 Februari 2012
2.	Pameran Karnival SSM Bersama Rakyat di Pagoh, Johor	3 Mac 2012
3.	Pameran sempena Memorandum Persefahaman (MoU) SSM dan UIA	20 Mac 2012
4.	Pameran Program Kemasyarakatan Koperasi Bersama GLC anjuran SKM	24-25 Mac 2012
5.	Pameran Minggu Saham Amanah Malaysia 2012	20-28 April 2012
6.	Pameran Hari Harta Intelek Negara 2012	27-28 April 2012
7.	Pameran RTC Kota Bharu	3-5 Mei 2012
8.	Pameran Karnival Kerjaya BN Youth Job Fair 2012	11-13 Mei 2012
9.	Pameran <i>Programme 14th China Franchise Convention & Exhibition (CFCE) 2012</i> , Beijing, China	11-13 Mei 2012
10.	Pameran TM BIZ Fest 2012	18-19 Mei 2012
11.	Pameran Program Hari Belia Negara 2012	23-27 Mei 2012
12.	Pameran Majlis Pelancaran Sistem Dalam Talian Francais (MYFEX)	29 Mei 2012
13.	Pameran di Pusat Transformasi Bandar (UTC) Melaka	1 Jun 2012
14.	Pameran Ekspo Perniagaan Malaysia-Indonesia (MIBEX) 2012, Jakarta, Indonesia	1-3 Jun 2012
15.	Pameran sempena Sambutan Bulan Pengguna Kebangsaan 2012	1-3 Jun 2012
16.	Pameran Ekspo Beli Barangan Buatan Malaysia	6-10 Jun 2012
17.	Pameran <i>SSM National Conference 2012</i>	12-13 Jun 2012
18.	Pameran Program SSM Bersama Rakyat di Bera, Pahang	16 Jun 2012
19.	Pameran SMIDEX 2012	20-22 Jun 2012
20.	Pameran sempena Pelancaran Pusat Transformasi Bandar (UTC) Melaka	23 Jun 2012
21.	Pameran <i>Franchise International Malaysia (FIM) 2012</i>	6-8 Julai 2012
22.	Pameran Hari Koperasi Negara 2012	13-15 Julai 2012
23.	Pameran sempena Majlis Ramah Mesra Bersama Penjaja dan Peniaga Kecil di Bera, Pahang	4 Ogos 2012
24.	Pameran Program Pembangunan Sosio Ekonomi Untuk Veteran Tak Berpencen	13 September 2012
25.	Pameran Majlis Pelancaran Pertubuhan Seni Silat Pusaka Gayong Malaysia di Institut Pendidikan Guru Kampus BM	15 September 2012
26.	Pameran <i>Shanghai International Franchise Exhibition (SIFE) 2012</i> , Shanghai, China	15-17 September 2012
27.	Pameran <i>Info Franchise & Business Concept Expo 2012</i> , Medan, Indonesia	21-23 September 2012


LAPORAN PENGLIBATAN DAN KERJASAMA PIHAK BERKEPENTINGAN


NO.	EKSPO DAN PAMERAN	TARIKH
28.	Pameran Seminar <i>2012 Tuanku Ja'afar Law Conference and Workshop on Academic Entrepreneur and University Start-ups</i> di FUU UKM	2-3 Oktober 2012
29.	Pameran sempena seminar kerjaya dan keusahawanan JCorp (UniKL-BMI)	4-5 Oktober 2012
30.	Pameran Fiesta Bera 2012	5-7 Oktober 2012
31.	Pameran <i>Showcase Malaysia-Pune 2012</i> , Pune, India	10-12 Oktober 2012
32.	Pameran Program <i>Explore Hunt</i> Kepenggunaan Media dan Artis	14 Oktober 2012
33.	Pameran & Kaunter Bergerak sempena Program Penjaja 1Malaysia	14 Oktober 2012
34.	Pameran Ekspo Beli Barang Buatan Malaysia Zon Selatan	20 Oktober 2012
35.	Pameran Program 1 Malaysia <i>Unified Sale</i>	20-21 Oktober 2012
36.	Pameran Bio Malaysia 2012	5-7 November 2012
37.	Pameran <i>5th World Halal Expo (WHE) 2012</i> , Dubai, Emiriyah Arab Bersatu (UAE)	11-14 November 2012
38.	Pameran Konvensyen Penjaja dan Peniaga Kecil Nasional 2012 KPDNKK di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya	18 November 2012
39.	Pameran MAHA 2012	23 Nov-2 Dis 2012
40.	Pameran Program <i>1 Home 1 Indian Entrepreneur</i> di Pearl International Hotel	24 November 2012
41.	Pameran bersempena <i>International Trade Malaysia (INTRADE)</i> di MATRADE MECC KL	27-29 November 2012
42.	Pameran <i>World SME Expo (WSE) 2012</i> , Hong Kong	5-10 Disember 2012
43.	Pameran Satu Daerah Satu Industri (SDSI) di MITC Melaka	7-9 Disember 2012
44.	Pameran sempena Seminar Industri Pembersihan Malaysia 2012	12 Disember 2012
45.	Pameran sempena Sambutan Hari Inovasi KPDNKK 2012	13-14 Disember 2012
46.	Pameran sempena Majlis Pelancaran Inisiatif di bawah <i>1Malaysia Veteran Recognition Programme (1MVRP)</i> - Strategi Lautan Biru Nasional (NBOS7) di SMK Clifford, Kuala Kangsar, Perak	15-16 Disember 2012

PROGRAM-PROGRAM OUTREACH DI PEJABAT-PEJABAT NEGERI

Pejabat-pejabat SSM negeri di seluruh Malaysia juga turut memainkan peranan yang sama pentingnya seperti di Ibu pejabat. Pejabat-pejabat negeri juga bertanggungjawab untuk menggalakkan komuniti peniaga mengenai keperluan mendaftarkan perniagaan mereka di samping memberi kesedaran kepada pengarah-pengarah, setiausaha dan pemegang saham syarikat akan tanggungjawab mereka dalam menjalankan tugas di samping keperluan mematuhi peruntukkan akta yang berkaitan. Di samping itu, golongan peniaga juga

akan dimaklumkan mengenai pelbagai inisiatif yang ditawarkan oleh SSM. Hubungan baik yang dijalinan dengan kerajaan-kerajaan tempatan, persatuan-persatuan peniaga dan agensi penguatkuasaan lain telah memberi peluang kepada SSM untuk menjelaskan kepada orang awam mengenai tugas dan fungsi SSM. Pendekatan ini juga akan membantu SSM dalam meningkatkan kefahaman mengenai pendaftaran perniagaan, keperluan akta yang ditadbir oleh SSM, perkhidmatan yang disediakan oleh SSM serta hak-hak peniaga telah membantu dalam meningkatkan kadar pematuhan akta yang ditadbir SSM.





PENYATAAN KAWALAN DALAMAN



PENYATAAN KAWALAN DALAMAN

PENGENALAN

SSM merupakan badan selia korporat yang diberi peranan khas sebagai pengawalselia fungsi pendaftaran. Bagi memastikan ia terus menjadi salah satu badan selia korporat yang efektif, tahap tadbir urus korporat yang tinggi bersama-sama dengan amalan terbaik tadbir urus korporat perlu diguna pakai. Sistem kawalan dalaman yang mantap merupakan komponen penting yang perlu dititikberatkan bagi memastikan visi dan misi SSM tercapai melalui penggalakan budaya telus dan akauntabiliti.

Berdasarkan keadaan semasa kewangan dan kegawatan ekonomi pada masa kini, SSM sebagai salah sebuah agensi di bawah kerajaan mempunyai peranan penting mempamerkan contoh terbaik, supaya sumber yang telah dipertanggungjawabkan dan kuasa yang diamanahkan dapat diurus, dikawal dan dilaksanakan dengan baik.

SSM berpendapat bahawa untuk melaksanakan prinsip-prinsip tadbir urus korporat yang baik ia perlu melalui amalan dan komitmen yang berterusan.

TANGGUNGJAWAB BAGI PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

Anggota Suruhanjaya SSM bertanggungjawab dalam memastikan persekitaran terbaik dan kondusif di dalam organisasi bagi memastikan misi, matlamat dan objektif SSM tercapai. Sistem kawalan pengurusan risiko dalaman telah dibangunkan oleh pihak pengurusan dengan kerjasama pemilik proses dari pelbagai bahagian di dalam organisasi. Setiap bahagian tersebut telah membangunkan pelbagai polisi dan prosedur berserta kawalan dalaman yang relevan dengan proses kerja bagi menangani risiko-risiko yang berkaitan.

Pihak pengurusan yang mempunyai akauntabiliti terhadap Anggota Suruhanjaya bertanggungjawab mewujudkan sistem kawalan dalaman yang efektif seterusnya menjadi asas serta mekanisme kawalan dan semakan yang kukuh di dalam organisasi bagi melindungi kepentingan SSM dan pihak-pihak berkepentingan yang lain. Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko (JAPRS) bertanggungjawab menyemak penyata kewangan tahunan Suruhanjaya serta menyatakan pendapat ke atas kawalan dalaman sedia ada melalui aktiviti-aktiviti pengauditan yang dijalankan dimana ianya telah dinyatakan dengan jelas di dalam piagam JAPRS.

PENGURUSAN RISIKO

Pengurusan risiko adalah satu proses pencegahan melalui pemerhatian dan laporan dimana kaedah ini dapat mencegah sesuatu peristiwa yang tidak diingini dari berlaku atau kesannya dapat dikurangkan ke tahap yang paling minima. Kami berkeyakinan bahawa risiko sememangnya tidak boleh dihapuskan sama sekali tetapi ia boleh diuruskan. Antara pendekatan pengurusan risiko yang diaplikasikan adalah seperti penyeliaan berasaskan risiko, penguatkuasaan strategik, kajian ke atas undang-undang produk serta membangunkan pelan pemulihan bencana teknologi maklumat. Objektif-objektif bagi pengurusan risiko adalah seperti berikut:

- Mengenal pasti dan mengurus risiko SSM dalam semua aspek secara berterusan;
- Kesedaran dalam pengurusan risiko dapat mempertingkatkan proses pembuatan keputusan oleh Anggota Suruhanjaya dan pihak pengurusan;
- Penglibatan audit dalam setiap proses penilaian dan keputusan tender dapat menggalakkan ketelusan serta tadbir urus korporat yang baik;

- Memudahkan perkongsian maklumat dan penyelarasan kerja, dapat meningkatkan kecekapan penggunaan sumber dan mengelakkan pertindihan kerja; dan
- Menyediakan kaedah penilaian risiko yang bersesuaian serta menilai sama ada isu-isu yang dibangkitkan boleh diterima atau perlu ditolak.

Melalui proses perancangan audit dan risiko tahunan, Seksyen Audit Dalam sentiasa memastikan objektif audit, strategi serta program yang dirancang selari dengan risiko-risiko yang berkaitan dengan persekitaran SSM; mengambil kira tanggungjawab SSM terhadap sektor korporat dan perniagaan; dan isu-isu berkaitan sumber dan operasi SSM sebagai badan penguatkuasaan dan pendaftaran. Selain itu, kami juga menilai kecekapan proses kerja, manual prosedur kerja, sistem kawalan dalaman organisasi (sistem dan operasi) serta amalan tadbir urus dalam menangani risiko ke tahap paling minimum bagi mencapai matlamat, objektif dan misi SSM.

Pendekatan menangani risiko dilaksanakan dengan mengambil kira keseluruhan aspek berkaitan di mana setiap Bahagian, sebagai pemilik proses, perlu mengenal pasti dan menilai risiko yang boleh mempengaruhi organisasi selaras dengan peranan SSM selaku badan kawal selia bebas persekutuan yang mempunyai kuasa autonomi mentadbir dan menguatkuasakan undang-undang syarikat dan perniagaan serta sebagai pemegang amanah dokumen berkanun syarikat. Ini dapat dicapai melalui pembangunan profil risiko keseluruhan organisasi yang disediakan oleh Unit Pengurusan Risiko (UPR). Proses ini sentiasa dipantau oleh pihak pengurusan dengan bantuan UPR. Seksyen Audit Dalam juga akan mengambil kira risiko-risiko tersebut dalam kerja-kerja pengauditan yang dijalankan serta ketika membuat perancangan audit. Sekiranya terdapat penemuan risiko baru semasa pengauditan dijalankan, ia akan dimaklumkan bagi mengemas kini profil risiko sedia ada serta memastikan langkah-langkah pencegahan diambil bagi mengurangkan risiko.

AUDIT DALAMAN

Anggota Suruhanjaya telah membentuk sebuah jawatankuasa pengawasan iaitu JAPRS yang berperanan mengkaji semula dan menilai kecukupan dan integriti kawalan dalaman dan fungsi pengurusan risiko di SSM. Anggota Suruhanjaya akan memilih di kalangan ahli JAPRS untuk dilantik sebagai pengerusi dan JAPRS berperanan memantau aktiviti-aktiviti audit dalam dan fungsi pengurusan risiko SSM.

Bagi memastikan sistem kawalan dalaman beroperasi sebagaimana yang disasarkan, proses pengauditan yang dilaksanakan oleh Seksyen Audit Dalam adalah bebas daripada pengaruh dan kawalan pihak pengurusan serta operasi, seterusnya memastikan tahap dan integriti sistem kawalan dalaman terjamin. Bagi memelihara kebebasan dan objektif pengauditan, Ketua Seksyen Audit Dalam akan melaporkan secara pentadbiran sahaja kepada Ketua Pegawai Eksekutif manakala fungsinya kepada JAPRS. Setiap penempatan dan pertukaran staf juga perlu melalui kelulusan JAPRS.

Proses pengauditan akan yang dilaksanakan oleh Seksyen Audit Dalam adalah berdasarkan kepada perancangan tahunan yang disemak dan diluluskan oleh JAPRS. Pengauditan secara berkala terhadap komponen utama operasi dilaksanakan berpandukan perancangan tahunan audit dalam dimana seterusnya laporan-laporan audit yang mengandungi maklum balas daripada bahagian yang diaudit, akan dibentangkan kepada pihak pengurusan untuk diulas dan dibincangkan.

Melalui mesyuarat yang diadakan secara berkala oleh JAPRS, penemuan-penemuan audit akan dibentangkan dan sekiranya perlu, ia juga akan dibentangkan kepada Anggota Suruhanjaya untuk perbincangan lanjut dan pihak pengurusan pula perlu mengemukakan pelan rektifikasi.



PENYATAAN KAWALAN DALAMAN


FUNGSI KAWALAN ORGANISASI

Elemen-elemen utama fungsi kawalan SSM adalah seperti berikut:

- Mewujudkan satu struktur pelaporan organisasi yang jelas dengan penetapan garis panduan oleh pihak pengurusan atasan.
- Satu dasar latihan yang konsisten dan mewujudkan perancangan penggantian bagi memastikan kesinambungan peranan dalam pembuatan keputusan kritikal.
- Mengemas kini Penilaian Penunjuk Prestasi Tahunan (KPI) dan Sasaran Prestasi Utama (KPT) secara berterusan dan menyemak semula polisi dan prosedur bagi mencapai objektif, visi dan misi organisasi.
- Menilai semula sistem kawalan dan prosedur secara efektif dan berterusan.
- Perubahan paradigma dalam proses dan prosedur bekerja sejajar dengan pindaan Akta Syarikat dan Pengenalan Akta Perkongsian Liabiliti Terhad (Akta PLT 2012).
- Seksyen integriti berperanan memantau kelakuan, salah laku dan integriti kakitangan SSM.
- Proses pengambilan cuti, tuntutan dan pembayaran pendahuluan melalui sistem berkomputer dilihat sebagai berisiko tinggi dan terdedah kepada penyalahgunaan. Pegawai yang meluluskan akan diberi akses meluluskan tuntutan berdasarkan rekod dan dokumen sokongan yang dimuat turun melalui sistem.
- Setiap staf diminta mengisytiharkan semua kepentingan atau hubungan yang boleh mengaitkan atau meletakkan mereka dalam kedudukan mempengaruhi sebarang keputusan yang dibuat.
- Polisi dan prosedur dalam proses perolehan telah menetapkan dua jawatankuasa berbeza iaitu komersil dan teknikal di mana kedua-dua jawatankuasa ini memainkan peranan berbeza dalam menilai sesuatu tender. Setiap penilaian yang dibuat oleh kedua-dua jawatankuasa ini akan dinilai dan dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Perolehan.
- Penglibatan juruaudit dalam sebagai pemerhati bebas di semua peringkat proses perolehan melalui kaedah tender adalah bertujuan menggalakkan ketelusan dan akauntabiliti.
- Dasar Keselamatan ICT SSM 2012 diperkenalkan untuk memastikan perlindungan yang berkesan dan penggunaan komputer SSM secara betul. Polisi ini merupakan garis panduan yang lengkap dan membantu meningkatkan disiplin serta memberi rujukan jelas bagi kakitangan Bahagian Pengurusan IT dalam menjalankan tugas mereka.
- Polisi Kawalan Capaian membenarkan pegawai yang berkuasa melihat tahap akses setiap staf bagi tujuan memantau tahap capaian yang dibenarkan mengikut skop kerja bagi setiap staf tersebut.
- Pihak berkuasa berkaitan klasifikasi dokumen dibolehkan untuk memilih individu untuk mengklasifikasikan dokumen-dokumen tertentu dan seterusnya mengendalikan prosedur berkaitan pengurusan dan pengendalian dokumen.
- Pekeliling, memo, manual dan prosedur yang disediakan secara dalam talian membolehkan kakitangan mendapatkannya secara mudah dan ini merupakan usaha untuk menggalakkan kesedaran dan pematuhan di kalangan kakitangan SSM.

Penyataan ini telah dibentangkan di dalam mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko pada 14 Februari 2013 untuk penelitian dan seterusnya akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Suruhanjaya akan datang.

Pada 1 Mac 2013, penyataan ini telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Suruhanjaya dan diluluskan dengan sewajarnya tanpa apa-apa pindaan.



PENYATA KEWANGAN



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012**

Penyata Kewangan Suruhanjaya Syarikat Malaysia bagi tahun berakhir 31 Disember 2012 telah diaudit oleh wakil saya. Pihak pengurusan bertanggungjawab terhadap Penyata Kewangan ini. Tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap Penyata Kewangan tersebut.

Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan. Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada Penyata Kewangan adalah bebas daripada kesilapan atau ketinggalan yang ketara. Pengauditan ini termasuk memeriksa rekod dan dokumen secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan pendedahan yang mencukupi dalam Penyata Kewangan. Penilaian juga dibuat terhadap prinsip perakaunan yang digunakan, unjuran signifikan oleh pengurusan dan persembahan Penyata Kewangan secara keseluruhan. Saya percaya pengauditan yang dilaksanakan memberi asas yang munasabah terhadap pendapat saya.

Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Suruhanjaya Syarikat Malaysia pada 31 Disember 2012 serta hasil operasi dan aliran tunainya untuk tahun tersebut adalah selaras dengan piawaian perakaunan yang diluluskan.

(NIKRUL TARMIZI BIN AWALLUDIN)

b.p. KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
8 JULAI 2013



PENYATA Pengerusi dan Seorang Anggota SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

Kami, **DATO' SARIPUDDIN BIN KASIM** dan **MOHD NAIM BIN DARUWISH**, yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Anggota SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Anggota, Penyata Kewangan yang mengandungi Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini beserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan **SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA** pada 31 Disember 2012 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Suruhanjaya,



Nama : DATO' SARIPUDDIN BIN KASIM
Gelaran : Pengerusi Suruhanjaya
Tarikh : 1 Julai 2013
Tempat : KUALA LUMPUR

Bagi pihak Suruhanjaya,



Nama : MOHD NAIM BIN DARUWISH
Gelaran : ANGGOTA SURUHANJAYA
Tarikh : 1 Julai 2013
Tempat : KUALA LUMPUR




PERAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

Saya, **ZAHRAH BT ABD. WAHAB FENNER**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan **SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA**, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini beserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak Akta Aduan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya)
diakui oleh penama di atas di)
Kuala Lumpur pada)
1 Mac 2013)

Di hadapan saya,



No. 3-53B Jalan Desa 2/1
Desa Aman Puri, Kepong,
52100 Kuala Lumpur.

LEMBARAN IMBANGAN PADA 31 DISEMBER 2012

	Nota	2012 RM	2011 RM
Aset Bukan Semasa			
Harta, kelengkapan dan peralatan	3	162,678,958	179,267,104
Pelaburan jangka panjang	4	132,216,324	125,542,976
Kerja dalam kemajuan	5	2,990,314	3,256,284
Pembiayaan pekerja	6	46,911,458	37,380,389
		344,797,054	345,446,753
Aset Semasa			
Penghutang perdagangan	7	1,134,063	1,223,899
Penghutang lain, deposit dan pra bayar	8	6,526,569	5,921,966
Pembiayaan pekerja	6	3,551,237	2,715,885
Pelaburan jangka pendek	9	67,221,000	103,905,642
Inventori	10	1,196,680	1,347,240
Tunai dan kesetaraan tunai	11	322,966,461	278,921,063
		402,596,010	394,035,695
JUMLAH ASET		747,393,064	739,482,448

Nota-nota di muka surat 103 hingga 129 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini



LEMBARAN IMBANGAN PADA 31 DISEMBER 2012

	Nota	2012 RM	2011 RM
EKUITI DAN LIABILITI			
Ekuiti			
Geran Kerajaan	12	17,930,261	24,041,453
Lebihan terkumpul		459,086,839	465,502,280
Dana pembiayaan pekerja	13	76,000,000	56,000,000
		553,017,100	545,543,733
Liabiliti Bukan Semasa			
Peruntukan Faedah Pekerja	14	569,293	582,416
		569,293	582,416
Liabiliti Semasa			
Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan	15	177,514,293	178,512,770
Pemiutang lain	16	13,496,378	11,576,366
Pemiutang projek jangka pendek	17	0	3,267,163
Peruntukan cukai korporat	22	2,796,000	0
		193,806,671	193,356,299
Jumlah Liabiliti		194,375,964	193,938,715
JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI		747,393,064	739,482,448

Nota-nota di muka surat 103 hingga 129 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini

PENYATA PENDAPATAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

	Nota	2012 RM	2011 RM
Pendapatan	18	355,061,224	357,706,236
Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan	15	(177,514,293)	(178,512,770)
		177,546,931	179,193,466
Perbelanjaan Operasi			
Kos pekerja	19	87,292,476	72,291,279
Kos pentadbiran	20	57,920,850	57,887,530
Susutnilai	3	21,695,684	20,696,763
Pelunasan ke atas geran yang diterima dan pelaburan jangka panjang		(5,742,638)	(3,355,521)
		161,166,372	147,520,051
Lebihan sebelum cukai	21	16,380,559	31,673,415
Cukai	22	2,796,000	-
Lebihan selepas cukai		13,584,559	31,673,415

Nota-nota di muka surat 103 hingga 129 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini



PENYATA PERUBAHAN EKUITI BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

	← Geran Modal →				
	Geran Kerajaan RM	Manfaat Perletakhakan RM	Lebih Terkumpul RM	Dana Pembiayaan Pekerja RM	Jumlah RM
Baki pada 1 Januari 2011	24,855,000	11,596	433,828,865	56,000,000	514,695,461
<u>Lebih bersih tidak diambil kira dalam penyata pendapatan</u>					
Pelunasan ke atas geran yang diterima	(3,900,000)	(7,853)	-	-	(3,907,853)
	(3,900,000)	(7,853)	-	-	(3,907,853)
Geran Kerajaan yang diterima dalam tahun semasa	3,082,710	-	-	-	3,082,710
Lebih selepas cukai	-	-	31,673,415	-	31,673,415
Baki pada 31 Disember 2011	24,037,710	3,743	465,502,280	56,000,000	545,543,733
<u>Lebih bersih tidak diambil kira dalam penyata pendapatan</u>					
Pelunasan ke atas geran yang diterima	(6,111,192)	-	-	-	(6,111,192)
	(6,111,192)	-	-	-	(6,111,192)
Tambahan dana pembiayaan pekerja	-	-	(20,000,000)	20,000,000	-
Lebih selepas cukai	-	-	13,584,559	-	13,584,559
Baki pada 31 Disember 2012	17,926,518	3,743	459,086,839	76,000,000	553,017,100

Nota-nota di muka surat 103 hingga 129 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

	2012 RM	2011 RM
<u>Aktiviti Kendalian</u>		
Lebihan sebelum cukai	16,380,559	31,673,415
Pelarasan bagi:		
Susutnilai	21,695,684	20,696,763
Pelunasan ke atas geran yang diterima	(6,111,192)	(3,907,853)
Pelunasan ke atas pelaburan jangka panjang	368,554	552,332
(Keuntungan)/Kerugian dari pelupusan harta, kelengkapan dan peralatan	(32,636)	(408,461)
Keuntungan dan dividen daripada pelaburan	(20,980,232)	(19,411,186)
Keuntungan operasi sebelum perubahan modal kerja	11,320,737	29,195,010
(Pertambahan)/Pengurangan inventori	150,560	(552,562)
(Pertambahan)/Pengurangan penghutang perdagangan	89,836	(419,368)
(Pertambahan)/Pengurangan penghutang lain, deposit dan prabayar	(604,603)	(1,074,738)
Pertambahan/(Pengurangan) Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan	(998,477)	17,080,071
Pertambahan/(Pengurangan) pemiutang lain	1,923,469	1,823,104
Pertambahan/(Pengurangan) pemiutang kerja dalam kemajuan	(3,267,164)	2,211,086
Pertambahan/(Pengurangan) peruntukan faedah pekerja	(16,580)	(124,878)
Tunai bersih dari aktiviti kendalian	8,597,778	48,137,725
<u>Tunai dari aktiviti pelaburan</u>		
Pemerolehan harta, kelengkapan dan peralatan	(5,108,479)	(11,856,935)
Terimaan daripada pelupusan harta, kelengkapan dan peralatan	33,578	505,290
(Pertambahan)/Pengurangan kerja dalam kemajuan	265,970	3,019,074
Peletakan dalam pelaburan	29,642,739	15,324,116
Terimaan keuntungan dan dividen	20,980,232	19,411,186
Pembiayaan pekerja	(13,647,244)	(12,829,115)
Bayaran balik pembiayaan pekerja	3,280,826	2,389,296
Tunai bersih dari/(digunakan untuk) aktiviti pelaburan	35,447,622	15,962,912

Nota-nota di muka surat 103 hingga 129 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini



PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

	2012 RM	2011 RM
<u>Tunai dari aktiviti kewangan</u>		
Geran Kerajaan	0	3,082,710
Tunai bersih dari aktiviti kewangan	0	3,082,710
(Pengurangan)/Pertambahan bersih tunai dan kesetaraan tunai	44,045,400	67,183,347
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun	278,921,061	211,737,714
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun	322,966,461	278,921,061

Nota-nota di muka surat 103 hingga 129 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

1. AKTIVITI UTAMA

Suruhanjaya Syarikat Malaysia (Suruhanjaya) adalah merupakan sebuah badan berkanun yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 (Akta 614). Aktiviti utama Suruhanjaya adalah pengawal selia perbadanan, syarikat dan perniagaan di bawah Akta Syarikat 1965, Akta Pendaftaran Perniagaan 1956, Akta Syarikat Amanah 1949, Akta (Larangan) Kumpulan Wang Kootu 1971 dan mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta-Akta yang disebut di atas.

Tiada perubahan yang signifikan terhadap aktiviti utama dalam tahun semasa.

2. POLISI PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN

Polisi perakaunan yang dinyatakan di bawah telah diguna pakai secara konsisten oleh Suruhanjaya pada semua tahun terdahulu yang dibentangkan dalam penyata kewangan ini, melainkan jika dinyatakan sebaliknya.

(a) Asas Penyediaan

Penyata kewangan Suruhanjaya telah disediakan mengikut piawaian perakaunan yang diluluskan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) untuk entiti persendirian (Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian).

Penyata kewangan Suruhanjaya telah disediakan mengikut asas kos sejarah, kecuali yang didedahkan dalam ringkasan polisi perakaunan yang signifikan.

Penyediaan penyata kewangan memerlukan pengurusan untuk membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang mempengaruhi pemakaian polisi perakaunan dan laporan amaun aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan. Walaupun pertimbangan, anggaran dan andaian adalah berdasarkan kepada pengetahuan dan tindakan semasa yang terbaik, keputusan sebenar mungkin berbeza.

Anggaran dan andaian disemak atas dasar berterusan. Semakan anggaran perakaunan diiktiraf dalam tempoh di mana anggaran disemak dan dalam mana-mana tempoh hadapan yang berkenaan.

(b) Peletakhakan Aset, Hak dan Liabiliti

Ini merupakan aset, hak dan liabiliti Kerajaan Malaysia yang dipindahkan kepada dan dipeletakhakan dalam Suruhanjaya. Hanya dinyatakan selepas mengambilkira semua perbelanjaan terus dan susutnilai aset yang dipeletakhakan.

Peletakhakan aset, hak dan liabiliti dinyatakan pada nilai saksama dan diiktiraf dalam lembaran imbalan berdasarkan kepada tarikh peletakhakan.

Peletakhakan aset bukan tunai dilunaskan berdasarkan kepada anggaran hayat penggunaannya. Manfaat ini dinyatakan sebagai pelunasan ke atas geran yang diterima dalam penyata perubahan ekuiti.



2. POLISI PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN (sambungan)

(c) Harta, Kelengkapan dan Peralatan

Harta, kelengkapan dan peralatan dinyatakan pada kos sejarah setelah ditolak susutnilai terkumpul dan kerugian kemerosotan. Kos adalah termasuk perbelanjaan yang berkaitan terus dengan perolehan sesuatu aset berkenaan.

Kos berikutan diambil kira dalam jumlah bawaan aset atau diiktiraf sebagai aset berasingan, yang mana berkenaan, jika manfaat ekonomi masa hadapan berkaitan item berkenaan berkemungkinan akan mengalir kepada Suruhanjaya dan kos berkenaan boleh diukur dengan pasti.

Harta, kelengkapan dan peralatan disusutnilaikan mengikut kaedah garis lurus untuk menghapus kira kos sesuatu aset, atau amaun nilai semula, kepada nilai baki ke atas anggaran tempoh hayat kegunaan. Kadar susutnilai tahunan yang diguna pakai telah diringkaskan seperti berikut :

Bangunan	2%
Peralatan Bangunan	20%
Kenderaan Bermotor	20%
Perisian dan Perkakasan Komputer	20%-33 $\frac{1}{3}$ %
Peralatan Pejabat, Perabot dan kelengkapan	20%
Ubahsuai	20%-33 $\frac{1}{3}$ %

Susutnilai ke atas harta, kelengkapan dan peralatan dalam pembinaan akan bermula apabila harta, kelengkapan dan peralatan berkenaan diserahkan dan sedia untuk kegunaan yang dimaksudkan. Susutnilai ke atas harta, kelengkapan dan peralatan yang tidak diiktiraf akan dihentikan dan diklasifikasi sebagai harta untuk jualan.

Nilai baki dan tempoh jangka hayat kegunaan harta, kelengkapan dan peralatan akan dikaji dan diselaraskan, jika perlu, pada tarikh pelaporan.

Pada setiap tarikh pelaporan, Suruhanjaya akan menilai sama ada terdapat sebarang petanda kemerosotan. Sekiranya petanda berkenaan wujud, satu analisa akan dilaksanakan untuk menilai sama ada amaun bawaan aset boleh diperolehi semula sepenuhnya. Penurunan nilai dilakukan jika amaun bawaan melebihi amaun boleh pulih. Sila rujuk Nota 2(d) polisi perakaunan mengenai kemerosotan aset.

Keuntungan atau kerugian daripada pelupusan harta, kelengkapan dan peralatan adalah perbezaan antara hasil pelupusan bersih dan amaun bawaan bagi harta, kelengkapan dan peralatan, dan didedahkan dalam penyata pendapatan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

2. POLISI PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN (sambungan)

(d) Kemerosotan Aset

Nilai bawaan harta, kelengkapan dan peralatan disemak semula untuk menentukan sama ada terdapatnya sebarang petunjuk kemerosotan. Kemerosotan diukur dengan membandingkan nilai bawaan aset dengan jumlah boleh diperolehi semula. Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan dengan serta merta.

Peningkatan jumlah boleh diperolehi semula aset yang berikutnya dianggap sebagai penerbalikan kerugian kemerosotan sebelum ini dan diiktiraf sehingga tahap nilai bawaan aset yang akan ditentukan (bersih daripada pelunasan dan susutnilai) sekiranya tiada kerugian kemerosotan diiktiraf. Penerbalikan diiktiraf dalam penyata pendapatan dengan serta merta.

(e) Pelaburan Jangka Panjang

Pelaburan jangka panjang dinyatakan pada kos dan dipegang sehingga matang. Peruntukan pengurangan nilai dibuat apabila wujudnya pengurangan yang kekal.

(f) Kerja Dalam Kemajuan

Kerja dalam kemajuan dinyatakan pada kos dan dipermodalkan sebagai harta, kelengkapan dan peralatan setelah sijil akuan siap atau sijil akuan penerimaan diterima oleh Suruhanjaya.

(g) Pembiayaan Pekerja

Pembiayaan pekerja dinyatakan pada kos ditolak peruntukan hutang lapuk dan hutang ragu.

(h) Penghutang Perdagangan

Penghutang perdagangan dinyatakan pada amaun inuis ditolak peruntukan hutang ragu. Peruntukan ini dibuat apabila terdapat bukti bahawa Suruhanjaya tidak dapat mengutip amaun berkenaan berdasarkan kepada terma asal penghutang.

(i) Inventori

Inventori dinyatakan pada kos berdasarkan kepada nilai yang diinvois oleh pembekal.



2. POLISI PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN (sambungan)

(j) Tunai dan Kesetaraan Tunai

Untuk tujuan penyata aliran tunai, tunai dan kesetaraan tunai adalah terdiri daripada tunai dalam tangan, deposit panggilan dengan bank, lain-lain jangka pendek dan pelaburan berkecairan tinggi dengan tempoh kematangan asal sehingga setahun.

(k) Geran Kerajaan

Geran Kerajaan diiktiraf pada nilai saksama apabila terdapat keyakinan munasabah bahawa geran tersebut akan diterima dan kesemua syarat yang ditetapkan akan dipatuhi oleh Suruhanjaya.

Geran kerajaan yang dikaitkan dengan perbelanjaan diiktiraf sebagai pendapatan dalam penyata pendapatan berdasarkan kepada pendekatan yang sistematik ke atas tempoh yang diperlukan untuk memadamkan geran tersebut dengan perbelanjaan yang dimaksudkan.

Geran kerajaan yang dikaitkan dengan pembelian aset dimasukkan sebagai pendapatan tertunda pada nilai saksama dan diiktiraf dalam penyata pendapatan berdasarkan jangka hayat aset berkenaan melalui amaun ansuran yang bersamaan.

(l) Faedah Pekerja

Faedah Pekerja Jangka Pendek

Gaji, cuti tahunan dan cuti sakit berbayar, bonus dan faedah bukan kewangan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh di mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh pekerja Suruhanjaya.

Pelan Caruman Wajib

Suruhanjaya mencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk pekerja yang memilih skim KWSP dan Kumpulan Amanah Pencen (KWAP) untuk pekerja yang memilih skim pencen Kerajaan. Caruman ini diambil kira dalam penyata pendapatan dalam tempoh di mana ia berkait. Setelah caruman dibayar, Suruhanjaya tidak mempunyai kewajipan pembayaran selanjutnya.

Faedah Pekerja Jangka Panjang

Pembayaran faedah pekerja jangka panjang selepas persaraan dan/atau setelah tamat tempoh perkhidmatan kontraknya akan diiktiraf dalam penyata pendapatan tahun semasa sebagai faedah pekerja, manakala dalam lembaran imbalan, amaun ini diiktiraf sebagai liabiliti yang dikenali sebagai Peruntukan Faedah Pekerja.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

2. POLISI PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN (sambungan)

(l) Faedah Pekerja (sambungan)

Faedah Pekerja Jangka Panjang (Sambungan)

Jenis-jenis faedah pekerja jangka panjang yang diiktiraf adalah seperti berikut:

- (i) bayaran gantian cuti rehat dalam bentuk tunai; dan
- (ii) bayaran gratuiti kepada pekerja kontrak yang tamat tempoh perkhidmatan.

Kaedah pengiraan tunai boleh bayar untuk gantian cuti rehat kepada pekerja yang bersara dan pengiraan gratuiti boleh bayar kepada pekerja kontrak yang tamat tempoh perkhidmatannya adalah berdasarkan kepada maklumat sebenar sedia ada pada tarikh lembaran imbangan dan kelayakan berdasarkan kepada terma dan syarat perkhidmatan Suruhanjaya. Kadar gaji semasa digunakan untuk pengiraan liabiliti ini.

(m) Caruman kepada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan

Caruman kepada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan mewakili lima puluh peratus (50%) daripada jumlah hasil diterima sebagaimana yang ditetapkan di bawah seksyen 35(1) Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 (Akta 614).

Pengiraan amaun caruman boleh bayar kepada Kerajaan adalah berdasarkan kepada jumlah kasar hasil yang diterima dalam sesuatu tahun dan ditolak peruntukan hutang ragu. Caruman ini diakrukan dalam tahun di mana pendapatan diiktiraf.

(n) Pemiutang Lain

Pemiutang lain dinyatakan pada nilai nominal yang merupakan nilai saksama pertimbangan yang perlu dibayar dalam tempoh hadapan untuk barangan dan perkhidmatan yang diterima.

(o) Cukai

Cukai pendapatan ke atas lebihan atau defisit bagi tahun kewangan terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa merupakan amaun cukai pendapatan yang dijangka perlu dibayar ke atas lebihan bercukai bagi tahun semasa dan dikira mengikut kadar cukai yang dikuat kuasakan pada tarikh lembaran imbangan.

Cukai tertunda diperuntukkan mengikut kaedah liabiliti, ke atas perbezaan sementara yang timbul antara asas cukai aset dan liabiliti dan nilai bawaannya dalam penyata kewangan. Pada prinsipnya, liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara bercukai dan aset cukai tertunda diiktiraf bagi semua potongan perbezaan sementara bercukai, setakat mana terdapatnya kemungkinan keuntungan bercukai masa hadapan yang ada boleh digunakan terhadap potongan perbezaan sementara.

Cukai tertunda dikira pada kadar cukai yang dikuat kuasakan pada tarikh lembaran imbangan.



2. POLISI PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN (sambungan)

(p) Peruntukan

Peruntukan diiktiraf apabila Suruhanjaya mempunyai obligasi perundangan atau konstruktif semasa hasil daripada peristiwa terdahulu yang berkemungkinan akan memerlukan aliran keluar sumber untuk menjelaskan obligasi tersebut, dan apabila anggaran berhubung jumlah tersebut boleh dibuat. Jika Suruhanjaya menjangka sesuatu peruntukan akan dibayar balik (contohnya, di bawah kontrak insurans), pembayaran balik tersebut diiktiraf sebagai aset yang berasingan tetapi hanya apabila pembayaran balik tersebut benar-benar boleh dipastikan.

Peruntukan tidak diiktiraf untuk kerugian operasi masa hadapan.

Jika terdapat beberapa obligasi yang serupa, kemungkinan keperluan aliran keluar untuk penyelesaian ditentukan dengan mempertimbangkan obligasi-obligasi tersebut secara keseluruhan mengikut kelas. Peruntukan diiktiraf walaupun kemungkinan aliran keluar berhubung dengan mana-mana perkara yang termasuk dalam sesuatu kelas obligasi yang sama adalah kecil.

Peruntukan diukur sebagai nilai semasa perbelanjaan yang dijangka akan diperlukan untuk menjelaskan obligasi dengan menggunakan kadar sebelum cukai yang menggambarkan taksiran pasaran semasa nilai masa wang dan risiko khusus obligasi. Peningkatan dalam peruntukan yang disebabkan oleh peredaran masa diiktiraf sebagai perbelanjaan faedah.

(q) Pengiktirafan Pendapatan

Pendapatan terdiri daripada nilai saksama pertimbangan diterima atau boleh terima bagi perkhidmatan yang diberikan mengikut aktiviti Suruhanjaya yang biasa. Pendapatan dinyatakan sebagai nilai bersih selepas cukai tambah nilai, pengembalian, rebat dan diskaun.

Suruhanjaya mengiktiraf hasil apabila amaun tersebut boleh diukur dan dipercayai, kemungkinan aliran manfaat ekonomi masa hadapan kepada Suruhanjaya dan kriteria tertentu telah dapat dipenuhi bagi setiap aktiviti Suruhanjaya seperti berikut:

(i) *Pendapatan Perkhidmatan*

Pendapatan perkhidmatan terdiri daripada kutipan fi pendaftaran syarikat dan perniagaan dan bekalan maklumat korporat sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta Syarikat 1965 dan Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 masing-masing. Pendapatan ini diiktiraf apabila sesuatu perkhidmatan telah sempurna dilaksanakan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

2. POLISI PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN (sambungan)

(q) Pengiktirafan Pendapatan (sambungan)

(ii) *Kompaun*

Kompaun diiktiraf apabila pembayaran diterima kerana memandangkan setiap kompaun yang dikeluarkan hanyalah merupakan satu tawaran dengan tempoh pembayaran yang ditetapkan oleh Pendaftar. Kompaun yang tidak dijelaskan dalam tempoh yang ditetapkan akan disusuli dengan tindakan pendakwaan selaras dengan peruntukan Akta Syarikat 1965 dan Akta Pendaftaran Perniagaan 1956.

Walau bagaimanapun, denda yang diperolehi daripada keputusan Mahkamah hasil daripada tindakan pendakwaan adalah merupakan hasil Kerajaan dan bukannya Suruhanjaya.

(iii) *Program Latihan Korporat*

Pendapatan daripada Program Latihan Korporat diiktiraf apabila program selesai dilaksanakan.

(iv) *Faedah, Dividen dan Keuntungan*

Faedah, dividen dan keuntungan diiktiraf mengikut kaedah perkadaran masa, dengan mengambil kira tunggakan prinsipal dan kadar efektif sehingga tempoh matang, apabila pendapatan berkenaan pasti akan diakrukan kepada Suruhanjaya.

(r) Instrumen Kewangan

Instrumen kewangan adalah sebarang kontrak yang meningkatkan aset kewangan sesebuah perusahaan dan liabiliti kewangan atau instrumen ekuiti kepada perusahaan yang lain.

Aset kewangan adalah sebarang aset yang berupa wang tunai, hak kontrak untuk menerima wang tunai atau lain-lain aset kewangan daripada perusahaan lain, hak kontrak untuk menukar instrumen kewangan dengan perusahaan lain di bawah syarat yang berpotensi menguntungkan, atau instrumen ekuiti perusahaan lain.

Liabiliti kewangan adalah sebarang tanggungan yang merupakan obligasi kontrak untuk memberi wang tunai atau aset kewangan lain kepada perusahaan lain, atau menukar instrumen kewangan dengan perusahaan lain di bawah syarat yang berpotensi tidak menguntungkan.

Kaedah pengiktirafan yang diterima pakai bagi instrumen kewangan yang diiktiraf dalam lembaranimbangan didedahkan dalam kenyataan polisi perakaunan individu yang berkaitan dengan setiap instrumen kewangan.



NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN
KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

3. HARTA, KELENGKAPAN DAN PERALATAN

	Bangunan RM	Peralatan Bangunan RM	Peralatan Pejabat, Perabot dan Kelengkapan RM	Peralatan dan Perisian Komputer RM	Kenderaan Bermotor RM	Ubahsuai RM	Jumlah RM
Kos							
Pada 1 Januari 2012	135,307,436	16,650,580	14,046,596	55,499,264	6,547,249	37,364,606	265,415,731
Tambahan	0	0	612,672	3,163,269	1,332,538	0	5,108,479
Pelupusan	0	0	(173,960)	0	(141,559)	(1,441,700)	(1,757,219)
Pada 31 Disember 2012	135,307,436	16,650,580	14,485,308	58,662,533	7,738,228	35,922,906	268,766,991
Susutnilai terkumpul dan kemosotan							
Pada 1 Januari 2012	5,412,298	6,364,232	7,943,756	37,857,671	3,973,856	21,445,833	82,997,646
Susutnilai tahun semasa	2,706,149	3,330,116	2,114,556	7,711,295	798,925	5,034,643	21,695,684
Pelupusan	0	0	(179,625)	0	(141,558)	(1,435,095)	(1,756,278)
Kerugian kemosotan	0	0	0	3,150,981	0	0	3,150,981
Pada 31 Disember 2012	8,118,447	9,694,348	9,878,687	48,719,947	4,631,223	25,045,381	106,088,033
Nilai buku bersih							
Pada 31 Disember 2012	127,188,989	6,956,232	4,606,621	9,942,586	3,107,005	10,877,525	162,678,958

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

3. HARTA, KELENGKAPAN DAN PERALATAN (sambungan)

	Bangunan RM	Peralatan Bangunan RM	Peralatan Pejabat, Perabot dan Kelengkapan RM	Peralatan dan Perisian Komputer RM	Kenderaan Bermotor RM	Ubahsuai RM	Jumlah RM
Kos							
Pada 1 Januari 2011	135,307,436	15,170,577	13,797,963	55,207,499	6,521,195	36,080,927	262,085,597
Tambahan	0	1,480,003	248,633	6,352,569	1,851,641	1,924,089	11,856,935
Pelupusan	0	0	0	(6,060,804)	(1,825,587)	(640,410)	(8,526,801)
Pada 31 Disember 2011	135,307,436	16,650,580	14,046,596	55,499,264	6,547,249	37,364,606	265,415,731
Susutnilai terkumpul							
Pada 1 Januari 2011	2,706,149	3,034,116	5,685,347	37,611,671	5,024,918	16,668,655	70,730,856
Susutnilai tahun semasa	2,706,149	3,330,116	2,258,409	6,298,754	774,505	5,328,830	20,696,763
Pelupusan	0	0	0	(6,052,754)	(1,825,567)	(551,652)	(8,429,973)
Kerugian kemerosotan	0	0	0	3,150,981	0	0	3,150,981
Pada 31 Disember 2011	5,412,298	6,364,232	7,943,756	41,008,652	3,973,856	21,445,833	86,148,627
Nilai buku bersih							
Pada 31 Disember 2011	129,895,138	10,286,348	6,102,840	14,490,612	2,573,393	15,918,773	179,267,104



3. HARTA, KELENGKAPAN DAN PERALATAN (sambungan)

Aset-aset Projek Migrasi telah dipeletakhakan kepada Suruhanjaya mengikut Perjanjian Novasi (*Novation Agreement*) bertarikh 23 April 2004 dan dinyatakan pada nilai saksama pada tarikh peletakhakan.

Ujian kemerosotan telah dilaksanakan dan kerugian kemerosotan berjumlah RM 3,150,981 telah diiktiraf dalam penyata pendapatan.

4. PELABURAN JANGKA PANJANG

Pelaburan jangka panjang terdiri daripada pelaburan dalam Keluaran Pelaburan Kerajaan, Cagamas Berhad Sukuk dan *Islamic Medium Term Notes* dengan kadar kupon antara 3.45% hingga 5.0% (2011: 3.50% hingga 5.0%) dengan tempoh sehingga sepuluh (10) tahun.

Suruhanjaya juga telah meletakkan dananya dalam Akaun Amanah Institusi yang diselenggarakan oleh Amanah Raya Berhad, satu syarikat awam berhad dengan saham yang ditubuhkan di Malaysia. Keuntungan kasar boleh terima oleh Suruhanjaya ialah 5% setahun (2011: 5% setahun) dengan tempoh matang peletakan selama lima (5) tahun.

Struktur kematangan pelaburan jangka panjang pada akhir tahun kewangan adalah seperti berikut:

	2012 RM	2011 RM
Aset Semasa		
Dalam tempoh satu (1) tahun (lihat Nota 9)	10,221,000	25,262,700
Aset Bukan Semasa		
Sehingga tempoh lima tahun	132,216,324	71,394,300
Lebih daripada lima tahun	0	54,148,676
	142,437,324	150,805,676

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

5. KERJA DALAM KEMAJUAN

	2012 RM	2011 RM
Baki pada 1 Januari	3,256,284	6,275,358
Tambahan kerja dalam kemajuan dalam tahun kewangan	2,720,264	6,676,462
Permodalan kepada harta, kelengkapan dan peralatan	(2,986,234)	(9,695,536)
Baki pada 31 Disember	2,990,314	3,256,284

Kerja dalam kemajuan adalah termasuk projek teknologi maklumat dan komunikasi Suruhanjaya yang ditawarkan dalam tahun semasa dan tahun kewangan sebelumnya yang masih tidak dipermodalan memandangkan projek-projek berkenaan masih belum selesai atau masih menunggu pengeluaran sijil penerimaan dalam tahun semasa.

Tambahan kerja dalam kemajuan berjumlah RM 2,720,264 (2011: RM 6,676,462) diperolehi daripada projek teknologi maklumat dan komunikasi semasa dan yang baru ditawarkan yang masih dalam pembangunan dalam tahun semasa. Projek ini diklasifikasikan sebagai kerja dalam kemajuan berdasarkan kepada invoice yang diterima.

Kerja dalam kemajuan berjumlah RM 2,986,234 (2011: RM9,695,536) telah dipermodalkan dalam tahun kewangan semasa.

Salah satu daripada projek teknologi maklumat dan komunikasi berjumlah RM 1,190,000 yang ditawarkan dalam tahun 2011 telah ditamatkan dalam bulan Januari 2013 berikutan kegagalan pihak pembekal menyelesaikan projek berkenaan dalam tempoh kontrak yang ditetapkan. Sejumlah RM 416,500 daripada kos keseluruhan projek telah diklasifikasikan sebagai kerja dalam kemajuan berdasarkan kepada invoice yang diterima.

Suruhanjaya akan memulakan tindakan undang-undang terhadap pembekal di atas kemungkiran kontrak dan akan menuntut kerugian dan gantirugi yang ditanggung dan dialami oleh Suruhanjaya akibat daripada kemungkiran kontrak berkenaan.

**6. PEMBIAYAAN PEKERJA**

	2012 RM	2011 RM
Pembiayaan perumahan	57,662,321	45,104,899
Pembiayaan kenderaan bermotor	2,951,185	2,278,222
Pembiayaan komputer	164,244	172,947
Amaun kasar pembiayaan	60,777,750	47,556,068
Keuntungan belum diperolehi daripada pembiayaan	(10,315,055)	(7,459,794)
Nilai semasa pembayaran belum terima minima	50,462,695	40,096,274

Struktur kematangan pembiayaan pekerja pada akhir tahun kewangan adalah seperti berikut:

	2012 RM	2011 RM
<i>Amaun kasar pembiayaan:</i>		
Dalam tempoh satu tahun	3,475,642	2,877,150
Lebih daripada satu tahun dan sehingga lima tahun	15,895,063	13,195,773
Lebih daripada lima tahun	41,407,045	31,483,145
	60,777,750	47,556,068
<i>Nilai semasa pembayaran belum terima minima:</i>		
Dalam tempoh satu tahun	3,551,237	2,715,885
Lebih daripada satu tahun dan sehingga lima tahun	16,031,714	12,420,409
Lebih daripada lima tahun	30,879,744	24,959,980
	50,462,695	40,096,274

Pembiayaan pekerja merangkumi pembiayaan perumahan, kenderaan bermotor dan komputer secara Islam kepada pekerja Suruhanjaya. Pembiayaan kenderaan bermotor dan komputer mempunyai tempoh bayaran balik maksima masing-masingnya selama lapan (8) tahun dan empat (4) tahun dengan kadar keuntungan pembiayaan sebanyak 4% setahun (2011: 4% setahun). Pembiayaan perumahan mempunyai tempoh bayaran balik maksima tiga puluh (30) tahun dengan kadar keuntungan sebanyak 2% setahun (2011: 2% setahun).

Kadar keuntungan efektif untuk semua pembiayaan pekerja adalah 7% hingga 9% setahun (2011: 7% hingga 9% setahun).

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

7. PENGHUTANG PERDAGANGAN

Penghutang perdagangan terdiri daripada fi perkhidmatan belum terima, termasuk fi perkhidmatan e-Info dan pembaharuan pendaftaran perniagaan yang dibekalkan oleh ejen yang dilantik, perkhidmatan e-Lodgement dan fi daripada Program Latihan Korporat.

Tempoh kredit yang diberikan kepada penghutang perdagangan adalah tiga puluh (30) hari daripada tarikh invoice dikeluarkan atau sebagaimana yang dinyatakan dalam perjanjian dengan agen yang dilantik berkaitan.

8. PENGHUTANG LAIN, DEPOSIT DAN PRA BAYAR

	2012 RM	2011 RM
Keuntungan dan dividen belum terima	4,438,663	2,580,994
Deposit dan pra bayar	1,473,567	2,703,682
Pendahuluan pekerja	166,377	599,145
Lain-lain terimaan	447,962	38,145
	6,526,569	5,921,966

Termasuk dalam keuntungan dan dividen belum terima adalah keuntungan yang diterima terdahulu daripada Akaun Deposit Mudharabah (MDA) berjumlah RM 176,206 (2011: RM 340,071).

9. PELABURAN JANGKA PENDEK

	2012 RM	2011 RM
Sijil Instrumen Hutang Boleh Runding	5,000,000	8,215,383
Deposit Komoditi Murabahah	52,000,000	70,427,559
Pelaburan Jangka Panjang yang matang dalam tempoh dua belas (12) bulan (lihat Nota 4)	10,221,000	25,262,700
	67,221,000	103,905,642

Suruhanjaya juga membeli Sijil Instrumen Hutang Boleh Runding dan Deposit Komoditi Murabahah melalui beberapa institusi kewangan berlesen. Keuntungan efektif boleh terima oleh Suruhanjaya untuk sekuriti ini adalah pada kadar antara 3.01% kepada 3.45% setahun (2011: 3.15% hingga 3.65% setahun) dengan tempoh matang peletakan sehingga dua belas (12) bulan.

**10. INVENTORI**

	2012 RM	2011 RM
Baki pada 1 Januari	1,347,240	794,680
Belian	3,640,000	3,650,000
Jualan	(3,790,560)	(3,097,440)
Baki pada 31 Disember	1,196,680	1,347,240

Kementerian Kewangan melalui surat bertarikh 24 Mac 2010 telah memberikan kelulusan di bawah seksyen 82 Akta Setem 1949 kepada Suruhanjaya untuk menjual setem hasil untuk dilekatkan atas *Memorandum and Article of Association* syarikat-syarikat yang diperbadankan.

Inventori ini dinyatakan pada kos.

11. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

	2012 RM	2011 RM
Baki tunai dan bank	26,808,605	47,939,827
Peletakan deposit dengan:		
Bank tempatan berlesen dan institusi kewangan	296,157,856	230,981,236
	322,966,461	278,921,063

Kadar keuntungan efektif bagi pelaburan am Al-Mudharabah dan pelaburan khas Al-Mudharabah dengan bank-bank dan institusi-institusi kewangan berlesen adalah antara 3.01% hingga 3.45% setahun (2011: 3.15% hingga 3.65% setahun).

Tempoh matang bagi pelaburan am Al-Mudharabah ialah tiga puluh (30) hari hingga 1 tahun (2011: tiga puluh (30) hari hingga 1 tahun) dan pelaburan khas Al-Mudharabah ialah satu (1) malam hingga sembilan puluh (90) hari (2011: satu (1) malam hingga sembilan puluh (90) hari).

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

12. GERAN KERAJAAN

	Geran Modal RM	Manfaat Peletakhakan RM	Jumlah RM
Pada 1 Januari 2012	24,037,710	3,743	24,041,453
Tambahan geran diterima dalam tahun semasa	-	-	-
Pelunasan ke atas geran yang diterima	(6,111,192)	-	(6,111,192)
Pada 31 Disember 2012	17,926,518	3,743	17,930,261
Pada 1 Januari 2011	24,855,000	11,596	24,866,596
Tambahan geran diterima dalam tahun semasa	3,082,710	-	3,082,710
Pelunasan ke atas geran yang diterima	(3,900,000)	(7,853)	(3,907,853)
Pada 31 Disember 2011	24,037,710	3,743	24,041,453

Geran Kerajaan adalah termasuk geran operasi yang diberikan oleh Kerajaan, geran pembangunan yang diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMKe-9) dan manfaat peletakhakan. Geran operasi dan pembangunan diberikan bagi menampung perbelanjaan modal untuk bangunan baru dan projek pembangunan teknologi maklumat dan komunikasi Suruhanjaya.

Dalam tahun 2011, Suruhanjaya telah menerima peruntukan di bawah geran operasi berjumlah RM 3.5 juta untuk pembangunan Laluan SSM untuk Identiti Korporat Malaysia (MyCoID). Peruntukan ini adalah tambahan kepada jumlah peruntukan sebanyak RM 8.96 juta yang diterima dalam tahun 2010 untuk pembangunan projek teknologi maklumat dan komunikasi dan kerja-kerja hiasan dalaman untuk bangunan baru Suruhanjaya.

Peralatan teknologi maklumat dan komunikasi untuk projek MyCoID berjumlah RM 417,290 telah dipindahkan oleh Suruhanjaya dalam tahun kewangan semasa kepada lima (5) agensi yang menyertai iaitu Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Lembaga Hasil Dalam Negeri, Pertubuhan Keselamatan Sosial, SME Corporation dan Pembangunan Sumber Manusia Berhad. Jumlah ini telah ditolak daripada geran yang diterima dalam tahun semasa seperti berikut:

	2012 RM	2011 RM
Geran diterima dalam tahun kewangan semasa	-	3,500,000
Geran dipindahkan ke agensi lain	-	(417,290)
Baki pada 31 Disember	-	3,082,710



12. GERAN KERAJAAN (sambungan)

Tiada geran mengurus atau pembangunan diterima daripada Kerajaan dalam tahun kewangan semasa.

Manfaat peletakhakan bagi permulaan tahun kewangan adalah merupakan aset yang dipeletakhakan kepada Suruhanjaya dalam tahun 2002 hingga tahun 2004. Ini termasuk harta, kelengkapan dan peralatan, wang yang dikutip daripada Program Latihan Pengarah Syarikat dan novasi Projek Migrasi. Aset Projek Migrasi ini diklasifikasikan sebagai manfaat peletakhakan dan dinyatakan pada nilai saksama.

Pelunasan ke atas geran kerajaan dalam tahun semasa diambil kira sebagai manfaat penggunaan ke atas harta, kelengkapan dan peralatan yang berkenaan yang mana ia bersamaan dengan susutnilai harta, kelengkapan dan peralatan. Amaun ini dinyatakan sebagai pelunasan ke atas geran yang diterima dalam penyata perubahan ekuiti.

13. DANA PEMBIAYAAN PEKERJA

	2012 RM	2011 RM
Dana pembiayaan perumahan	70,000,000	50,000,000
Dana pembiayaan kenderaan bermotor	5,000,000	5,000,000
Dana pembiayaan komputer	1,000,000	1,000,000
	76,000,000	56,000,000

